



كومپيلاسي خطبہ جمعة

KOMPILASI KHUTBAH JUMAAT

2017

Kompilasi Khutbah Jumaat Tahun 2017

Keluaran Januari:

Tanai imej dan kredibiliti pasukan polis	Muka 7
Kelebihan mendirikan sembahyang	Muka 10
Zakat dan sedekah membawa berkat	Muka 14
Syarat dalam melaksanakan amal ibadat	Muka 19

Keluaran Februari:

Tingkatkan perpaduan dan keamanan negara	Muka 24
Membudayakan amalan kebersihan	Muka 28
Menjayakan wawasan negara	Muka 32
Penyelewengan akidah dan perkara bidaah	Muka 36

Keluaran Mac:

Pendidikan anak-anak tanggungjawab ibu bapa	Muka 42
Golongan orang-orang munafik	Muka 46
Isikan cuti persekolahan dengan aktiviti yang berfaedah	Muka 50
Bijaksana dalam penggunaan air	Muka 54

Keluaran April:

Bersangka baik amalan mulia	Muka 59
Adab dalam memberi nasihat dan teguran	Muka 63
Kesedaran ke atas penjimatan tenaga	Muka 66
Peristiwa Israk dan Mikraj penuh pengajaran	Muka 70
Kenduri arwah dan tahlil	Muka 74

Keluaran Mei:

Keluarga penyayang negara gemilang	Muka 78
Pentingnya keselamatan dan pencegahan kebakaran dalam kehidupan seharian	Muka 83
Bijaksana dalam pengurusan kewangan peribadi	Muka 88
Persiapan di bulan Ramadan	Muka 91

Keluaran Jun:

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Amalan-amalan yang digalakkan di bulan Ramadan
Kelebihan membaca Al-Quran dan Lailatul Qadar
Persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri

Muka 96
Muka 99
Muka 103
Muka 107

Muka 188
Muka 191
Muka 195
Muka 200

Keluaran Julai:

Istiqamah dalam mengerjakan amal ibadat
Sombong itu sifat tercela
Mensyukuri kepimpinan Raja
Mengeratkan hubungan silaturahim
Bebas dari dadah, keluarga bahagia

Muka 112
Muka 115
Muka 119
Muka 122
Muka 125

Muka 205
Muka 210
Muka 213
Muka 218
Muka 223

Keluaran Ogos:

Persiapan bakal jemaah haji
Kepentingan membaca dalam kehidupan
Belia berdaya usaha dan berinovasi menjayakan wawasan negara
Adab dan etika dalam Sembahyang Fardu Jumaat

Muka 130
Muka 134
Muka 137
Muka 142

Keluaran September:

Hindari dari sifat riak
Menyambut ketibaan Duyuf Ar Rahman
Kecemerlangan guru teras kejayaan umat
Hijrah memerlukan perubahan
Kewibawaan, keunggulan kepimpinan baginda berlandaskan ajaran Islam

Muka 146
Muka 150
Muka 153
Muka 157
Muka 162

Keluaran Oktober:

50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Taat dan patuh kepada pemimpin
Bersyukur dan berterima kasih
Zahirkan taat setia kepada Raja

Muka 167
Muka 173
Muka 177
Muka 182

Keluaran November:

Jaga keselamatan dan patuhi peraturan jalan raya
Hormati dan sayangi warga emas
Syukuri kepimpinan agama, 50 tahun pemerintahan Raja
Terapkan etika dan nilai-nilai murni Islam

Muka 188
Muka 191
Muka 195
Muka 200

Keluaran Disember:

Menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah
Hargai nyawa, patuhi peraturan jalan raya
Pengamal rasuah dilaknat Allah dan Rasul-Nya
Amalan bersedekah menutup bermacam-macam pintu keburukan
Amalkan sikap bersederhana dalam berbelanja

Muka 205
Muka 210
Muka 213
Muka 218
Muka 223

Tanai imej dan kredibiliti pasukan polis

Keluaran Pelita Brunei 7 Januari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara kita telah menikmati keamanan dan kemakmuran. Bagi memastikan keamanan dan kemakmuran sentiasa terpelihara dan terjamin, sudah setentunya penubuhan pasukan-pasukan keselamatan perlu diwujudkan seperti pasukan tentera, pasukan polis dan sebagainya. Adapun Pasukan Polis Diraja Brunei adalah di antara pasukan keselamatan yang telah lama diwujudkan. Ia mula ditubuhkan pada tahun 1921 Masihi, dan sekarang telah berusia 96 tahun.

Di sepanjang penubuhannya, Pasukan Polis Diraja Brunei telah pun melalui pelbagai perubahan, kejayaan dan kecemerlangan dalam menjaga kestabilan negara serta dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti sejajar dengan perkembangan dan peredaran masa.

Sesungguhnya kerjaya sebagai anggota polis adalah satu khidmat yang mulia di sisi agama kerana kerjaya itu adalah satu amalan yang mulia. Oleh itu, sebagai anggota polis hendaklah memperkuatkan iman, kerana hanya dengan iman yang kuat sahaja dapat memupuk dan membudayakan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan dalam kehidupan dan tugas-tugas harian seperti bersifat jujur, amanah dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi amaran kepada sesiapa yang tidak menunaikan amanah, sepertimana dalam sebuah hadis Baginda, maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda: Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kehancuran.” (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Khidmat bantuan pasukan polis kepada masyarakat hendaklah diberikan dengan profesional, adil dan tidak pilih kasih serta tidak memperalatkan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Berkhidmatlah dengan tidak menggunakan kuasa yang diberikan dengan sewenang-wenangnya seperti melakukan rasuah, penyelewengan, penipuan dan sebagainya. Perlu diingat, bahawa kuasa dan tanggungjawab yang diberikan adalah satu amanah yang tidak boleh disalahgunakan.

Bekerjasamalah untuk menjaga dan menanai imej dan kredibiliti pasukan polis demi maruah negara, bangsa dan rakyat. Kita hendaklah sedar bahawa setiap kegiatan dan pekerjaan di dunia ini akan dihitung di akhirat nanti. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Muddatstsir, ayat 38 tafsirnya:

“Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada balasan buruk bagi amal jahat yang dikerjakannya.”

Dengan adanya pasukan polis yang amanah dan sentiasa bekerja keras secara profesional menjaga keamanan negara, maka masyarakat tidak akan ada sebarang keraguan dalam mengharapkan bantuan daripada pasukan polis sebagai benteng utama keamanan dan kesejahteraan negara ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tugas menjaga keamanan dan kemakmuran negara adalah tugas pasukan polis, akan tetapi kita janganlah menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada pasukan polis sahaja. Bahkan orang ramai hendaklah memberikan kerjasama dan membantu pihak polis membanteras jenayah dalam mengekalkan keamanan.

Sesungguhnya agama Islam menggalakkan kita supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah kebaikan kerana perbuatan demikian boleh menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan kasih-mengasihi di antara satu sama lain. Jika sifat demikian wujud di kalangan umat Islam, maka insyaaAllah

akan terbinalah kehidupan yang aman damai, sejahtera dan harmoni. Inilah yang kita mahukan dan harapkan, iaitu adanya kerjasama yang erat dan padu serta saling bantu-membantu di antara pasukan polis dan orang ramai. Allah Subhanahu Wata’ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 tafsirnya:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa dan, janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksanya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya.”

Oleh itu, setiap individu adalah bertanggungjawab dalam mencegah kemungkar dan menyuruh berbuat kebaikan dalam kehidupan bermasyarakat mengikut kemampuan dan kuasa masing-masing.

Akhirnya, sebagai rakyat dan penduduk yang cintakan negara ini, marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menjaga keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara. Sama-sama kita berdoa semoga negara kita bebas daripada sebarang jenayah, kekal menjadi negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Saba’, ayat 15 tafsirnya:

“Negeri kamu ini adalah negeri yang baik aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun.”

Kelebihan mendirikan sembahyang

Keluaran Pelita Brunei 14 Januari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sembahyang adalah rukun Islam kedua yang wajib ditunaikan setelah mengucap dua kalimah syahadat. Perintah mendirikan sembahyang ini telah pun bermula semenjak berlakunya satu peristiwa besar di dalam Islam yang dilalui oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu peristiwa Israk dan Mikraj.

Sesungguhnya kedudukan ibadah sembahyang adalah amat tinggi di sisi agama Islam kerana sembahyang merupakan tiang agama, maka sesiapa yang mengerjakan sembahyang bererti ia telah menegakkan agamanya dan barang siapa yang meninggalkannya bererti ia telah merobohkan agamanya. Sembahyang itu merupakan tiang agama Islam yang wajib ditegakkan.

Ketahuilah, ringan atau beratnya sembahyang itu bergantung kepada keimanan seseorang. Semakin beriman seseorang itu bererti semakin mudahlah ia mengerjakan sembahyang tetapi jika kurangnya iman seseorang itu terhadap Allah dan Rasul-Nya maka akan berasa berat dan malaslah ia untuk mengerjakannya. Sesungguhnya mengerjakan sembahyang itu amatlah besar ganjarannya. Di mana ia dapat membantu menyelamatkan manusia daripada azab akhirat.

Di samping itu sembahyang juga dapat menghilangkan rasa resah gelisah dan boleh memberikan ketenteraman, ketenangan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Di dalam Al-Quran banyak sekali ayat yang menerangkan tentang kepentingan dan kewajipan mendirikan sembahyang. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-'Ankabut, ayat 45 yang tafsirnya:

"Dan dirikanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."

Memandangkan sembahyang itu boleh mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar maka ada beberapa perkara yang perlu kita manfaatkan dalam kehidupan sehari-hari tentang kelebihan dan kebaikan mendirikan sembahyang seperti berikut:

- Sembahyang dapat membantu diri sendiri, keluarga dan masyarakat untuk membina generasi yang berakhlik mulia dan budi pekerti yang baik.
- Sembahyang juga dapat membantu dalam menangani pelbagai gejala sosial yang boleh merosakkan kehidupan masyarakat seperti rasuah, membunuhan, merompak, zina dan perbuatan maksiat yang lain.
- Sembahyang adalah menjadi kunci utama untuk kita mendapatkan rezeki yang halal dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.
- Sesungguhnya sembahyang dapat membersihkan dan mensucikan diri seseorang sama ada rohani maupun jasmani, ini jelas sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu: Bahawasanya dia pernah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Jika ada suatu sungai di depan rumah seseorang yang di situ dia mandi lima kali dalam sehari, masihkah ada kotoran pada dirinya?" Para sahabat menjawab: "Tidak ada sedikit pun kotoran yang tersisa pada dirinya." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Begitulah perumpamaan sembahyang fardu lima waktu yang dengannya Allah menghapus dosa orang yang mengerjakannya." (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya sembahyang itu diwajibkan kepada seluruh umat Islam yang telah baligh, berakal dan suci daripada sebarang hadas. Walaupun sembahyang itu tidak diwajibkan kepada kanak-kanak yang belum baligh, namun mereka perlu

mendapat latihan awal daripada ibu bapa atau penjaganya. Kecuaian ibu bapa atau penjaga dalam membimbing anak-anak untuk mengerjakan sembahyang pada waktu umur tujuh tahun akan menyebabkan kesukaran untuk mendidik mereka apabila dewasa kelak.

Adalah menjadi kewajipan kepada ibu bapa atau penjaga memberi peringatan, tunjuk ajar dan pukulan yang tidak menyakitkan terhadap anak-anak mereka yang telah mencapai umur sepuluh tahun jika mereka masih enggan atau tidak mahu mengerjakan sembahyang.

Ketahuilah kewajipan mengerjakan sembahyang juga masih dituntut terhadap orang yang sakit atau orang yang kurang upaya. Cuma cara mengerjakan sembahyangnya adalah berbeza mengikut keupayaan pesakit itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk atau berbaring.

Di zaman yang serba moden ini membuatkan manusia semakin sibuk dengan bermacam aktiviti dalam kehidupan. Hal ini jika tidak ditangani dengan bijak menyebabkan kita lalai dan leka dengan kesibukan tersebut. Dengan kesibukan ini, janganlah ia menjadi alasan utama bagi kita untuk melalaikan dan meninggalkan sembahyang. Sembahyang tetap wajib ditunaikan pada waktunya. Kesempurnaan ibadah sembahyang menentukan kesempurnaan ibadah yang lain. Sebaliknya kecuaian mendirikan sembahyang boleh menjelaskan ibadah yang lain. Oleh yang demikian pentingnya ibadah sembahyang ini kerana ia merupakan amalan yang pertama sekali dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya perkara yang pertama sekali akan dihisab terhadap seorang hamba daripada amalannya pada hari kiamat ialah sembahyang fardunya. Jika baik cara mengerjakan sembahyangnya, maka dia telah berjaya dan mendapat pahala, dan jika rosak sembahyangnya, maka dia mendapat kerugian dan kebinasaan.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Namun perlu diketahui bahawa sembahyang itu menuntut kepada keikhlasan dan ketakwaan semasa menghadap Allah Subhanahu Wata'ala kerana jika ia dilakukan dengan penuh adab, khusyuk dan istiqamah, maka diri kita akan menikmati kemanisan iman dalam bersembahyang dan perubahan diri dari satu tahap yang baik kepada satu tahap yang lebih baik. Marilah kita sama-sama mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan istiqamah mendirikan sembahyang agar kehidupan kita akan sentiasa tenang, aman dan bahagia. Mudah-mudahan kita semua akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga kita semua akan mendapat rahmat, keselamatan di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 238 tafsirnya:

“Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya Sembahyang Wustha (Sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.”

Zakat dan sedekah membawa berkat

Keluaran Pelita Brunei 21 Januari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kepada kita berbagai nikmat, antaranya ialah nikmat harta kekayaan. Agama Islam memandang harta itu sebagai anugerah dan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita urus dengan sebaik-baiknya, seperti membelanjakannya pada perkara-perkara yang baik dan berfaedah, memberi nafkah kepada orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya serta menyalurkannya ke arah perkara yang berkebijakan seperti bersedekah dan lebih-lebih lagi mengeluarkan zakat.

Mengeluarkan zakat merupakan salah satu kewajipan daripada rukun Islam yang lima apabila telah cukup syarat dan haulnya. Mengeluarkan zakat merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 110 tafsirnya:

“Dan kamu dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Abu Abdul Rahman, Abdullah bin Umar Al-Khattab Radhiallahu anhu dia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Islam dibangunkan atas lima perkara: bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah dan bahawa Nabi Muhammad utusan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan fardhu haji dan

berpuasa di bulan Ramadan.”

Sebagaimana yang kita ketahui zakat itu terbahagi kepada dua, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Akan tetapi masih terdapat orang yang mengambil ringan tentang zakat harta berbanding zakat fitrah kerana beranggapan bahawa zakat yang wajib ialah zakat fitrah sahaja. Ketahuilah bahawa zakat harta itu sama kewajipannya dengan zakat fitrah untuk dikeluarkan setelah cukup syarat-syaratnya.

Sesungguhnya orang yang tidak mahu membayar zakat pada hal dia mampu untuk berbuat demikian, maka mereka akan diazab di akhirat nanti. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 180 tafsirnya:

“Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahan-Nya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Sesungguhnya orang-orang yang mengeluarkan zakat akan memperolehi ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 39 tafsirnya:

“Dan pemberian (riba) yang kamu berikan dengan maksud supaya ia bertambah pada harta manusia maka ia tidak bertambah di sisi Allah, dan pemberian zakat atau sedekah yang kamu berikan kerana menghendaki keredaan Allah, maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda.”

Selain itu, tujuan zakat disyariatkan ialah untuk mengagihkan kekayaan daripada golongan yang kaya kepada golongan yang kurang berkemampuan. Dengan membayar zakat juga, kita dapat membersihkan diri daripada sifat-sifat

mazmumah (tercela) seperti sifat kedekut, hasad dengki, iri hati, sompong, takbur dan sebagainya. Jika harta itu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan di jalan yang betul, sudah tentu akan terjalin keharmonian di antara golongan kaya dan miskin. Kemudian, menunaikan zakat juga dapat membentuk akhlak mahmudah (mulia) seperti bertakwa, pemurah, rasa bertolak ansur dan rasa simpati kepada golongan yang kurang berasib baik.

Orang yang membayar zakat tidak akan menyebabkan seseorang itu miskin atau berkurang hartanya kerana di dalam zakat ada hikmah berupa ‘barakah’ atau keberkatan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata’ala kepada pengeluar dan penerima zakat termasuk juga pada harta yang telah dizakatkan itu sendiri. Barakah adalah suatu nikmat Allah yang tidak dapat dilihat dan disentuh, tetapi dapat dirasai dan dinikmati kesannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, dengan membayar zakat kita akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata’ala, dan mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Begitu juga halnya dengan bersedekah, ia juga mempunyai kelebihan dan ganjaran yang berlipat ganda. Sebagaimana zakat, bersedekah juga dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan dan dapat mengeratkan silaturahim. Sememangnya amat mudah untuk kita mengeluarkan sedekah seperti di tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, di pusat-pusat membeli belah dan lain-lain, termasuklah Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini berasa amat bersyukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Dana Pembinaan Masjid di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah memperkenankan penubuhan tabung tersebut semasa berkenan berangkat pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir

1436 Hijrah/2015 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam majlis tersebut baginda telah bertitah: **“Salah satu isyarat dari ajaran Al-Quran dan juga hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ialah membina masjid, iaitu tempat orang-orang Islam beribadat. Amalan membina masjid ini adalah salah satu ‘amal besar’ yang mendatangkan ganjaran sangat lumayan. Maka tabung dana ini akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid.”**

Menurut titah baginda lagi, ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat. Saham itu sifatnya unik sehingga tidak terjangkau oleh akal, manakala Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Barang siapa membina masjid kerana Allah, sekalipun hanya seperti sarang burung, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga.”

Inilah janji Allah Subhanahu Wata’ala kepada orang-orang yang membina masjid, dan adapun tabung dana yang ada ini, insyaaAllah akan memungkinkan kita orang-orang Islam di negara ini untuk berkongsi harapan bagi memperolehi janji tersebut. Semua kutipan yang terkumpul akan dimanfaatkan sebaiknya untuk membina masjid baharu, termasuk memperbaiki masjid yang sedia ada dan sebagainya.

Oleh yang demikian, orang ramai khasnya rakyat dan penduduk negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah. Kita berdoa semoga segala amal jariah yang kita lakukan dengan ikhlas akan diterima Allah Subhanahu Wata’ala dan akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda seperti mana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 261 tafsirnya:

“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”

Syarat dalam melaksanakan amal ibadat

Keluaran Pelita Brunei 28 Januari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hidup di dunia ini mempunyai tujuan dan matlamat yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata’ala, sebagaimana tersebut di dalam Al-Quran bahawa matlamat hidup manusia di muka bumi ini adalah untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata’ala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Adz-Dzariat, ayat 56 Tafsirnya:

“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah-Ku.”

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan ibadat tersebut adalah amat luas, ia bukan sahaja bermakna mengerjakan puasa, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan ibadat haji atau sebagainya, akan tetapi ibadat yang dimaksudkan di dalam ayat di atas adalah ibadat umum sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh para ulama iaitu ibadat yang meliputi segala bentuk aktiviti dengan harapan untuk mendapatkan keredaan, kasih sayang dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala sama ada dalam bentuk perbuatan atau ucapan yang zahir mahupun yang batin. Semuanya itu adalah ibadat kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

Adakah pernah terlintas dalam hati kita apakah ibadat yang kita lakukan selama ini diterima ataupun tidak? Maka, tidak ada seorang pun yang dapat menjamin hal ini, sehingga setiap orang Islam atau seorang mukmin itu akan sentiasa beramal dengan perasaan berharap dan cemas. Di mana ia berharap agar mendapat keredaan

Allah Subhanahu Wata'ala serta janji-janji yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran dan ia juga mempunyai perasaan cemas kalau-kalau ibadatnya tidak diterima. Oleh itu, perasaan berharap dan cemas itu adalah merupakan dorongan bagi setiap mukmin untuk mempertingkatkan amal makruf atau ibadat mereka dari semasa ke semasa dan membolehkan ia bermunajat dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu sebagai benteng diri kita daripada melakukan perkara yang mungkar, dosa dan maksiat.

Dalam kita melaksanakan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Jika sekiranya amalan-amalan kita tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ia hanya akan menjadi perbuatan yang sia-sia sahaja. Antara syarat-syarat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Pertama: Niat

Niat amat penting sebelum melaksanakan sesuatu perkara. Dengan niat boleh membezakan antara amal ibadat dengan amalan biasa atau adat, begitu juga antara amalan-amalan yang diniatkan kerana Allah Subhanahu Wata'ala atau niat kerana yang lain-lain. Supaya setiap perbuatan menjadi amal ibadat, ia mesti diikuti dengan niat yang betul, iaitu niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Maksudnya:

“Daripada Amirul Mukminin Abi Hafsin Umar ibni Al-Khattab Radhiallahuanhu dia berkata, aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang akan dibalas berdasarkan apa yang ia niatkan.” (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Kedua: Amal yang dibuat tidak melanggar hukum syarak

Jika kita bermula pastikan barang jualan itu adalah halal dan mengikut peraturan

syarak mahupun undang-undang negara seperti hindari daripada menjual makanan dan minuman yang haram, barang curi, barang palsu, barang-barang syubhab, barang-barang yang ditegah oleh pihak kastam dan sebagainya. Ketahuilah jualan yang melanggar syarak atau negara, walaupun dengan niat yang betul sekalipun namun amalan tersebut tidak akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Pelaksanaan di dalam setiap perkara mestilah mengikut peraturan-peraturannya. Lebih-lebih lagi jika kita ingin melakukan ibadat, kita haruslah mendalamai peraturan itu supaya kita benar-benar berada di atas landasan syariat yang Allah Subhanahu Wata'ala telah tetapkan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 69 tafsirnya:

“Dan orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Ketiga: Amalan hendaklah dilakukan dengan penuh kesungguhan

Untuk memastikan amalan tersebut menjadi ibadat, ia perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tekun. Umpamanya seorang pegawai yang ingin menjadikan pekerjaannya itu sebagai ibadat, maka perlulah ia bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Begitu juga dalam melakukan amal ibadat seperti bersembahyang dan berdoa ia hendaklah dilakukan dengan tekun dan perasaan yang penuh khusyuk dan tawaduk. Di samping itu, kita janganlah mudah berputus asa dengan doa yang belum dimakbulkan.

Keempat: Natijah yang memberi manfaat

Natijah merupakan hasil usaha seseorang. Hasil itu mestilah baik kerana ia merupakan pemberian Allah Subhanahu Wata'ala ataupun nikmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya. Mereka yang menerima pemberian itu wajib bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah hasil daripada usaha atau amal ibadat yang

telah kita lakukan itu menyebabkan kita menjadi sompong, bangga diri dan riak. Akan tetapi dengan hasil usaha dan amal ibadat kita itu boleh dimanfaatkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara seperti menyeru berbuat amal makruf dan mencegah perbuatan mungkar.

Kelima: Tidak meninggalkan ibadat asas

Untuk menjadikan amalan sehari-hari kita menjadi suatu ibadat, kita jangan pula melupakan dua perkara utama yang menjadi asas ibadat, iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam. Yang mana ia merupakan sandaran untuk menegakkan amalan-amalan yang lain. Jangan disebabkan terlalu sibuk berniaga menyebabkan kita melalaikan dan meninggalkan sembahyang fardu, tidak berpuasa di bulan Ramadan, tidak mengeluarkan zakat, tidak menutup aurat, terlibat dengan pergaulan bebas dan seumpamanya.

Dalam menuaikan kewajipan kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala di muka bumi ini, marilah kita sama-sama muhasabah diri sejauh mana kita dapat mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbuat amal kebaikan di dunia ini dan sejauh mana amal ibadat yang telah kita lakukan selama ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga kita dapat menjalani kehidupan beramal ibadat di dunia ini dengan penuh keikhlasan, tawaduk dan rasa penuh ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita berdoa semoga amal ibadat yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat taufik hidayah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Kahfi, ayat 110 tafsirnya:

"Katakanlah: Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa maka sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhanmu, hendaklah dia mengerjakan amalan soleh dan janganlah dia mempersekuatkan Tuhanmu dengan sesiapa pun dalam beribadat kepada-Nya."

Khutbah Jumaat Bulan Februari 2017

Tingkatkan perpaduan dan keamanan negara

Keluaran Pelita Brunei 4 Februari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap masyarakat dan negara memerlukan kesejahteraan, ketenteraman dan keamanan. Tanpa adanya keamanan, negara akan menjadi huru-hara dan masyarakat akan hidup dalam kebimbangan dan ketakutan. Oleh itu, pentingnya setiap negara mempunyai pasukan keselamatan atau penjaga keamanan. Antara pasukan keselamatan dan keamanan yang dimaksudkan adalah pasukan tentera, bomba, polis dan pasukan-pasukan yang seumpamanya.

Alhamdulillah, negara kita Negara Brunei Darussalam mempunyai Pasukan Polis Diraja Brunei bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keamanan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin. Pasukan polis juga memikul amanah yang berat dalam mengesan dan membanteras kegiatan jenayah, menangkap dan mendakwa para pesalah serta berperanan mengumpul maklumat risikan keselamatan pada setiap masa.

Dengan peredaran masa dan zaman teknologi maklumat dan informasi, maka pelbagai jenis jenayah dan teknik penipuan yang canggih memberi cabaran besar kepada keupayaan dan kecekapan pasukan polis. Oleh itu, kerjasama dan kesepakatan yang padu di antara polis dengan agensi-agensi penguatkuasaan keselamatan dan pihak-pihak yang berkepentingan dan yang lebih penting ialah kerjasama daripada masyarakat adalah sangat diharapkan.

Perlu diingati bahawa jenayah merupakan ancaman kepada negara, selain usaha untuk mengurangkan kadar jenayah dan juga menjaga keselamatan sempadan

negara, tugas pasukan polis juga diperluaskan sesuai dengan perubahan masa dan teknik terbaru yang digunakan oleh para penjenayah seperti sindiket dadah, jenayah siber, penyeludupan manusia, sindiket pelacuran, kegiatan judi dalam talian dan sebagainya.

Oleh itu, kerjasama masyarakat sebagai pemantau sukarela yang berperanan menjadi mata dan telinga pihak berkuasa bukan sahaja mewujudkan perpaduan erat dan suasana aman dan harmoni malahan kerjasama dan perkongsian maklumat itu dapat membantu dalam mengesan dan menurunkan kadar jenayah serta mempercepatkan penyelesaian kes jenayah.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 tafsirnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebijakan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya.”

Kebelakangan ini kita telah menerima beberapa maklumat sama ada berbentuk maklumat atau amaran yang disalurkan atau diedarkan melalui media sosial, iaitu aplikasi Whatsapp, Facebook, Twitter dan sebagainya. Sebagai pengguna hendaklah berhati-hati kerana dikhuatiri ada pihak yang menyalahgunakan media sosial tersebut sebagai saluran untuk menabur fitnah, menghasut dan menimbulkan konflik atau kekecohan yang boleh mengancam keharmonian dan mengganggu gugat ketenteraman awam, bangsa dan juga negara.

Oleh itu, diingatkan kepada pengguna yang memberi pendapat hendaklah sentiasa berwaspada ketika menyuarakan pandangan atau pendapat kerana tidak semua yang kita dengar atau lihat itu seratus peratus betul. Carilah kesahihan atau kebenarannya terlebih dahulu kerana dikhuatiri pandangan atau pendapat tersebut boleh memecahbelahkan masyarakat dan menggugat keamanan negara.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

“Daripada Abdillah dia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya bohong itu akan membawa pada kemaksiatan, dan kemaksiatan akan membawa pada neraka, sesungguhnya seseorang yang biasa berbohong maka dia akan dicatat sebagai pembohong.” (Riwayat Imam Muslim).

Antara cara kerjasama dan sokongan kepada pasukan polis adalah menerusi kejiranan kampung, iaitu program kejiranan yang melibatkan kampung-kampung semua daerah. Ia adalah usaha pasukan polis dalam melahirkan kerjasama dan mengeratkan perhubungan bersama orang ramai bagi mencegah dan mengurangkan kes-kes jenayah.

Orang ramai berperanan penting dalam memberikan kerjasama yang padu seperti melaporkan sebarang perkara-perkara yang mencurigakan kepada pasukan polis. Dengan adanya kerjasama yang erat sebegini boleh membawa kepada kesejahteraan dan keamanan negara yang berterusan sebagaimana yang diimpikan oleh setiap rakyat, penduduk dan negara.

Marilah kita sama-sama meningkatkan rasa syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan perlindungannya juga negara kita berada dalam keadaan aman, makmur, tenteram dan selamat. Oleh itu, sama-samalah kita berusaha terus mengekalkan nikmat keamanan ini, menjaga dan membanteras jenayah, kemungkaran dan apa jua perkara-perkara yang boleh mendatangkan persengketaan dan pertelingkahan.

Semoga dengan yang demikian kita dan negara kita akan sentiasa di dalam nikmat perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Ali-‘Imran, ayat 103 tafsirnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu dengan nikmat agama Islam, maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam) yang bersaudara.”

Membudayakan amalan kebersihan

Keluaran Pelita Brunei 11 Februari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Budaya menjaga kebersihan adalah amat dituntut dalam agama Islam. Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengamalkan kebersihan dan ia merangkumi kebersihan diri, keluarga, tempat tinggal, tempat beribadat, tempat awam dan sebagainya.

Bagi menjaga kebersihan diri, bukan setakat menjaga kebersihan luaran sahaja, akan tetapi merangkumi kebersihan hati nurani daripada sifat kufur dan segala perkara yang boleh membawa kepada bahaya dan dosa seperti perbuatan mensyirikkan dan menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, menjaga kebersihan rohani ialah menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah (sifat-sifat tercela) seperti hasad dengki, sompong, bangga diri, riak dan seumpamanya.

Melalui kebersihan rohani ini boleh menjadikan kita insan yang berakhhlak mulia dan terpuji, manakala menjaga kebersihan jasmani boleh menghindari diri daripada mendapat penyakit.

Ini kerana kekotoran merupakan antara punca penyebab terjadinya penyakit. Oleh itu, kita tidak boleh mengabaikan kedua-dua aspek kebersihan ini, iaitu kebersihan nurani dan jasmani. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Malik Al-Shahri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.” (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya agama Islam juga menitikberatkan kebersihan dalam mengerjakan amal ibadat kerana Allah menyukai hamba-Nya yang sentiasa mensucikan diri sebelum melakukan ibadat seperti sembahyang, di mana seseorang itu hendaklah memastikan diri, pakaian dan tempat sembahyangnya dalam keadaan bersih dan suci dan terhindar dari segala najis begitu juga dengan memegang Al-Quran, melakukan tawaf dan sebagainya hendaklah dengan berwuduk.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 222 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Memandangkan kebersihan ini sangat dituntut dalam Islam, oleh itu jadikanlah ia satu budaya dalam kehidupan kita. Adapun membudayakan amalan hidup bersih ini adalah bermula dari rumah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membimbing dan mengajar anak-anak sejak dari kecil lagi, kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Antara contoh yang boleh ditunjukkan oleh ibu bapa adalah dengan mempraktikkan amalan kebersihan di hadapan anak-anak. Seperti membuang sampah di tempat yang sepatutnya, membasuh tangan sebelum dan selepas makan, menutup mulut ketika batuk atau bersin dan sebagainya.

Selain itu, kebersihan luar rumah juga perlu diambil perhatian seperti memotong rumput rampai di halaman dan sekeliling rumah, membersihkan longkang dan saliran air. Begitu juga sampah sarap janganlah dibuang merata-rata tempat sehingga mengganggu jiran dan orang lain.

Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan utama dalam memastikan anak-anak mengamalkan nilai kebersihan dalam kehidupan agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan cergas pada masa hadapan. Dengan budaya dan amalan kebersihan ini akan menjadikan sesebuah negara itu disanjung tinggi di mata dunia.

Adapun salah satu amalan kebersihan yang menjadi kebanggaan masyarakat kita ialah budaya bergotong-royong seperti membersihkan persekitaran rumah, masjid-masjid, kawasan mukim dan kampung, tempat riadah, pantai-pantai dan tempat awam.

Oleh itu, bagi menjaga dan mengekalkan kebersihan tempat tersebut kerjasama semua pihak adalah sangat-sangat diharapkan seperti Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, institusi-institusi pengajian, agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Usaha bergotong-royong seperti ini hendaklah diteruskan dari semasa ke semasa untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan orang ramai tentang pentingnya kebersihan bagi menghindarkan timbulnya pelbagai penyakit selain memupuk perpaduan dan mengerat silaturahim dalam kalangan penduduk mukim dan kampung. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 tafsirnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya.”

Sesungguhnya menjaga kebersihan itu sangat penting dalam kehidupan, oleh itu jadikanlah ia sebagai amalan atau budaya dalam masyarakat kita. Jadikanlah masyarakat yang mementingkan kebersihan kerana kebersihan melambangkan keteguhan iman seseorang terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua aspek yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara kerana kebersihan boleh mendatangkan suasana tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Melalui kempen ini juga secara tidak langsung dapat meringankan beban pihak kerajaan dalam memastikan kebersihan kawasan awam, mukim, kampung,

dan persekitaran sentiasa terjaga dan seterusnya menjadikan Negara Brunei Darussalam negara yang bersih.

Marilah kita sama-sama menghayati dengan sebenar-benarnya erti kebersihan dalam kehidupan kita. Mudah-mudahan dengan mengamalkan kebersihan dalam kehidupan kita akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya dan beriman. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Asy-Syams, ayat 9-10 tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang mensucikan jiwanya dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya.”

Menjayakan wawasan negara

Keluaran Pelita Brunei 18 Februari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Pada tahun ini kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-33, iaitu pada hari Khamis, 26 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 23 Februari 2017 Masihi. Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita patut bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.

Semua ini adalah berkat kita berpegang teguh dengan ajaran agama Islam, iaitu mengerjakan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya, di samping hidup bersatu padu tanpa mengira bangsa dan agama. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 103 tafsirnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu dengan nikmat agama Islam, maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam) yang bersaudara.”

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemimpin negara menjunjung tinggi ajaran Islam dalam pemerintahannya dan menjadikan Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara, sebagaimana titah baginda dalam Permasyahuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, 33 tahun yang lalu.

Antara petikan titah baginda itu ialah: *“Demikian juga Islam ialah agama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa juar agama, suku kaum dan keturunan. Pendek kata agama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa perlu takut dan ragu mengenainya.”*

Sesungguhnya ini adalah satu keistimewaan negara kita yang menghidupkan semangat kebangsaan, ketaatan kepada Raja dan menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam serta menerajui Wawasan Negara 2035. Oleh itu, selaku rakyat mestilah membuka minda untuk memperkukuhkan wawasan tersebut.

Sebagaimana yang kita maklum, tema sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini ialah “Menjayakan Wawasan Negara”. Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah mencapai wawasan tersebut, kita perlu bersatu untuk taat setia kepada Raja dan negara, yakin pada nilai-nilai agama Islam, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu.”

Justeru, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset yang berguna dalam pembangunan negara.

Ke arah mencapai Wawasan 2035, amatlah penting bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara, serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zumar, ayat 9 tafsirnya:

“Katakanlah: adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikir dan memahaminya.”

Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan dan *survival* bangsa dan negara, rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersatu padu sama ada sektor kerajaan mahupun swasta bersama-sama meningkatkan usaha dalam pembangunan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035.

Oleh itu, bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-33 ini sama-sama kita menzahirkan rasa syukur atas keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati pada masa ini, dengan beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, iaitu pada petang Rabu, 25 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 2017 Masihi bagi sama-sama bersembahyang Maghrib berjemaah, membaca Surah Yasin dan Doa Kesukuran dengan tumpuan utama di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Mudah-mudahan dengan yang demikian negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan menjadi “Baladatun Tayyibatun Warabbun Ghafur”, iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun.

Surah Yusuf, ayat 76 tafsirnya:

“Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.”

Penyelewengan akidah dan perkara bidaah

keluaran Pelita Brunei 25 Februari 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana melimpahkan segala nikmat-Nya kepada kita dan antara nikmat yang terbesar itu ialah nikmat Islam. Islam adalah agama yang sangat mulia, lengkap dan sempurna. Agama Islam menyelamatkan kita daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang, daripada kebatilan kepada kebenaran, dan memimpin kita ke jalan yang diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 19 tafsirnya:

"Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah agama Islam."

Alhamdulillah, kita sangat-sangat bersyukur kerana agama rasmi negara kita ialah agama Islam menurut akidah Ahli Sunah Waljamaah Mazhab Syafii. Maka adalah menjadi kerugian besar kepada sesiapa yang memilih agama lain selain daripada agama Islam sebagai agamanya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 85 tafsirnya:

"Dan siapa yang mencari agama lain selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."

Dari semenjak dahulu lagi hingga sekarang fahaman atau ajaran yang mengelirukan sering timbul untuk menjerat dan memerangkap orang-orang Islam

khususnya kepada orang-orang yang kurang memahami tentang ajaran agama Islam.

Malah lebih membimbangkan lagi bila mana wujudnya penyelewengan akidah yang amat berbahaya dan meragui kebenarannya yang boleh merosakkan iman dan akidah Islam yang sebenarnya.

Ketahuilah bahawa ajaran dan aliran seperti ini boleh mengelirukan kehidupan beragama dan menggugat keselamatan, kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan negara, serta perpaduan umat Islam di negara ini. Kerana sebahagian daripada ajaran tersebut boleh menimbulkan kekacauan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Selaku rakyat dan penduduk negara ini hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap segala ajaran yang boleh menyelewengkan dan memesongkan akidah kita.

Daripada Auf bin Malik ia berkata: *"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Demi Tuhan yang jiwa Muhammad dalam genggamannya, sesungguhnya akan berpecah umatku di atas tujuh puluh tiga golongan, maka yang satu masuk syurga dan tujuh puluh dua golongan masuk neraka. Bertanya para sahabat: Siapakah yang tidak masuk neraka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Ahli Sunah Waljamaah,"* (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Ketahuilah antara sebab berlakunya pengaruh dan penyebaran ajaran yang menyeleweng ini adalah disebabkan diajarkan secara sulit dan senyap-senyap kepada orang yang kurang pengetahuan tentang agama Islam malahan yang lebih berbahaya lagi ialah orang yang menyampaikannya kurang mendalami ilmu tersebut.

Kita juga pernah terdengar terdapat beberapa isu masyarakat di negara ini memperkatakan mengenai perkara bidaah seperti bersalam-salaman selepas berdoa setelah selesai menuai sembahyang, mengadakan majlis tahlil atau kenduri arwah dan sebagainya. Sebagai umat Islam kita hendaklah berhati-hati dan jangan terus menolak semua perkara bidaah. Kita lihat dulu apa asas dan ciri-

cirinya rujuklah kepada dalil syarak Al-Quran, As-Sunah, pendapat para sahabat, atau ijmak ulama Islam.

Oleh itu, janganlah mengambil mudah dengan melihat Al-Quran dan hadis semata-mata tanpa perlu melihat pendapat sahabat dan ijmak ulama. Kerana ulama juga adalah pewaris kepada Nabi dan guru sepanjang zaman.





Sesungguhnya Al-Imam An-Nawawi Rahimahullah telah menyebut di dalam kitabnya Al-Azkar, bahawa bidaah itu ada lima macam, iaitu pertama: bidaah diwajibkan. Kedua: bidaah yang diharamkan, ketiga, bidaah yang dimakruhkan. Keempat: bidaah yang disunnatkan. Kelima: bidaah yang diharuskan (dibolehkan). Antara bidaah yang diharuskan atau dibolehkan itu ialah berjabat tangan (bersalam-salaman) selepas selesai sembahyang.

Sebagaimana menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah lagi dalam Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab sebagai menukil pendapat Imam Muhammad bin Abdussalam, bahawa adapun berjabat tangan yang biasa dilakukan selepas sembahyang Subuh dan Asar adalah antara bidaah yang dibolehkan, tidak disifatkan ia makruh dan sunat. Namun tidaklah mengapa, kerana asal berjabat tangan itu adalah sunat, khusus dalam keadaan tertentu.

Selain itu pada kebiasaannya di negara kita atau negara kepulauan negara Melayu apabila ada kematian maka majlis tahlil atau kenduri arwah akan diadakan oleh keluarga orang yang meninggal dunia.

Keluarga tersebut akan menjemput ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai bagi membaca ayat-ayat Al-Quran seperti membaca Surah Yasin, bertahlil, bertahmid, bertasbih dan sebagainya untuk dihadiahkan pahalanya kepada orang yang meninggal dunia. Sebagaimana yang kita ketahui agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk berbuat kebajikan seperti bersedekah, memberi makan dengan mengundang orang ke rumah dengan tujuan mengeratkan

silaturahim, dengan membaca ayat-ayat Al-Quran dan berdoa beramai-ramai memohon rahmat bagi orang yang meninggal dunia dan sebagainya.

Sesungguhnya zikir bererti menyebut nama Allah dengan bertahlil , bertasbih , bertahmid , bertakbir , menyebut hawqolah , menyebut , membaca Basmallah , membaca Al-Quran dan membaca doa-doa yang ma'tsur dan mustajab, iaitu membaca doa-doa yang diterima daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh kerana pentingnya zikir dalam kehidupan, maka ulama-ulama besar seperti Al-Imam An-Nawawi telah mengumpulkan zikir-zikir daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menyebutkan penggunaannya, berdasarkan tempat, masa dan lain-lain.

Semua ini menjelaskan bahawa segala ruang waktu itu adalah perlu diisi dengan zikir. Tanpa zikir, hati kita akan terasa kosong dan sangatlah besar kerugiannya, sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Tidak ada suatu kaum yang berdiri meninggalkan suatu majlis padahal mereka itu belum sempat berzikir kepada Allah Ta’ala di majlis itu, melainkan mereka berdiri meninggalkannya adalah mereka seperti bangkai keldai dan bagi mereka itu kekecwaan.”

Ketahuilah tiada jalan lain yang patut kita ikuti untuk menjaga iman dan akidah kita selain daripada berpegang teguh dengan Al-Quran dan As-Sunah serta akidah Ahli Sunah Waljamaah. Rujuklah kepada pihak yang berkenaan dan yang lebih arif jika timbul sebarang keraguan terhadap masalah agama. Semoga dengan demikian kita akan sentiasa berada di jalan yang benar dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 83 tafsirnya:

“Adakah mereka mencari agama yang lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nya tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan hanya kepada-Nya lah mereka dikembalikan.”

Khutbah Jumaat Bulan Mac 2017

Pendidikan anak-anak tanggungjawab ibu bapa

Keluara Pelita Brunei 4 Mac 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang sentiasa melimpahkan nikmat yang tidak terkira dan terhitung banyaknya kepada hamba-hamba-Nya. Selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita wajiblah mensyukuri nikmat tersebut kerana tanpa nikmat tersebut kita tidak mungkin dapat hidup bahagia dan sejahtera di dunia ini. Antara nikmat dan anugerah Allah yang telah diamanahkan kepada kita ialah rezeki seperti harta benda, wang ringgit, tempat tinggal, anak dan seumpamanya.

Kehadiran anak adalah sebagai penyeri di dalam kehidupan berkeluarga khususnya kepada pasangan suami isteri, ibu bapa bertanggungjawab menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sebaik-baiknya dengan memberikan makanan, pakaian, tempat tinggal dan yang paling penting ialah memberi pendidikan yang sempurna kepada mereka, lebih-lebih lagi pendidikan agama agar mereka menjadi insan yang berakhlik mulia. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Az-Zumar, ayat 9 tafsirnya:

“Katakanlah: adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal yang dapat memikirkan dan memahaminya.”

Sesungguhnya adalah menjadi kewajipan ibu bapa untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak seperti menghantar anak-anak mereka ke sekolah

untuk menjadikan mereka anak-anak yang berguna dan berjaya di dunia dan di akhirat. Agama Islam sangat menganjurkan umatnya supaya menerapkan ilmu agama kepada anak-anak sejak kecil lagi. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah, maksudnya:

“Daripada Anas bin Malik ia berkata: bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap Muslim.”

Agama Islam adalah agama yang cukup lengkap dan sempurna di mana penerapan pendidikan agama anak-anak bermula sejak dalam kandungan lagi. Ibu-ibu yang mengandung adalah digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai didikan rohani kepada anak-anak dalam kandungan mereka.

Setelah anak dilahirkan, sunat diazankan pada telinga kanan dan iqamat pada telinga kiri anak-anak tersebut dan sunat juga dibacakan Surah Al-Ikhlas pada telinga anak tersebut supaya kalimah yang mula-mula didengar oleh mereka setelah lahir ke dunia ini adalah kalimah tauhid. Di samping itu, akhlak yang mulia juga hendaklah disemai ke jiwa anak-anak sedari mereka masih kecil lagi bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Ketahuilah, jika jiwa anak-anak itu telah dididik dan disemai dengan ajaran agama Islam yang kuat, insyaaAllah mereka akan menjadi orang yang beriman, cinta kepada Allah dan Rasul-Nya, menjadi anak yang soleh, berbakti kepada agama, ibu bapa, masyarakat, Raja dan negara serta mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Inilah hasrat dan harapan setiap ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Pendidikan ilmu pengetahuan bukan sahaja untuk menanamkan asas dalam membaca, mengira dan bertutur, malahan dapat membantu anak-anak menyesuaikan diri dengan kehidupan harian mereka. Ibu bapa sanggup berbelanja dan mengeluarkan biaya wang ringgit yang banyak demi masa depan anak mereka. Malahan ada yang menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi yang berbayar dan ada yang terpaksa menghadkan perbelanjaan

untuk perkara-perkara lain asalkan anak mereka mendapat pendidikan yang tinggi dan sempurna.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membayarkan kemudahan elaun pelajaran kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi swasta sama ada di dalam maupun di luar negara.

Perkara ini patutlah disyukuri dan manfaatkanlah elaun tersebut dengan sebaik-baiknya. Akan tetapi apa yang mengecewakan terdapat sebilangan ibu bapa telah menyalahgunakan elaun pelajaran tersebut dan menggunakan untuk keperluan lain tanpa menghiraukan pembayaran yuran sekolah sehingga menyebabkan pembayaran yuran sekolah anak-anak mereka tertunggak. Hutang yuran sekolah yang tertunggak menjadi beban kepada institusi pendidikan swasta yang setentunya memerlukan sumber kewangan bagi membayar gaji guru, sewa sekolah, prasarana sekolah dan sebagainya.

Perkara seumpama ini tidak sepatutnya berlaku kerana bantuan yang diberikan itu merupakan suatu amanah yang wajib disampaikan atau ditunaikan, dengannya juga mudah-mudahan anak-anak akan mendapat keberkatan dan kejayaan dalam pembelajaran mereka. Ketahuilah bahawa menjaga amanah itu adalah salah satu sifat yang terpuji di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan antara ciri-ciri orang-orang yang beriman dan ganjaran yang dijanjikan bagi orang yang menunaikan amanah itu adalah syurga.

Manakala orang yang tidak menjaga amanah-amana adalah orang-orang yang khianat. Islam melarang umatnya berlaku khianat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anfal, ayat 27 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amana (yang diamanahkan kepada) kamu, sedang kamu mengetahui.”

Pendidikan yang sempurna amat mustahak diberikan kepada anak-anak kerana tanpa adanya ilmu pengetahuan kita tidak dapat membezakan di antara benar dan yang salah. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dan perlu memastikan anak-anak mereka belajar dengan sempurna mengikut cara pendidikan yang dianjurkan oleh Islam. Anak-anak mesti dididik dengan sempurna dan seimbang, iaitu duniawi dan ukhrawi bagi membentuk jati diri yang mantap dan Muslim yang sejati dan sebenar. Inilah asas pendidikan Islam yang harus disuburkan oleh ibu bapa supaya anak-anak boleh berbakti kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua akan mendapat keberkatan dalam mencari ilmu pengetahuan, mudah-mudahan dengan demikian kita akan hidup bahagia dan berjaya di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-'Alaq, ayat 1-5 tafsirnya:

“Bacalah wahai Nabi Muhammad dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku, bacalah dan Tuhanmu Maha Pemurah, yang mengajar (manusia menulis) dengan kalam (pena), Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.”

Golongan orang munafik

Keluaran Pelita Brunei 11 Mac 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian, cabaran dan rintangan yang memerlukan keimanan dan ketakwaan yang teguh agar seseorang itu sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak terjerumus ke lembah maksiat. Oleh itu, bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh orang-orang yang beriman dan janganlah menjadi seperti golongan munafik, iaitu orang-orang yang mengaku dirinya beriman pada hal sebenarnya dia tidak beriman. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 8-9 tafsirnya:

“Dan di antara manusia ada yang berkata: Kami telah beriman kepada Allah dan hari Akhirat, pada hal sebenarnya bukan orang beriman, mereka (orang-orang munafik) mahu memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal sebenarnya mereka memperdayakan diri mereka sendiri, sedang mereka tidak menyadarinya.”

Ketahuilah orang munafik adalah orang yang berpura-pura beriman sedangkan hati tetap kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Para ulama menggolongkan munafik kepada dua bahagian, iaitu:

Pertama: Munafik iktikadi, iaitu munafik dari segi akidah dan iktikad (kepercayaan), mereka ialah orang-orang yang mengaku beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala secara luaran sahaja. Hakikatnya, mereka ragu-ragu dengan kebenaran Islam dan keesaan Allah Subhanahu Wata'ala. Malahan hati mereka

ingkar, kufur dan syirik (menyekutukan Allah). Segala amal perbuatan yang dikerjakan bukan atas dasar keimanan dan ketakwaan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, akan tetapi dengan niat yang lain, iaitu untuk menunjuk-nunjuk harta, pangkat, kekayaan dan mengambil hati masyarakat. Perbuatan baik yang dilakukan adalah sebagai penutup keburukan niatnya untuk menentang Islam.

Golongan munafik akan dimasukkan ke tingkat neraka paling bawah di akhirat kelak. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 145 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terbawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka.”

Kedua: Munafik amali, iaitu munafik dari segi perbuatan dan amalan, mereka ini tetap menjadi orang Islam, akidahnya masih mempercayai Allah dan Rasul-Nya serta rukun-rukun iman, akan tetapi perbuatan dan amalannya menjurus kepada melakukan dosa-dosa besar. Sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: tanda-tanda orang munafik itu ada tiga. Berkata dia berdusta, jika berjanji ia ingkar; apabila diberi amanat dia mengkhianati.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Berdasarkan hadis tersebut terdapat tiga ciri-ciri munafik dari segi perbuatan dan amalan:

Pertama: Bercakap bohong dengan membuat penjelasan, kenyataan dan penerangan yang dusta, memutar belit dan memesongkan keterangan yang sebenar, mengubah dan menokok tambah kenyataan yang sebenar baik secara terang-terangan mahupun secara sembunyi-sembunyi termasuk ‘betapuk’ membuat penerangan mengenai sesuatu hukum dan amalan.

Kedua: Ingkar kepada janji-janji yang telah dipersetujui bersama atau mungkir janji.

Ketiga: Mengkhianati amanah-amanah yang diberikan atau dipertanggungjawabkan kepadanya seperti bekerja dengan sambil lewa dan menggunakan amanah atau kuasa yang diberikan kepadanya untuk kepentingan diri dan keluarganya seperti pecah amanah, rasuah dan sebagainya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai akhlak mulia yang menjadi ikutan dan contoh teladan kepada sekalian manusia. Oleh itu, sebagai umat Islam kita wajib mengetahui sifat-sifat yang ada pada Baginda iaitu sidiq, amanah, tabligh dan fatanah. Iaitu bersifat benar dalam semua perkataan dan perbuatan, bersifat jujur dan dipercayai, menyampaikan, dan bijaksana dalam menyebarkan dakwah islamiah.

Sifat ini sepatutnya menjadi pakaian umat Islam jika mahu berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Oleh itu, untuk menjadi orang yang beriman kita hendaklah mengamalkan sifat-sifat ini dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat mazmumah seperti bercakap bohong, berbuat khanat dan mungkir janji kerana sifat-sifat tersebut adalah tanda-tanda orang yang munafik. Di samping itu, terdapat beberapa perkara yang boleh kita lakukan bagi menghindari dan mengelakkan diri daripada sifat-sifat munafik iaitu:

- Sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.
- Bersifat jujur dan amanah.
- Hendaklah berhati-hati dalam membuat perjanjian dengan orang lain kerana janji memang ringan dan mudah diucapkan namun berat untuk ditunaikan.
- Apabila berbicara hendaklah bercakap benar dan sentiasa menjaga lisan.
- Janganlah menerima amanah seandainya kita tidak sanggup untuk memikulnya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala banyak memberi peringatan di dalam Al-Quran dengan menerangkan dengan jelas perihal orang-orang munafik. Dalam Al-Quran juga terdapat satu surah khas, iaitu Surah Al-Munafiqun bagi

menggambarkan betapa bahayanya sifat munafik tersebut.

Surah Al-Munafiqun menjelaskan tentang undang-undang dan hukum-hakam serta peristiwa yang melanda masyarakat Madinah selepas hijrah, khususnya berkaitan dengan timbulnya gejala nifak atau munafik. Dalam surah ini menjelaskan ciri-ciri golongan munafik seperti sikap berpura-pura beriman, bersumpah palsu, pengecut, berkomplot menentang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menghalang orang ramai daripada mengikut agama Allah.

Perwatakan mereka dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya umat Islam dapat mengenal dan berwaspada terhadap mereka. Seterusnya surah ini juga menerangkan tentang sikap sinis dan angkuh golongan munafik. Mereka mendakwa bahawa mereka adalah golongan yang mulia.

Kerana itu, mereka bercadang untuk mengusir Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan orang-orang beriman keluar dari Madinah. Atau bagaimanapun, rancangan tersebut tidak berjaya kerana kehendak Allah mengatas segala-galanya.

Marilah kita menjauhkan diri daripada sifat-sifat tercela agar kita tidak tergolong orang-orang yang munafik. Sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan orang-orang yang benar-benar beriman terhadap Allah dan Rasul-Nya dan mudah-mudahan kita sentiasa dilindungi dan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Munafiqun, ayat 1 tafsirnya:

“Apabila orang-orang munafik datang kepadamu wahai Nabi Muhammad, mereka berkata: Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau sebenar-benarnya ialah Rasul-Nya. Dan Allah menyaksikan sesungguhnya orang-orang munafik itu ialah pendusta.”

Isikan cuti persekolahan dengan aktiviti yang berfaedah

Keluaran Pelita Brunei 18 Mac 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya pengisian masa dengan melakukan perkara yang berfaedah merupakan tuntutan agama kerana Islam menggalakkan umatnya supaya mengurus masa dengan sebaik-baiknya dan penuh bijaksana. Memang tidak dapat dinafikan sebagai manusia ada masa kita bekerja dan ada masa kita berehat atau bercuti, begitu juga dengan penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar. Pada masa ini penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar sekolah sedang menjalani cuti penggal pertama persekolahan. Inilah masa yang ditunggu-tunggu oleh para pelajar atau penuntut malahan juga kepada ibu bapa sendiri.

Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam merancang dan mengatur aktiviti yang dilakukan sepanjang cuti persekolahan seperti mengisi masa lapang anak-anak dengan melakukan perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Oleh itu, cuti persekolahan bukan untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berseronok dan melupakan terus pelajaran di sekolah. Jadilah ibu bapa yang prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan dan perkembangan anak-anak. Rancanglah sesuatu agar dapat memanfaatkan cuti sekolah anak-anak dengan sebaik-baiknya. Jangan biarkan anak-anak yang sendiri menguruskan masa cuti tanpa pengetahuan, pemantauan dan panduan daripada ibu bapa. Terdapat bermacam-macam aktiviti yang boleh dirancang dan dilaksanakan seperti melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti di perpustakaan, masjid-masjid, melakukan riadah, lawatan-lawatan dan sebagainya.

Pada musim cuti persekolahan ini, banyak peluang, ruang atau masa yang

boleh kita gunakan. Oleh itu ibu bapa janganlah melepaskan peluang di musim cuti persekolahan ini untuk bersama anak-anak dan mengajar mereka supaya menggunakan masa cuti dengan bijak kerana jika dibiarkan mereka menghabiskan cuti begitu sahaja, tanpa pengawasan ibu bapa atau penjaga, dikhuatiri mereka akan mudah terjebak dengan aktiviti tidak sihat dan gejala sosial yang jelas menyimpang daripada ajaran agama Islam. Ini kerana dalam usia muda, anak-anak begitu mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya dan meniru perbuatan tidak sihat yang boleh merosakkan akhlak dan moral. Kerana itu ibu bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak supaya memanfaatkan masa dengan sebaik-baik mungkin untuk bekalan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak, kerana kita semua akan ditanya adakah kita telah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abi Barzah Al-Islami ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seorang hamba itu pada hari kiamat di Padang Mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana diperolehi dan untuk apa ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Pada musim cuti persekolahan ini terdapat berbagai-bagai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan maupun persendirian untuk disertai antaranya program-program keagamaan, perkhemahan motivasi, bersukan, kesenian, kembara dan sebagainya. Jika anak-anak mempunyai kegemaran dan minat, inilah masa dan peluang ibu bapa untuk memberi galakkan dan dorongan kepada anak-anak supaya dapat mengasah bakat dan minat mereka. Antara aktiviti yang dianjurkan seperti mendalami program pengajian Al-Quran, hafazan dan taranum, kelas memasak, kelas menjahit, membuat kraf tangan, pertukangan, melukis, berenang dan sebagainya. Penglibatan anak-anak dalam program ini boleh membantu mereka untuk menjadi insan yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan.

Ketahuilah peranan ibu bapa amat luas dalam mendidik dan membimbing anak-anak sejak dari kecil lagi, maka dalam musim cuti persekolahan ini merupakan peluang keemasan bagi ibu bapa dan penjaga untuk melibatkan anak-anak di dalam program-program seperti mengikuti aktiviti memakmurkan masjid, kemasyarakatan, gotong-royong dan sebagainya kerana ia merupakan satu pendedahan yang baik untuk melatih anak-anak mendekati masjid, mempelajari ilmu agama, mengeratkan silaturahim dan hidup bermasyarakat. Selain itu, sepanjang musim cuti persekolahan ini, bagi mereka yang berkemampuan, inilah masa terbaik untuk pergi melancang keluar negeri atau menziarahi ahli keluarga dan sanak saudara, menunaikan umrah bagi mendekatkan diri dan meningkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperluas ilmu pengetahuan dan meluaskan pengalaman. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk ayat 15 tafsirnya:

“Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan), maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya. Serta makanlah sebahagian rezeki-Nya dan kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.”

Namun bagi mereka yang tidak berkesempatan berbuat demikian, antara pilihan lain yang lebih mudah dan menjimatkan adalah bercuti di dalam negara dengan mengambil peluang untuk menerokai dan mengenali negara sendiri. Ia bukan sahaja mengurangkan kos perbelanjaan tetapi boleh membantu menjana kepada pertubuhan ekonomi negara. Selain itu, bercuti di dalam negara juga dapat memberikan pendedahan mengenai kesenian dan kebudayaan negara kita sendiri dengan melawat dan bersiar-siar ke pantai-pantai, taman-taman rekreasi, taman-taman permainan dan tempat-tempat bersejarah dan sebagainya. Di samping itu, mengajar kita untuk menghargai keindahan dan kecantikan negara sendiri.

Dalam keseronokan menikmati cuti persekolahan dengan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan, apa yang sangat penting adalah mengutamakan faktor keselamatan diri, keluarga dan harta benda. Mudah-mudahan cuti persekolahan yang akan dilalui ini akan dapat memberi manfaat yang penuh bermakna dan pengisian masa yang berfaedah untuk kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Dan

mudah-mudahan kita terhindar daripada sebarang bahaya dan malapetaka dan sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-'Ashr, ayat 1-3 tafsirnya:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk sabar.”

Bijaksana dalam penggunaan air

Keluaran Pelita Brunei 25 Mac 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada hamba-hamba-Nya dan Allah Subhanahu Wata'ala juga telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak dan tidak terkira kepada hamba-hamba-Nya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 34 tafsirnya:

“Dan Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya.”

Antara nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala adalah air. Air merupakan sumber kehidupan yang paling berharga dan sangat diperlukan. Cuba bayangkan tanpa adanya air, kita mungkin tidak dapat meneruskan kehidupan ini. Oleh itu, air memainkan peranan yang sangat penting kepada semua makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala, firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbia', ayat 30 tafsirnya:

“Dan tidaklah orang-orang yang kafir itu memerhatikan bahawa langit dan bumi kedua-duanya dahulu bercantum (satu), lalu Kami pisahkan kedua-duanya. Dan Kami telah menjadikan tiap-tiap sesuatu yang hidup itu daripada air. Maka tidakkah mereka mahu beriman?”

Alhamdulillah, kita sangat beruntung kerana negara Brunei Darussalam dikurniakan dengan sumber air bersih yang mencukupi untuk kegunaan rakyat dan penduduk serta aktiviti-aktiviti sosioekonomi seperti pertanian, perikanan perindustrian dan seumpamanya.

Hampir keseluruhannya penduduk di negara ini dapat menikmati bekalan air paip yang bersih. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya telah menyediakan prasarana dan kemudahan yang bernilai ratusan juta ringgit untuk membersih, merawat dan membekalkan air ke rumah-rumah dan premis-premis di negara ini.

Menurut kajian dan statistik daripada Jabatan Perkhidmatan Air, penggunaan air di Negara Brunei Darussalam adalah antara yang tertinggi di rantau ini. Penggunaan air di rumah-rumah adalah dianggarkan sejumlah lebih dari 420 liter sehari setiap seorang. Iaitu menyamai sebanyak 280 botol air berukuran 1.5 liter. Manakala penggunaan air di negara-negara jiran dianggarkan lebih kurang 200 ke 250 liter sehari setiap orang.

Perbezaan ini menunjukkan pemakaian air di negara ini adalah jauh lebih tinggi dan penggunaannya adalah tidak terkawal. Ketahuilah pada masa ini dianggarkan lebih dari satu bilion orang yang tidak mempunyai kemudahan bekalan air bersih di seluruh dunia dan jumlah ini dianggarkan meningkat kepada 2.6 bilion orang pada tahun 2025. Perkara ini sangat membimbangkan jika kita tidak mengambil langkah-langkah penjimatan air.

Dalam menjalani aktiviti harian seperti penyediaan makanan, minuman, memasak, mencuci, menyiram tanaman, mandi dan bersuci seperti berwuduk dan sebagainya. Kita seharusnya menggunakan air dengan kadar yang sepatutnya dan janganlah berlebih-lebihan atau membazir. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh yang terbaik dalam penggunaan air.

Sebagaimana yang diceritakan oleh Anas Radhiallahuanhu, Maksudnya:

“Daripada Anas Radhiallahuanhu dia berkata: Bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berwuduk dengan air satu mud dan mandi dengan air satu sok hingga lima mud.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Berdasarkan daripada hadis tersebut, sama-sama kita menggunakan air secara berhemah dan berjimat cermat. Elakkan penggunaan air secara berlebihan dan membazir kerana ia boleh merugikan kepada individu mahupun kepada negara. Sebagai pengguna kita harusnya peka, prihatin serta bertanggungjawab dan memberikan kerjasama dalam menangani pembaziran air seperti melapor dengan segera kepada pihak-pihak tertentu jika berlaku kebocoran paip air dan seumpamanya.

Selain itu, sebagai pengguna yang bertanggungjawab hendaklah mengambil perhatian yang sewajarnya dengan memantau penggunaan air melalui tuntutan bil air dan menjelaskan setiap tuntutan bil-bil dalam tempoh yang ditetapkan. Jangan dilalaikan, kerana ia akan membuatkan jumlah tuntutan semakin meningkat dan akhirnya menjadi beban dan tanggungan hutang yang banyak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jiwa orang mukmin terhalang oleh hutangnya sehingga hutang itu dibayar.” (Riwayat Ibnu Majah).

Sesungguhnya air sangat berharga dan diperlukan untuk kehidupan seharian dan kita sebagai pengguna hendaklah mengamalkan sifat berjimat cermat dalam menggunakan kerana agama Islam menggalakkan umatnya untuk berjimat cermat dan melarang keras sifat membazir. Oleh yang demikian, marilah kita menggunakan air dengan mengikut kadar keperluan sahaja dan ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membersih, merawat dan membekalkan air untuk kita gunakan setiap hari dan akan dapat mengurangkan jumlah tuntutan bil air kita pada setiap bulan.

Di samping itu, marilah kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata’ala dan sama-sama kita berdoa mudah-mudahan nikmat tersebut berkekalan dan terus kita nikmati. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Waqi’ah, ayat 68-70 tafsirnya:

“Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkannya dari awan sebagai hujan atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki Kami jadikan ia masin maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”

Bersangka baik amalan mulia

Keluaran Pelita Brunei 1 April 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam menempuh kehidupan sehari-hari yang penuh cabaran, dugaan dan rintangan, kita sebagai umat Islam dituntut untuk sentiasa berfikir positif dan tidak mudah berputus asa serta menjauahkan diri dari bersangka buruk. Ini kerana segala dugaan atau cubaan yang kita hadapi merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk sentiasa bersangka baik kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga bersangka baik sesama manusia.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah Ta’ala berfirman, Aku menurut sangkaan hamba-Ku kepada-Ku, dan Aku bersamanya ketika ia mengingati-Ku, jika ia ingat kepada-Ku dalam dirinya maka Aku ingat kepadanya dalam diri-Ku. Jika ia ingat kepada-Ku dalam kelompok orang banyak maka Aku mengingatinya dalam kelompok yang lebih baik daripadanya. Jika ia mendekat kepada-Ku sejangkal, maka Aku mendekat kepadanya sehasta. Jika ia datang kepada-Ku dengan berjalan maka Aku datang kepadanya dengan berlari-lari kecil.”

Ketahuilah, Allah tidak akan menguji hamba-hamba-Nya di luar kemampuan hamba-hamba-Nya itu sendiri kerana Allah Subhanahu Wata'ala mengetahui apa yang terbaik untuk kita. Walaupun perkara itu sesuatu yang kita benci dan janganlah kita cepat bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala seperti

mengeluh, merintih, marah, jika doa dan hajat kita lambat atau belum dimakbulkan dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 216 tafsirnya:

“Dan boleh jadi kamu tidak menyukai sesuatu pada hal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui.”

Sesungguhnya bersangka baik sangat dituntut dalam Islam kerana bersangka baik itu dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat mengelakkan dari permusuhan sesama manusia. Bersangka baiklah pada setiap perkara yang berlaku dan yakinlah setiap yang terjadi itu pasti ada hikmahnya, kita hendaklah reda dengan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala kerana bersangka baik mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan, antaranya ialah:

- Sentiasa bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala.
- Mengelakkan manusia dan ummah daripada berpecah belah.
- Dapat membersihkan hati daripada sifat-sifat mazmumah (tercela).
- Sentiasa merasa bahagia atas kejayaan yang dicapai oleh orang lain.
- Hubungan persahabatan dan persaudaraan menjadi lebih erat dan baik.

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan berbaik sangka ialah tidak memandang diri lebih baik, lebih bagus, lebih afdal dan lebih tinggi dari sesiapa pun, jika ternampak sesuatu yang boleh membawa kita bersangka buruk kepada orang lain maka carilah alasan untuk keluar dari sangkaan buruk tersebut agar kita dapat bersangka baik dengannya. Ingatlah kata-kata nasihat Sheikh Abdul Qadir Al-Jailani agar kita sentiasa mengamalkan sifat bersangka baik sesama manusia iaitu:

- Jika engkau bertemu dengan seseorang, maka yakinlah bahawa dia lebih baik darimu. Ucapkanlah dalam hatimu: Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih baik dan lebih tinggi dariku.

- Jika bertemu anak kecil, maka ucapkanlah dalam hatimu: Anak ini belum bermaksiat terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, sedangkan diriku telah banyak bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik dariku.

- Jika bertemu orang tua, maka ucapkanlah dalam hatimu: Dia beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala lebih lama dariku, tentu dia lebih baik dariku.

- Jika bertemu dengan orang yang berilmu, maka ucapkanlah dalam hatimu: Orang ini memperolehi, mencapai kedudukan yang tidak akan pernah ku capai, dia mengetahui apa yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik dariku.

- Jika bertemu dengan orang yang bodoh, maka katakanlah dalam hatimu: Orang ini bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dia bodoh dan tidak tahu, sedangkan aku bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hal aku mengetahui akibatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umur ku kelak. Dia tentu lebih baik dariku.

- Jika bertemu dengan orang kafir, maka katakanlah dalam hatimu: Aku tidak tahu bagaimana keadaanya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.

Oleh yang demikian, buanglah sifat bersangka buruk dari diri kita dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar, salah satu caranya ialah dengan memperbanyak istighfar dan memohon taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana manusia tidak pernah terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jauhilah kamu dari prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu adalah sebohong-bohong rekaan rasa hati.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya agama Islam mengajar umatnya agar memiliki hati yang suci bersih, dan tidak mudah menaruh prasangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama insan. Sebagai umat Islam yang inginkan keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan, maka sewajarnya kita bersangka baik untuk perpaduan dalam kehidupan berkeluarga, beragama, bermasyarakat dan bernegara. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita dapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain."

Adab dalam memberi nasihat dan teguran

Keluaran Pelita Brunei 8 April 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang sempurna, Islam bukan sahaja menyuruh umatnya untuk beribadat seperti sembahyang, puasa, menunaikan haji dan sebagainya. Malahan agama Islam juga menyuruh umatnya untuk menjaga kesejahteraan hidup, bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam mengajar umatnya untuk saling nasihat-menasihati dan tegur-menegur antara satu dengan yang lain. Menasihati dan menegur adalah perbuatan yang sangat baik dan dianjurkan dalam Islam, sememangnya kita sebagai manusia perlu mendapat teguran sampai kita menyedari kesilapan, kesalahan dan kelemahan diri sendiri.

Perlu diingat, nasihat atau teguran yang disampaikan perlulah dengan adab dan sopan. Kerana tanpa adab dan cara yang betul, ia bukan sahaja akan menimbulkan salah faham bahkan akan menimbulkan kemarahan orang yang ditegur dan menyebabkan terjadinya pertengkaran kerana tidak semua orang boleh menerima nasihat dan teguran. Oleh itu, adab dan sopan perlu seiring dalam menasihati, menegur dan memberikan pendapat. Niat kita menegur seseorang itu mestilah betul, demi kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan, menghina, mendedahkan aib atau berniat buruk. Cara kita menegur mestilah berhemah, berhati-hati dan jangan sengaja mencari kelemahan orang yang ditegur. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Maksudnya:

"Daripada Tamim Ad Dhari, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Agama itu nasihat. Kami bertanya: Kepada siapa? Baginda bersabda:

Kepada Allah, kepada kitab-Nya, kepada Rasul-Nya, kepada para pemimpin kaum Muslimin dan kaum Muslimin secara umum.” (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya setiap nasihat atau teguran perlu diteliti dan dihalusi, orang yang menegur mestilah dalam keadaan tenang dan bukannya dalam keadaan marah dan emosi sehingga mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya kerana semua itu tidak akan menyelesaikan masalah, akan tetapi sebaliknya akan mengeruhkan lagi keadaan. Ada tatacara dan adab yang perlu kita ambil perhatian dalam menasihati dan menegur dengan cara yang baik, antaranya ialah:

Pertama: Berilah nasihat dan teguran dengan bahasa dan suara yang lembut, jangan sesekali kita menasihati dan menegur dengan suara yang tinggi dan menggunakan bahasa yang angkuh dan sombong kerana kita menasihati dan menegur bukan untuk mendedahkan aib orang. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Thaha, ayat 44 tafsirnya:

“Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan).”

Kedua: Elakkanlah dari menasihati dan menegur kesilapan atau kesalahan di depan orang ramai, nasihati dan tegurlah ketika dia sedang bersendirian atau ketika berada di tempat yang tertutup, berilah nasihat dan teguran dengan adab dan hormat bukannya dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur.

Ketiga: Berilah nasihat dan teguran dengan menggunakan perkataan-perkataan yang baik dan bermanfaat agar tidak menyinggung perasaan orang yang ditegur, berhati-hati dalam memilih perkataan yang sesuai agar orang itu tidak merasa terhina dan rendah diri. Berilah nasihat dengan akal fikiran dan hati bukannya dengan emosi.

Keempat: Orang yang menasihati dan menegur hendaklah meminta maaf selepas membuat teguran kerana tujuan meminta maaf itu adalah untuk memujuk

perasaan orang yang ditegur supaya jangan terasa hati di atas nasihat dan teguran yang diberikan. Apabila kita ingin menasihati dan menegur seseorang, nasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan diri kita ditegur atau dinasihati dan tegurlah sebagaimana kita inginkan anak dan ahli keluarga kita ditegur.

Kelima: Sentiasalah bersangka baik terhadap orang yang kita nasihati dan tegur itu kerana mungkin mereka tidak mengetahui apa yang mereka lakukan adalah satu kesalahan.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa.”

Budayakanlah amalan nasihat-menasihati dan tegur-menegur dengan kata-kata yang lemah lembut dan berbudi bahasa. Berilah nasihat dan teguran dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata’ala dan dengan cara yang penuh berhemah agar nasihat dan teguran dapat diterima dengan hati yang terbuka. Terimalah nasihat dan teguran dengan perasaan bersangka baik supaya kita dapat memperbaiki diri dan mengeratkan silaturahim antara kita. Akhirnya, sama-sama lah kita berdoa semoga kita semua akan hidup rukun damai, harmoni dan bersatu padu dan semoga kita semua akan mendapat keselamatan, kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nahl, ayat 125 tafsirnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Nabi Muhammad dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik.”

Kesedaran ke atas penjimatan tenaga

Keluaran Pelita Brunei 15 April 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita iaitu agama Islam ialah agama yang lengkap dan sempurna ajarannya, mengatur kehidupan kita dalam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Islam juga menggalakkan kita untuk melakukan amalan-amalan yang mulia seperti amalan bersedekah, bantu-membantu, hormat-menghormati dan seumpamanya.

Begitu juga dengan amalan berjimat cermat, Islam sangat menggalakkan amalan tersebut dalam kehidupan sehari-hari seperti dalam berbelanja, makan minum, berpakaian, penggunaan air, pemakaian tenaga elektrik dan sebagainya.

Alhamdulillah, kita amat beruntung kerana dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan yang disediakan di negara ini seperti air, jalan raya, tenaga elektrik dan sebagainya.

Kita hendaklah bersyukur dan menggunakan kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya, itulah makna bersyukur di atas nikmat untuk menjadikan nikmat itu diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaliknya jika kita cuai menggunakan nikmat tersebut, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mendatangkan azab. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku

akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Dalam penggunaan tenaga elektrik, kita hendaklah memastikan penggunaannya dengan cekap dan bijak agar kita sentiasa dapat menikmati kemudahan ini dengan berterusan. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga pada tahun 2011 telah menunjukkan bahawa bangunan-bangunan milik kerajaan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan masjid-masjid menyumbangkan kepada 22 peratus daripada keseluruhan tenaga yang digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Hasil dari audit tenaga yang dijalankan ke atas beberapa buah bangunan kerajaan, beberapa punca utama yang menyumbangkan kepada penggunaan tenaga yang berlebihan yang dapat dikenal pasti antaranya ialah:

Pertama: Kurangnya kesedaran pengguna dan sikap “malas ku ingau” dalam penggunaan tenaga elektrik.

Kedua: Penggunaan tenaga elektrik yang tidak sewajarnya atau berlebihan.

Ketiga: Penggunaan tenaga elektrik dengan tidak betul dan sistem pendawaian elektrik yang sudah lama dan tidak efisien.

Ini adalah antara punca-punca utama pembaziran tenaga elektrik di bangunan-bangunan kerajaan. Sebagai pengguna kita perlulah mengambil perhatian yang serius dan memberikan kerjasama dalam penggunaan tenaga elektrik bagi mengelakkan pembaziran. Penggunaan yang berlebihan dan menggunakan sesuatu melebihi batas keperluan sehari-hari adalah perbuatan yang membazir. Sebagai orang Islam kita hendaklah menghindari perbuatan ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'Raf, ayat 31 tafsirnya:

“Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”

Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ada bertitah sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-63 Tahun antara petikan titah baginda: “.... ***Masanya juga sudah tiba untuk agensi-agensi kerajaan menggubal dasar dan mengemukakan langkah-langkah bagi mencapai matlamat penggunaan tenaga secara efisien dan mengelakkan pembaziran. Misalnya, pada setiap tahun agensi-agensi kerajaan menggunakan kuasa elektrik sehingga 68 juta ringgit setahun. Kalau pembaziran 10 peratus dapat dielakkan, bererti kita boleh menjimatkan sehingga 6.8 juta ringgit setahun.***”

Bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, agensi-agensi kerajaan, swasta, persendirian, rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik. Marilah kita bersama-sama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dengan beberapa cara seperti berikut:

- Memadamkan lampu setelah digunakan atau tidak diperlukan lagi.
- Mematikan semua suis peralatan elektrik jika tidak digunakan. Sebaik-baiknya jangan diberikan dalam ‘standby mode’.
- Sebaik-baiknya kurangkanlah penggunaan penghawa dingin (*aircond*) dan gunakanlah ketika perlu sahaja.
- Mendidik anak-anak dan ahli keluarga agar sentiasa mengamalkan sifat berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik.

Kesedaran penggunaan dalam penjimatkan tenaga elektrik bukan setakat dalam rumah sahaja malah juga di tempat kerja seperti bangunan-bangunan kerajaan apatah lagi di masjid-masjid. Bagi masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara, orang ramai dan para jemaah memainkan peranan dan tanggungjawab yang sangat penting ke arah penggunaan dan penjimatkan tenaga elektrik sama ada dalam bangunan masjid mahupun di luar bangunan masjid.

Oleh kerana berjimat itu amalan terpuji dan boros pula adalah amalan terkeji, maka marilah kita sama-sama menyahut hasrat kerajaan agar kita sama-sama

menghargai dan berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik dan menjadikan ia sebagai salah satu cara hidup seharian sesuai dengan ajaran agama kita, sama-samalah kita menyemai, mendidik dan membudayakan diri kita agar sentiasa bijak dan cekap dalam penggunaan dan penjimatkan tenaga elektrik dan mengelakkan diri dari melakukan pembaziran.

Oleh itu, amalkanlah sifat bersederhana dalam kehidupan, mudah-mudahan dengan demikian kita akan sentiasa menjadi hamba Allah Subhanahu Wata’ala yang beriman dan bertakwa dan sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Surah Al-Isra’, ayat 27 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan mereka.”

Peristiwa Israk dan Mikraj penuh pengajaran

Keluaran Pelita Brunei 22 April 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya setiap Rasul yang diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala dikurniakan dengan berbagai-bagai mukjizat sebagai bukti kerasulannya. Begitu juga dengan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah kitab suci Al-Quran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bahawa tidak ada siapa yang mampu untuk merubah isi kandungan di dalamnya walau sedikit pun. Selepas kitab suci Al-Quran, peristiwa Israk dan Mikraj adalah satu mukjizat agung yang dialami sendiri oleh Baginda di mana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diisrakkan (diperjalankan) dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsa di Palestin dan telah dimikrajkan (dinaikkan) ke langit menuju ke Sidratul Muntaha.

Israk dan Mikraj merupakan satu mukjizat yang tidak dikurniakan kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul yang lain sebelum Baginda. Israk dan Mikraj adalah peristiwa agung yang penuh pengajaran dan iktibar kerana dalam peristiwa inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diperlihatkan banyak kejadian aneh dan ganjil yang menunjukkan perilaku manusia berserta balasan yang mereka terima terhadap perbuatan yang mereka lakukan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1 tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjidilaqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang

Kami berkat sekelingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Sesungguhnya dalam peristiwa Israk dan Mikraj terdapat banyak hikmah dan pengajaran di dalamnya untuk direnungi dan dihayati serta dijadikan iktibar untuk meningkatkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya ialah kita boleh mengambil pengajaran daripada satu peristiwa di mana Allah Subhanahu Wata'ala telah memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perihal seorang lelaki yang sedang memikul barang yang tidak mampu untuk dipikulnya, namun lelaki tersebut masih ingin menambah pikulannya itu dengan memasukkan barang-barang lain, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya tentang perihal orang itu, lalu Jibrail Alaihissalam pun menjawab: ia adalah orang yang suka membawa amanah meskipun ia tidak sanggup untuk menunaikannya, namun begitu ia masih juga mahu menambah dengan amanah yang baharu. Sesungguhnya dalam agama Islam, amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang ringan dan mudah, kita hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 72 tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami pernah mengemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya dan manusia pula sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia adalah sangat zalim lagi jahil."

Perlu diingat, setiap urusan itu adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya, kita hendaklah menyerahkan setiap amanah kepada orang yang berhak dan layak menerimanya, ramai orang yang berlumba-lumba untuk mengejar keduniaan sehingga amanah yang sepatutnya dilaksanakan itu diabaikan dan dicuaikan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi peringatan kepada umatnya bahawa hilangnya sifat amanah dalam masyarakat

merupakan di antara tanda-tanda kecil berlakunya hari kiamat. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu mengatakan: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jika amanah telah disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi, ada seorang sahabat bertanya: Bagaimana maksud disia-siakan? Nabi menjawab: Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.”

Perlu diketahui, amanah itu adalah terlalu luas, ia meliputi agama, kewajipan syarak, kepimpinan, pekerjaan seperti pentadbiran, perniagaan dan sebagainya. Setiap orang mestilah menuaikan amanah-amanah ini dengan sempurna. Sesungguhnya pekerjaan adalah satu amanah besar yang mesti ditunaikan tanpa mengira apa jua bentuk pekerjaannya asalkan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Seorang pemimpin dan majikan sudah tentu inginkan pekerjaanya bersikap amanah. Oleh itu, sifat amanah perlu diterapkan dan dipraktikkan. Orang atasan perlu memberi teladan yang baik kepada orang bawahan mereka, dengan itu sifat amanah akan menular dalam diri mereka. Allah Subhanahu Wata’ala telah memberikan peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak mengkhianati amanah yang telah diberikan, jika kita menjaga dan menanai amanah yang diberikan, ia akan mendorong kita melakukan pekerjaan dengan tekun dan dedikasi dengan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan fikiran. Segala tuntutan kerja akan dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab serta bersungguh-sungguh. Dalam menjaga amanah dalam pekerjaan, beberapa perkara perlu kita titik beratkan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak kepada penyelewengan seperti rasuah, judi, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Kita perlu melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.

Marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil iktibar dari peristiwa Israk dan Mikraj agar dapat menguatkan dan meningkatkan iman dan takwa kepada

Allah Subhanahu Wata’ala dan memahami betapa pentingnya sifat amanah dalam kehidupan kita. Tanamkanlah sifat amanah dalam setiap keadaan, baik dalam keluarga, pekerjaan dan masyarakat. Sedarlah bahawa iman seseorang mukmin itu akan bertambah sekiranya segala amanah itu dipikul dengan jujur dan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata’ala. Mudah-mudahan kita akan sentiasa mendapat hidayah dan petunjuk ke jalan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata’ala serta selamat di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nisa’, ayat 58 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Kenduri arwah dan tahlil

Keluaran Pelita Brunei 29 April 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya setiap yang bernyawa pasti akan mati. Mati adalah terputusnya perhubungan di antara roh dan jasad dan detik permulaan menuju ke akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 185 tafsirnya:

"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu."

Ketahuilah, apabila berlaku kematian akan terputuslah segala amal kebajikannya, kecuali tiga perkara, pertama sedekah jariah, kedua ilmu yang bermanfaat dan doa daripada anak yang soleh. Ini jelas sebagaimana hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah segala amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya." (Riwayat Imam Muslim).

Pada kebiasaannya, pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan umat Islam di negara ini akan mengadakan majlis tahlil dengan mengharapkan pahala yang berlipat ganda di dalam bulan tersebut. Kelazimannya kita menjemput ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai dan jiran tetangga untuk hadir bagi membaca Al-Quran, Surah Yasin, berzikir, bertahlil dan sebagainya untuk dihadiahkan pahalanya

kepada orang yang telah kembali ke rahmatullah. Adapun tujuan majlis kenduri arwah diadakan adalah untuk memohon rahmat kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi orang yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun supaya tujuan majlis tersebut sesuai dengan kehendak agama, janganlah pula kenduri arwah tersebut dianggap sebagai satu kemestian, lebih-lebih lagi dengan menyediakan pelbagai jenis hidangan makanan sehingga boleh membebankan diri sendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286 yang tafsirnya:

"Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya."

Ketahuilah, sebenarnya Majlis Tahlil itu adalah Majlis Zikir di mana kita ramai-ramai berkumpul untuk membaca tahlil, bertasbih, bertahmid, bertakbir, menyebut hauqalah, menyebut , membaca Basmallah, membaca Al-Quran dan membaca doa-doaa yang ma'tsur atau mustajab, iaitu membaca doa-doaa yang diterima daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh kerana pentingnya zikir dalam kehidupan, maka ulama-ulama besar seperti Imam An-Nawawi telah mengumpulkan zikir-zikir daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menyebutkan penggunaan, berdasarkan tempat, masa dan lain-lain. Semua ini menjelaskan bahawa segala ruang waktu itu adalah perlu diisi dengan zikir. Tanpa zikir, hati kita akan terasa kosong dan sangatlah besar kerugiannya.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa orang yang telah meninggal dunia itu masih dapat menerima ganjaran pahala dan rahmat dari amal kebajikan yang dilakukan oleh orang-orang yang masih hidup untuk mereka. Oleh itu, Islam sangat menggalakkan orang yang hidup terutamanya kepada anak-anak dan keluarga terdekat supaya sentiasa membaca Al-Quran, berdoa dan berzikir dan menghadiahkan pahala bacaan tersebut kepada ahli keluarga dan sanak saudara

yang telah meninggal dunia dengan harapan semoga roh mereka akan dihindarkan dan diringankan daripada mendapat azab kubur serta mendapat rahmat dan ketenangan.

Selain daripada amalan tahlil tersebut, sedekah amal jariah juga elok diamalkan dan pahala tersebut diniatkan untuk orang yang telah meninggal dunia tersebut. InsyaaAllah dengan demikian mereka yang meninggal dunia akan mendapat pahala daripada amalan tersebut, sebagaimana kisah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, maksudnya:

“Daripada Abdillah ibn Abbas Radhiallahuanhuma, bahawasanya Saad ibni Ubadah Radhiallahuanhu, meninggal ibunya dan dia (Saad) tidak bersamanya, maka ia mengatakan: Ya Rasulullah, Sesungguhnya ibuku meninggal dan aku sedang tidak bersamanya, apakah bermanfaat jika aku bersedekah untuknya? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : “Ya” Saad kembali mengatakan: Maka sesungguhnya aku saksikan kepadamu ya Rasulullah bahawa kebunku yang sedang berbuah ku sedekahkan atasnya.”

Sebagaimana kita ketahui bahawa tiada sesiapa pun yang mengetahui bila ajalnya akan tiba. Oleh itu, sebagai orang Muslim yang beriman kita hendaklah mempersiapkan diri dengan amal ibadah sebagai bekalan untuk akhirat. Selain itu janganlah kita melupakan ibu bapa, kaum keluarga serta sanak saudara kita yang telah kembali ke rahmatullah dengan menghadiahkan kepada mereka bacaan ayat-ayat Al-Quran, doa dan sebagainya. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata’ala menerima amalan yang kita lakukan dan mudah-mudahan roh mereka akan mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala jua. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Ibrahim, ayat 41 tafsirnya:

“Ya Tuhan kami! Ampunilah aku dan kedua ibu bapaku serta orang-orang yang beriman, pada hari berlakunya hisab (di hari kiamat).”

Khutbah Jumaat Bulan Mei 2017

Keluarga penyayang negara gemilang

Keluaran Pelita Brunei 6 Mei 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam agama kita adalah agama yang mementingkan hubungan kasih sayang. Kasih sayang adalah fitrah semula jadi yang Allah Subhanahu Wata'ala jadikan dalam naluri setiap insan. Sifat kasih sayang amat penting dalam pembinaan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni. Keutuhan dan kekuatan hubungan sebuah keluarga bergantung kepada ikatan kasih sayang di antara ibu bapa, anak-anak dan ahli keluarga yang lain.

Oleh itu, binalah kasih sayang sesama keluarga supaya keharmonian akan terjamin sepanjang masa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Jabir bin Abdullah katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah Azza Wajalla tidak akan menyayanginya.” (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya sesebuah institusi keluarga mestilah dibentuk berlandaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunah dan dibina atas dasar takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ibu bapa bertanggungjawab memastikan akidah (kepercayaan) dan akhlak ahli keluarga tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu, ibu bapa hendaklah memberi bimbingan dan nasihat berlandaskan ajaran Islam serta perhatian kepada anak-anak sejak dari kecil lagi supaya akidah mereka akan tetap teguh dan betul. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 13 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya, Semasa dia memberi pengajaran kepadanya: “Wahai anakku! janganlah engkau mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

Tugas dan tanggungjawab dalam membimbing keluarga bukanlah untuk sehari dua sahaja, bahkan ia perlu berterusan sehingga ke akhir hayat. Oleh itu, kejayaan ibu bapa dalam membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni bercirikan ajaran Islam akan menjadi cermin kepada anak-anak apabila mereka membina keluarga kelak sehingga boleh membentuk masyarakat, bangsa dan negara yang cemerlang lagi gemilang. Untuk melahirkan sebuah keluarga yang penyayang dan negara yang gemilang, beberapa perkara yang perlu diamalkan bagi setiap keluarga antaranya:

Pertama: Sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dikurniakan keluarga yang bahagia, hidup rukun damai, dikurniakan darjah yang soleh dan cemerlang. Antara doanya sebagaimana dalam Surah Al-Furqan, ayat 74 tafsirnya:

“Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami isteri-isteri kami dan zuriat-zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.”

Kedua: Menerapkan akidah Islam yang kukuh dan mantap dalam diri setiap anggota keluarga kerana ia adalah asas utama dalam pembentukan keluarga bahagia yang mampu menjamin keamanan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Ketiga: Ketua keluarga hendaklah memberi penekanan terhadap tuntutan syariat khususnya dari sudut ibadat seperti memastikan ahli keluarga istiqamah mendirikan sembahyang fardu lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan sebagainya.

Keempat: Sentiasa menyayangi ahli keluarga dan menjadikan diri sebagai *role*

model dengan akhlak yang terpuji dengan menunjukkan contoh teladan yang baik, di samping memupuk rasa kasih sayang dan hormat-menghormati sesama ahli keluarga.

Tugas dan tanggungjawab pasangan suami isteri memainkan peranan penting dalam melahirkan keluarga yang harmoni dan penyayang. Suami berperanan sebagai pemimpin, pelindung dan menjadi tempat bergantung kepada isteri dan anak-anak. Suami hendaklah memimpin dan memberikan tunjuk ajar isteri dan anak-anak agar menjadi hamba yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Isteri pula bertanggungjawab mentaati suami, menjaga rumah tangga dengan membantu dan bekerjasama dalam usaha mewujudkan rumah tangga yang bahagia dan harmoni.

Dalam rumah tangga, perlu ada sikap saling bantu-membantu dan bertolak ansur di antara suami isteri. Suami digalakkan menolong dan membantu isteri bagi meringankan tugas isteri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh terbaik seorang suami yang bertanggungjawab kerana Baginda sendiri menolong dan membantu isteri bagi meringankan tugas isteri di rumah.

Sebagaimana dalam satu hadis riwayat Imam Al-Bukhari:

“Daripada Sayiditina Aisyah Radhiallahuanha: Sesungguhnya aku pernah ditanya mengenai apa yang diperbuat oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di rumah, Aisyah Radhiallahuanha menjawab: Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membantu kerja-kerja rumah. Maka apabila masuk waktu sembahyang Baginda pun keluar sembahyang ke masjid.”

Selain itu, anak-anak juga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Setiap anak diwajibkan taat, menghormati dan memuliakan ibu bapa. Di samping itu, anak-anak juga wajib mematuhi segala perintah dan nasihat mereka dan apabila berbicara, anak-anak hendaklah menggunakan kata-kata yang lemah lembut serta beradab, tidak menyenggung perasaan dan menyakiti hati kedua ibu

bapa. Tunjukkanlah rasa terima kasih terhadap jasa kedua orang tua yang telah mendidik dan membesar kita.

Perlu diingat, anak-anak hendaklah sentiasa mengambil peduli dan bertanya khabar kedua ibu bapa walaupun anak-anak tersebut sudah berkeluarga dan tinggal di rumah yang berasingan dengan mereka, anak-anak juga perlu mengambil berat dan bertanggungjawab memeduli ibu bapa lebih-lebih lagi pada ibu bapa yang sudah lanjut usia dan memerlukan penjagaan. Adalah menjadi kewajipan kepada anak-anak agar meluangkan masa untuk memenuhi keperluan ibu bapa dari segi makan minum, pakaian, perubatan, tempat tinggal dan kasih sayang sebagaimana mereka berikan kepada anak-anak sewaktu kecil dahulu. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan kedua ibu bapa tidak mampu dibalas oleh anak-anak walau dengan harta dan wang ringgit yang banyak sekalipun.

Oleh itu, janganlah kita lalai dan leka dengan kehidupan dan tugas-tugas seharian sehingga kita lupa akan tanggungjawab kita sebagai seorang anak. Sebagai anak yang soleh, maka kita hendaklah selalu mendoakan kedua ibu bapa sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 24 tafsirnya:

“Dan hendaklah engkau merendah diri dengan penuh kasih sayang dan berdoalah untuk keduanya: Ya Tuhan! kurniakanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil lagi.”

Sesungguhnya sifat kasih sayang amat penting khususnya dalam pembinaan sebuah keluarga bahagia, penyayang dan negara yang gemilang. Tanamkanlah semangat untuk menyayangi dan menghargai keluarga dengan mengeratkan hubungan kekeluargaan asalkan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Dengan wujudnya keluarga yang harmoni dan sayang menyayangi, maka akan bahagialah kehidupan dalam sesebuah rumah tangga dan masyarakat. Sama-sama lah kita berdoa semoga keluarga kita akan terus mendapat hidayah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhkan daripada bencana dan musibah. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nisa', ayat 36 tafsirnya:

"Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanananya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong dan membangga-banggakan diri."

Pentingnya keselamatan dan pencegahan kebakaran dalam kehidupan sehari-hari

Keluaran Pelita Brunei 13 Mei 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan kita di dunia ini tidak akan terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ujian dan dugaan ini besar atau kecil, berat atau ringan. Sebagai umat Islam, kita hendaklah mempunyai iman dan kesabaran untuk menghadapi apa jua ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti kemalangan, banjir, tanah susur, kemarau panjang, kebakaran dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 tafsirnya:

"Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar."

Alhamdulillah, negara kita mempunyai banyak pasukan beruniform seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan lain-lain. Jabatan Bomba dan Penyelamat merupakan salah sebuah jabatan yang menangani kecemasan yang dapat membantu dan memberikan pertolongan kepada orang awam yang menghadapi musibah dan mengurangkan beban yang mereka hadapi. Adapun peranan dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat bukan setakat memadam kebakaran, akan tetapi juga berperanan memberi perkhidmatan keselamatan kebakaran, penyiasatan

kebakaran dan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya kebakaran seperti perancangan persiapan dan keperluan dalam menghadapi kebakaran.

Tugas dan tanggungjawab Pasukan Bomba dan Penyelamat amat mencabar dan bahaya, ia memerlukan pengorbanan masa, tenaga, jiwa dan raga. Ini kerana, adakalanya jiwa mereka boleh terkorban demi untuk menyelamatkan harta benda dan nyawa orang lain. Oleh itu, sebagai masyarakat hendaklah menghargai pengorbanan dan jasa-jasa mereka. Sesungguhnya tanggungjawab pencegahan kebakaran bukanlah tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat semata-mata. Malahan ia adalah tanggungjawab kita bersama.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada setiap masa, agar kejadian yang tidak diingini akan dapat dihindari dan dijauhkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahuanhuma, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas kepimpinannya. Seorang kepala negara akan bertanggungjawab perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab dan tugasannya. Bahkan seorang pembantu atau pekerja rumah tangga yang bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab dari hal yang dipimpinnya.” (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Mengikut statistik daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat bahawa panggilan kecemasan pada tahun 2016 adalah sebanyak 5,488 kes panggilan kecemasan telah pun diterima. Dari statistik tersebut jabatan ini telah menerima sebanyak 130 panggilan kebakaran di mana melibatkan 83 panggilan kebakaran rumah dan 47 panggilan kebakaran bangunan dengan anggaran kerugian berjumlah BND7,653,282.50 (Tujuh juta enam ratus lima puluh tiga ribu, dua ratus lapan

puluh dua ringgit lima puluh sen).

Manakala pada tahun 2017 pula, bermula dari bulan Januari hingga Mac 2017, sebanyak 1,210 panggilan kecemasan telah pun diterima, dari statistik tersebut sebanyak 32 panggilan kebakaran telah diterima melibatkan 19 panggilan rumah dan 13 panggilan kebakaran bangunan dengan anggaran kerugian berjumlah BND1,508,810.00 (Satu juta lima ratus lapan ribu dan lapan ratus sepuluh ringgit).

Memandangkan kejadian kebakaran boleh mengakibatkan kerugian yang sangat besar dan di samping risiko kehilangan nyawa dan harta benda maka tingkatkanlah sifat berhati-hati dan berwaspada pada setiap masa dengan memikirkan dan mementingkan keselamatan serta pencegahan kebakaran dalam kehidupan seharian, sama ada di dalam rumah maupun di tempat kerja.

Adapun antara punca utama terjadinya kebakaran itu ialah kecuaian dan kurang pengetahuan penggunaan dalam menggunakan peralatan elektrik yang menyebabkan kepanasan berlebihan, lebih beban, litar pintas dan penyambungan yang longgar. Selain itu, kebakaran juga berpunca dari masakan yang ditinggalkan, kanak-kanak bermain api, meninggalkan lilin tanpa pengawasan, membuang puntung rokok yang masih menyala, gas bocor dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang ramai disarankan untuk mengambil berat dalam mengelakkan kejadian kebakaran dengan mengambil langkah-langkah keselamatan terhadap punca dan penyebab kebakaran.

Ini bermakna dalam aspek kebakaran, orang ramai haruslah peka terhadap bahaya kebakaran pada setiap masa dengan mempersiapkan diri dengan sedikit ilmu pengetahuan kebombaan seperti mempunyai alat pemadam api persendirian, ilmu pencegahan dan mengawal kebakaran dan cara menyelamatkan diri sebelum tiba bantuan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Sama-samalah kita nasihat-menasihati dan memberi peringatan kepada ahli keluarga, saudara-mara, rakan dan jiran tetangga dalam menjaga hal ehwal keselamatan dan pencegahan daripada berlakunya kebakaran, lebih-lebih lagi

dalam menyambut kedatangan bulan Ramadan dan Syawal. Ini kerana, pada kebiasaannya setiap keluarga akan membuat perancangan atau persediaan dalam perlaksanaan ibadah puasa atau berbuka puasa dan seterusnya berbagai-bagai persediaan untuk menyambut Aidilfitri.

Dalam kegembiraan menyambut dua bulan yang mulia ini perkara yang perlu diingat ialah mengutamakan aspek keselamatan dan pencegahan berlakunya kebakaran antaranya adalah pemasangan, penyambungan atau pendawaian elektrik hendaklah diselenggarakan oleh mereka yang bertauliah dalam bidang berkenaan. Pastikan sebelum meninggalkan rumah hendaklah mematikan mana-mana peralatan elektrik yang tidak diperlukan. Jangan meninggalkan sebarang masakan, pastikan di mana keberadaan anak-anak kerana dikhuatiri mereka bermain mancis, bunga api atau mercun tanpa pengetahuan atau penjagaan orang tua.

Ingatlah, kejadian kebakaran boleh terjadi pada bila-bila masa sahaja. Ibarat pepatah menyatakan “api kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan”. Oleh itu, sama-sama kita meningkatkan kewaspadaan dan sifat berhati-hati pada setiap masa agar punca-punca kebakaran dapat dicegah dan dielak.

Sebagaimana yang kita ketahui kebakaran akan meninggalkan kesan yang menyedihkan dan menyebabkan sesbuah keluarga yang ditimpa malapetaka atau kebakaran pastinya akan kehilangan tempat berteduh, kerugian harta benda dan yang paling menyedihkan lagi apabila melibatkan kematian. Ingatlah “sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna”.

Akhirnya, sama-sama kita memberikan kerjasama padu kepada Pasukan Bomba dan Penyelamat dengan memberikan bantuan dan menangani apa jua musibah dan bencana yang berlaku. Penduduk dan masyarakat di negara ini perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan aspek-aspek keselamatan agar sebarang kejadian yang tidak diingini boleh dihindari dan dielakkan daripada berlaku, di samping memperbanyakkan doa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu

Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Asy-Syura, ayat 30 tafsirnya:

“Dan apa jua musibah yang menimpa kamu maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu.”

Bijaksana dalam pengurusan kewangan peribadi

Keluaran Pelita Brunei 20 Mei 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Harta merupakan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dan bukanlah untuk disia-sikan sehingga terjadi pembaziran, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya. Oleh sebab itu pentingnya pengurusan kewangan dan harta dengan berhemah dan bijaksana seperti menabung, berzakat, bersedekah, pembahagian hak waris termasuklah harta anak-anak yatim dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 yang tafsirnya:

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya.”

Sebagai manusia kita tidak dapat lari dari mengurus dan menghadapi masalah kewangan. Oleh itu, pengurusan kewangan yang teratur dan berperancangan akan membantu mensejahterakan kehidupan kita pada masa hadapan. Kita perlu membuat inisiatif baharu bagi mengubah sikap kita dalam pengurusan kewangan. Sebagai permulaan, langkah-langkah berikut boleh kita lakukan.

Pertama: Menyemak dan menyusun semula kewangan peribadi. Muhasabah diri dalam perbelanjaan dan gaya hidup kita. Jika ia melebihi dari kemampuan kita, maka kita perlu mengurangkan perbelanjaan yang tidak penting dan simpan wang untuk rancangan masa depan.

Kedua: Amalkan budaya menabung kerana dengan menabung kita dapat membuat persediaan, jika berlaku hal-hal kecemasan.

Ketiga: Elakkan dari sifat berhutang lebih-lebih lagi berhutang bagi perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak penting.

Dalam pengurusan kewangan, pakar-pakar kewangan telah menyatakan bahawa kita hendaklah memiliki beberapa kemahiran untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan, seperti mempunyai kesedaran terhadap pentingnya mengurus kewangan, meningkatkan ilmu pengetahuan tentang kewangan dan risikonya, mempunyai sikap yang betul terhadap kewangan, memotivasi diri dan mempunyai keyakinan untuk mengurus kewangan yang baik.

Amalan menabung ialah amalan terpuji. Amalan budaya menabung hendaklah diterapkan dari peringkat awal lagi dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk memupuk sikap suka menabung kepada anak-anak sejak dari kecil lagi, ibu bapa seharusnya menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan tabiat suka menabung. Anak-anak harus dididik dengan mendisiplinkan diri mereka agar mempunyai peti tabung sendiri di rumah atau mempunyai akaun simpanan di dalam bank.

Kita juga perlu menjelaskan kepada anak-anak akan tujuan dan pentingnya amalan menabung agar mereka berminat untuk menabung, menanamkan sifat berjimat cermat, berbelanja dengan bijak, tidak bersikap boros. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, maksudnya:

“Simpanlah sebahagian dari harta kamu untuk kebaikan masa depan kamu, kerana itu jauh lebih baik bagi mu.”

Apakah kelebihan yang kita dapat dari sikap menabung wahai kaum Muslimin?

Sesungguhnya banyak kelebihan yang boleh kita dapat dari amalan menabung, antaranya ekonomi seseorang itu akan lebih teratur dan terancang dan dapat membantu kita membuat persediaan bagi menghadapi keadaan-keadaan yang tertentu di masa akan datang seperti persediaan dalam urusan persaraan, pendidikan anak-anak, memiliki kenderaan dan kediaman dan sesuatu yang di luar jangkaan.

Dengan amalan menabung walaupun dengan jumlah yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih baik daripada tidak menabung ibarat kata pepatah Melayu “Sikit-sikit lama-lama jadi bukit”, dengan adanya wang simpanan juga membolehkan kita meningkatkan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan harta yang kita miliki seperti memberi sumbangan wakaf, sedekah, lebih-lebih lagi untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima, iaitu menunaikan fardu haji.

Sebagai umat Islam kita hendaklah membelanjakan rezeki yang diperolehi itu dengan bijak mengikut lunas-lunas Islam. Oleh itu, amalkan sikap suka menabung, mudah-mudahan dengan cara demikian kita akan dapat mengukuhkan lagi ekonomi keluarga, masyarakat dan negara demi menjamin masa depan yang lebih baik. Dan sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata’ala akan memberi rezeki yang banyak melimpah ruah dan nikmat yang berkekalan. Supaya kita dapat hidup dengan bahagia dan selamat di dunia dan di akhirat.

Surah Al-Maidah, ayat 114 tafsirnya:

“Ya Allah Tuhan kami! Turunkanlah kepada kami suatu hidangan dari langit yang pada hari turunnya akan menjadi hari raya bagi kami, iaitu bagi orang-orang yang ada bersama kami dan yang akan datang kemudian dan menjadi tanda kekuasaan-Mu. Dan kurniakanlah rezeki kepada kami, kerana Engkau lah sebaik-baik pemberi rezeki.”

Persiapan di bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 27 Mei 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata’ala atas nikmat rezeki, kesihatan dan lain-lain nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Dengan nikmat tersebut pada hakikatnya, kita telah pun diberi peluang untuk meningkatkan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Lebih-lebih lagi kita akan memasuki bulan yang kita rindui bulan yang penuh rahmat, berkat dan keampunan, iaitu bulan Ramadan al Mubarak, pada bulan inilah umat Islam diwajibkan berpuasa. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa.”

Sebagai umat Islam, marilah kita mengambil peluang ini menguatkan azam untuk beramal ibadat dan merebut fadilat, pahala dan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Antara amal ibadat yang perlu kita lakukan di bulan yang mulia ini ialah:

- Menambah amal ibadat umpamanya memperbanyakkan sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, sembahyang fardu berjemaah di masjid, Qiamullail dan seumpamanya.

- Mendalami ilmu agama khususnya dalam perkara ibadat puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya. Antara adab-adab tersebut adalah seperti menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika berpuasa seperti menjaga pandangan, pendengaran, percakapan, perbuatan daripada perkara-perkara yang diharamkan dan sia-sia. Begitu juga menahan perut daripada makan makanan dan minuman yang syubhah apatah lagi yang haram terutamanya ketika berbuka puasa dan bersahur.

- Memperbanyak amal bersedekah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan seorang yang paling suka bersedekah dan dermawan serta Baginda lebih dermawan di dalam bulan Ramadan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Wahai Abdullah bin Abbas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah orang yang paling dermawan. Dan Baginda lebih dermawan lagi di bulan Ramadan di saat Baginda bertemu Jibrail. Jibrail menemuinya setiap malam di bulan Ramadan untuk mengajarkan Al-Quran. Kedermawanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi angin yang berhembus,” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Selain daripada persediaan-persediaan rohani tersebut, terdapat juga perkara penting yang perlu kita jaga dalam melakukan ibadat puasa, iaitu penjagaan kesihatan. Ini kerana, dengan tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita menjalankan ibadah puasa dan ibadat-ibadat yang lain seperti Solat Sunat Tarawih, Qiamullail, membaca Al-Quran, iktikaf dan sebagainya. Antara perkara-perkara kesihatan yang perlu dititikberatkan semasa di bulan Ramadan adalah:

Pertama: Memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal dan bersih. Bagi mereka yang terlibat dalam penyediaan dan pengendalian makanan, sama ada untuk kegunaan sendiri atau berurus niaga. Pastikan makanan itu hendaklah daripada sumber yang halal lagi baik dan bukannya dari sumber yang syubhah. Ingatlah kepada peniaga-peniaga bahawa tujuan bermiaga bukan sahaja

untuk mengaut keuntungan akan tetapi yang lebih utama adalah untuk mencari keberkatan rezeki hasil perniagaan tersebut.

Kedua: Mengamalkan makanan yang seimbang dan sederhana. Membanyakkan meminum air putih dan kita juga disunatkan bersahur bagi mendapatkan keberkatan.

Ketiga: Meneruskan aktiviti-aktiviti harian yang menjurus kepada kegiatan fizikal seperti senaman ringan dan sebagainya mengikut kemampuan masing-masing kerana ibadah puasa bukan penghalang untuk melakukan aktiviti-aktiviti atau kerja-kerja harian tersebut.

Keempat: Berpuasa merupakan satu latihan yang amat berfaedah untuk mengatasi tabiat merokok dan perokok-perokok boleh mengambil kesempatan di bulan Ramadan ini untuk berazam berhenti merokok. Agama Islam milarang keras umatnya dari melakukan apa jua perkara yang boleh membinaaskan diri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 tafsirnya:

“Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumus diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Menjelang 1 Ramadan ini, marilah kita sama-sama membuat persiapan dengan sebaik-baiknya sama ada dari segi rohani maupun jasmani. Ambillah peluang di bulan ini, dengan melipatgandakan amal ibadat dan mengamalkan cara hidup sihat. Isilah ruang dan masa yang ada dengan melakukan perkara-perkara kebajikan kerana belum pasti pada tahun yang akan datang, kita dipertemukan lagi untuk menikmati bulan Ramadan. Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan amal ibadat dengan sempurna dan diterima serta mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nahl, ayat 97 tafsirnya:

“Siapa yang mengerjakan amalan soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Khutbah Jumaat Bulan Jun 2017

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Keluaran Pelita Brunei 3 Jun 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang aman makmur, damai dan harmoni. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, hendaklah sama-sama sentiasa menjaga kesejahteraan yang kita nikmati ini dengan sebaik-baiknya, iaitu dengan memperbanyakkan doa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang.

Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri nikmat keamanan ini, maka tidak mustahil nikmat ini akan hilang pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk mensyukurinya dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini akan sentiasa berkekalan sepanjang masa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Untuk mencapai kesejahteraan dan keamanan dalam sebuah negara bukannya satu perkara yang mudah, ia memerlukan semangat dan kerjasama yang erat dari semua pihak. Alhamdulillah, di negara kita terdapat pasukan-pasukan keselamatan yang diberi amanah untuk mempertahankan kedaulatan Raja, agama, bangsa dan negara dan salah satunya ialah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tidak dinafikan, negara kita mempunyai pasukan angkatan bersenjata yang cekap dan berkemampuan sebagai benteng utama kepada pertahanan dan keselamatan negara. Maka kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini patutlah bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas jasa bakti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak ternilai harganya keamanan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Tugas dan tanggungjawab anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sangat mencabar sama ada Angkatan Darat, Laut dan Udara. Mereka memainkan peranan masing-masing dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara dengan menjaga sempadan, meronda dan memantau keutuhan sempadan daripada pencerobohan dan sebarang anasir jahat. Sesungguhnya tugas sebagai tentera adalah amat mulia. Tugas mempertahankan agama dan keutuhan wilayah negara amat besar ganjarannya. Ia adalah tugas keagamaan dan tanggungjawab kenegaraan.

Oleh itu, setiap anggota tentera perlu menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, amanah dan dedikasi kerana dengan tanggungjawab tersebut negara kita aman dan selamat daripada ancaman musuh. Namun yang demikian, semangat perjuangan dan mempertahankan negara bukan hanya perlu ada pada anggota tentera akan tetapi ia perlu ada pada semua anggota masyarakat kerana negara memerlukan rakyat yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan sanggup berjuang dan berkorban bagi mempertahankan keamanan dan keselamatan, agama, bangsa dan negara. Oleh itu, perasaan cinta kepada agama, bangsa dan negara perlu disemai dalam hati setiap rakyat dan penduduk di negara ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa mendapat rahmat dan hidayah serta sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi negara kita daripada ancaman musuh dan dihindari dari malapetaka dan musibah. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 200 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan, kuatkanlah kesabaran kamu dalam menghadapi orang-orang yang kafir dan bersiap sedialah dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

Amalan-amalan yang digalakkan di bulan Ramadan

Keluaran Pelita Brunei 10 Jun 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Ramadan adalah antara bulan yang ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam dan bulan ini mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang pada tahun ini untuk bertemu lagi di bulan yang mulia ini.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa bulan Ramadan adalah bulan ibadat. Di bulan ini merupakan peluang untuk melipatgandakan lagi amal ibadat kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada amalan-amalan fardu dan sunat. Maka amat beruntunglah orang-orang yang merebut ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan amatlah rugi bagi mereka yang mensia-siakannya.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Dari pada Abu Hurairah Radhiallahu anhu berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda". Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya: "Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalaunya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan, iaitu ketika dia berbuka dan ketika berjumpa dengan Tuhan-Nya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi." (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk kita mendidik diri kita ke arah kebaikan kerana pada bulan ini kita bukan sahaja diwajibkan untuk berpuasa dan mengawal hawa nafsu, bahkan kita dituntut untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat. Antara amalan-amalan sunat yang dianjurkan untuk dilakukan di sepanjang bulan Ramadan adalah:

Pertama: Bersahur. Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat. Sahur bukan sahaja memberikan tenaga untuk kita berpuasa di siang hari malah ia juga mengandungi keberkatan. Bersahur merupakan perbuatan yang membezakan puasa umat Islam dengan puasa penganut agama lain. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Amru bin Al-Ash berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya perbezaan puasa kita (umat Islam) dengan puasa ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) adalah makan sahur.”

Kedua: Memperbanyakkan amalan sedekah, tidak kira kecil atau besar, banyak atau sedikit adalah sangat digalakkan dalam Islam terutama sekali dalam bulan Ramadan kerana dengan bersedekah dapat meringankan beban mana-mana anggota masyarakat yang berhajat dan memerlukan bantuan.

Ketiga: Sembahyang Sunat Tarawih secara berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat kerana sesungguhnya barang siapa yang menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan dengan memperbanyakkan sembahyang sunat kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.

Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“Sesiapa yang berdiri (beribadat) pada malam Ramadan kerana iman dan mengharapkan ganjaran daripada Allah, diampunkan dosa-dosanya yang telah

lalu.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Keempat: Sembahyang Sunat Witir, jangan sekali-kali meninggalkan Sembahyang Sunat Witir kerana ia merupakan sembahyang sunat muakkadah (sunat yang dituntut) yang mengiringi Sembahyang Sunat Tarawih. Sembahyang Witir bukan hanya dikhususkan di bulan Ramadan sahaja bahkan sunat didirikan pada setiap malam. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Ali bin Abi Talib, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah itu Tunggal, suka kepada yang ganjil, maka dirikanlah Sembahyang Witir wahai ahli Al-Quran (wahai orang-orang yang beriman dengan Al-Quran).” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Kelima: Membaca Al-Quran, bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran, oleh itu perbanyakkanlah membaca Al-Quran pada bulan Ramadan setiap waktu sekurang-kurangnya satu juz setiap hari agar dapat khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan.

Keenam: Amalan memberi makan untuk berbuka puasa (menyungkaikan). Selain daripada bersedekah, amalan memberi makan kepada orang yang berpuasa atau menyungkaikan juga amat digalakkan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Zaidi bin Khalid al-Juhani Radhiallahu anhu berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa memberi makan orang-orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun juga.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Dalam bulan Ramadan ini, lazimkan lidah kita dengan zikir dan selawat. Hiasilah pandangan mata kita dengan merenung dan membaca ayat-ayat Al-Quran. Pada malamnya pula, usahakanlah agar kita tidak meninggalkan Sembahyang Sunat Tarawih, Witir dan Tahajjud. Jadikanlah bulan Ramadan sebagai penggerak yang

membawa kepada perubahan yang besar dalam diri kita dan mampu mendidik hati dan jiwa kita untuk sentiasa patuh mengerjakan segala yang diperintah dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Mudah-mudahan ibadat puasa yang kita kerjakan sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran serta keredaan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Isra’, ayat 19 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang menghendaki kebahagiaan hidup akhirat dan berusaha mengerjakan amal kebajikan untuk tujuan itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang ia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala).”

Kelebihan membaca Al-Quran dan Lailatul Qadar

Keluaran Pelita Brunei 17 Jun 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bulan Ramadan adalah bulan yang sangat tinggi darjat dan besar martabatnya di sisi Allah Subhanahu Wata’ala. Dalam bulan yang penuh rahmat dan keberkatan inilah turunnya Al-Quran, iaitu wahyu Allah kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya Al-Quran yang menjadi kitab suci umat Islam adalah merupakan mukjizat terbesar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang kita nikmati hingga ke hari ini dan menjadi panduan hidup seluruh umat Islam. Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman, petunjuk dan rujukan setiap insan agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Ad-Dukhan, ayat 3-4 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat. Sesungguhnya Kami ialah pemberi peringatan. Pada malam itu, dijelaskan tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmah.”

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mengagungkan dan memuliakan Al-Quran dengan menjaga kesuciannya, membacanya serta mengamalkan ajaran yang terkandung di dalamnya bagi memperolehi ganjaran dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala serta untuk mendapatkan syafaat pada hari akhirat kelak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Abi Umamah Al-Bahili Radhiallahu anhu berkata: Aku mendengar

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada hari kiamat memberi syafaat (pertolongan) kepada pembacanya.” (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya pahala dan berkat bukan hanya diperolehi oleh mereka yang membaca Al-Quran, tetapi juga diperolehi oleh orang yang mendengar bacaan Al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-A’raf, ayat 204 tafsirnya:

“Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah ia dengan teliti serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat.”

Sesungguhnya barang siapa yang membaca Al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya, maka dia akan selamat di dunia dan di akhirat. Oleh itu, amatlah rugi orang-orang yang mengabaikan Al-Quran dan tidak mengamalkan isi kandungannya. Terdapat banyak kelebihan dan ganjaran bagi orang-orang yang membaca Al-Quran, sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya adalah:

Surah Al-Isra’, ayat 82 tafsirnya:

“Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian.”

Dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Mas’ud Radhiallahuanhu berkata: Bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, marilah kita merebut peluang untuk melipatgandakan amal ibadat dengan membaca Al-Quran, mudah-mudahan kita semua akan mendapat syafaat, rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Sebagai umat Islam, kita semua dituntut bukan sekadar boleh membaca Al-Quran akan tetapi hendaklah memahami dan menghayati serta mempraktikkannya dalam kehidupan sehari-hari kita. Jadikanlah membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian, bukannya amalan bermusim atau di bulan Ramadan sahaja.

Di bulan Ramadan ini terdapat satu malam istimewa yang penuh keberkatan dan mempunyai keistimewaan, iaitu Lailatul Qadar. Melakukan amal ibadat di malam tersebut adalah besar ganjarannya, iaitu menyamai amalan selama seribu bulan. Lailatul Qadar merupakan malam di mana Allah Subhanahu Wata’ala mengampunkan dosa-dosa bagi mereka yang beribadat dengan penuh keikhlasan serta mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Dan barang siapa mengerjakan ibadat di malam Lailatul Qadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharapkan keredaan-Nya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya kita tidak mengetahui bila berlakunya Lailatul Qadar. Hikmahnya adalah supaya kita akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk beribadat pada setiap malam di bulan Ramadan agar dapat bertemu dengan Lailatul Qadar dan tidak hanya beribadat pada malam tertentu sahaja. Walau bagaimanapun sebahagian besar ulama berpendapat, bahawa berkemungkinan besar ia berlaku pada malam-malam ganjil pada sepuluh hari terakhir Ramadan.

Terdapat beberapa tanda-tanda berlakunya Lailatul Qadar itu, antaranya adalah,

suasana pada malam hari terasa sunyi dan sepi, penuh dengan ketenangan serta bercahaya, segar, tidak panas dan tidak sejuk. Keadaan ini berterusan sehingga terbit fajar. Pada waktu pagi pula, matahari akan terbit berwarna putih, tidak memancarkan cahaya atau sinar yang terang. Memandangkan betapa besar ganjaran Lailatul Qadar itu, maka rebutlah peluang meningkatkan amal ibadat dengan berikrar di masjid, berzikir, Qiamullail dan seumpamanya terutama sekali di sepuluh terakhir di bulan Ramadan ini.

Marilah kita merebut peluang untuk mendampingi Al-Quran, dengan membaca, mempelajari dan mengamalkan ajaran-ajaran di dalamnya. Di samping itu, perbanyaklah juga amalan yang lain, semoga kita dipertemukan dan menikmati Lailatul Qadar yang penuh dengan keberkatan. Sama-sama kita berdoa mudah-mudahan segala amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya mendapat keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Qadr, ayat 1-5 tafsirnya:

“Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatul Qadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibrail dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu penuh kesejahteraan hingga terbit fajar.”

Persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri

Keluaran Pelita Brunei 24 Jun 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sekarang kita berada di penghujung bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keberkatan. Kita berharap semoga amal ibadat yang kita kerjakan sepanjang bulan Ramadan ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan masa yang ada ini kita rebut peluang dengan mempertingkatkan lagi amal ibadah untuk memperolehi ganjaran yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Berakhirnya bulan Ramadan bererti umat Islam akan menyambut kedatangan bulan Syawal dengan meraikan Hari Raya Aidilfitri, iaitu hari kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menuai ibadah puasa selama sebulan.

Sesungguhnya agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengamalkan kesederhanaan, tidak berlebih-lebihan dan membazir dalam berbelanja, lebih-lebih lagi dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya seperti keperluan-keperluan rumah, pakaian, makanan dan minuman, sambutlah Aidilfitri secara bersederhana dan berhemat, janganlah berbelanja lebih dari kemampuan yang boleh menyusahkan diri sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26-27 tafsirnya:

“Dan berikanlah kepada kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaan, iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak. Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi

syarak itu ialah saudara-saudara syaitan, dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanneya.”

Adapun tujuan utama Aidilfitri adalah untuk meraikan kejayaan hamba-hamba Allah yang telah pun melaksanakan ibadah puasa dengan penuh kesabaran, keimanan dan ketakwaan, oleh itu sambutan yang dilakukan biarlah mengikut landasan agama Islam sebagaimana yang digariskan oleh syarak antaranya adalah:

Pertama: Pada malam hari raya pertama kita disunatkan untuk menghidupkan malam tersebut dengan laungan takbir, bacaan Al-Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya.

Bukan meraikan malam tersebut dengan perkara-perkara yang membahayakan dan memudaratkan apatah lagi perkara yang mengganggu ketenteraman orang lain dan elakkanlah membuat persiapan di saat-saat akhir sampai larut malam sehingga menyebabkan ada yang tidak sempat menunaikan Sembahyang Fardu Subuh dan Sembahyang Hari Raya Aidilfitri kerana tidak terjaga dan keletihan.

Kedua: Pada pagi hari raya pula, hendaklah membersihkan diri dengan mandi sunat Aidilfitri, memakai wangi-wangian yang harum, memotong kuku serta memakai pakaian yang paling elok kerana hari tersebut merupakan hari untuk berhias-hias dan berelok-elok. Sebelum ke masjid untuk bersembahyang hari raya, kita disunatkan juga memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil, inilah yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum ke masjid untuk bersembahyang hari raya yang patut kita contohi dan amalkan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

“Daripada Anas bin Malik berkata: Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar pada waktu pagi hari raya sehingga Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji tamar dan Baginda memakannya dalam bilangan ganjil.”

Ketiga: Menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya adalah perkara yang paling penting dan utama dalam kita menyambut Aidilfitri daripada perkara-perkara

sunat yang lain, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

“Daripada Al-Barahi ia berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkhutbah, sesungguhnya yang awal-awal sekali kita mulakan pada hari ini (hari raya) ialah sembahyang.”

Keempat: Kita disunatkan mendoakan dan mengucapkan tahniah di antara satu sama lain seperti mengucapkan “Takabbal Allahu Minna Waminkum” maksudnya: “Semoga Allah menerima amal ibadah kami dan menerima amal ibadah kamu.”

Apabila hampir tiba Hari Raya Aidilfitri, kemeriahan menyambut awal bulan Syawal dan pelbagai persiapan untuknya semakin hangat dirasai. Walau bagimanapun, terdapat satu perkara yang sangat mustahak yang wajib kita tunaikan terlebih dahulu adalah membayar zakat fitrah untuk diri sendiri dan tanggungan. Ketahuilah bahawa waktu bagi menunaikan tuntutan zakat fitrah adalah bermula dari awal Ramadan lagi sehingga sebelum imam mendirikan Sembahyang Sunat Aidilfitri, namun terdapat waktu sunat berzakat yang sering dikejar umat Islam iaitu selepas Sembahyang Fardu Subuh hingga sebelum imam mendirikan Sembahyang Sunat Aidilfitri. Namun perlu diingat janganlah sampai hanya kerana mengejar fadilat waktu sunat membayar zakat fitrah menyebabkan kita terlepas atau tidak sempat membayar kewajipan zakat fitrah itu. Ketahuilah akibat dari tidak membayar zakat, seseorang itu pastinya mendapat dosa besar, kerana ia salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan.

Marilah kita sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang ini dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang oleh agama. Dan janganlah cemari Sambutan Hari Raya Aidilfitri itu dengan perkara dosa dan maksiat. Mudah-mudahan ibadah puasa dan segala amal ibadah yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita semua mendapat berkat, rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dan sama-sama kita berdoa semoga diberi peluang untuk bertemu lagi dengan Ramadan yang akan datang. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 133 tafsirnya:

“Dan bersegeralah kamu mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”

Khutbah Jumaat Bulan Julai 2017

Istiqamah dalam mengerjakan amal ibadat

Keluaran Pelita Brunei 1 Julai 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadat puasa di bulan Ramadan. Namun yang demikian, dalam keghairahan kita meraikan hari raya ini janganlah sampai kita lupa untuk terus melakukan amal ibadat dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dan sempurna secara istiqamah untuk menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya agama Islam menuntut kita untuk sentiasa beristiqamah dalam melakukan amal kebajikan. Oleh itu, apa yang kita amalkan dan kerjakan di bulan Ramadan, seperti mengerjakan sembahyang-sebahyang sunat, bertadarus, berzikir, berdoa, beriktikaf, bersedekah dan sebagainya, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat supaya kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah hendaknya amalan-amalan itu dilakukan secara berkala dan bermusim, tetapi eloklah dilakukan secara istiqamah atau konsisten yakni berterusan.

Perlu diketahui, istiqamah merupakan salah satu sifat yang mulia lagi terpuji yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala agar kita sentiasa taat kepada-Nya, itulah istiqamah yang ditekankan dalam kitab suci Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 112 tafsirnya:

"Maka hendaklah engkau wahai Nabi Muhammad sentiasa beristiqamah, tetap

teguh di atas jalan yang benar sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan orang-orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

Dalam membina kekuatan dan keazaman untuk sentiasa berterusan dalam melakukan amal kebajikan, kita dituntut untuk menerapkan sifat-sifat yang terpuji dan nilai-nilai murni yang telah kita semai di sepanjang bulan Ramadan. Perlu diketahui, istiqamah yang dimaksudkan itu ialah berdiri teguh di atas jalan yang lurus, berpegang kukuh kepada akidah Islam dan melaksanakan syariatnya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun. Adapun dalam kita beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit, tetapi berterusan adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak, tetapi hanya sekali sekala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Daripada Aisyah Radhiallahuanha telah berkata ia, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sebaik-baik amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit." (Riwayat Imam Muslim).

Sesungguhnya orang yang berterusan dalam mengerjakan ibadat, beramal kebajikan, berakhlik mulia dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya dijanjikan dengan pelbagai ganjaran sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fushshilat, ayat 30 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka meneguhkan pendirian, maka malaikat akan turun kepada mereka sambil berkata, janganlah kamu takut dan janganlah kamu berduka cita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."

Daripada ayat Al-Quran tersebut, terdapat beberapa hikmah yang terkandung dalam beristiqamah, antaranya ialah:

Pertama: Seseorang yang istiqamah dalam amal ibadahnya akan selalu didatangi

oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan disebabkan malaikat itu membawa rahmat.

Kedua: Seseorang yang istiqamah, tidak mudah merasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya, kukuh pendiriannya dan besar harapannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga: Orang yang istiqamah tidak mudah merasa sedih terutama apabila kehilangan sesuatu kerana ia merasa semua itu adalah memang milik Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat: Mereka yang istiqamah juga mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Memandangkan istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan, ditambah pula dengan ganjaran yang sangat banyak, maka beristiqamahlah pada setiap amal ibadat dan amalan yang berkebajikan dan tinggalkanlah perkara-perkara yang mungkar. Mudah-mudahan dalam kita beristiqamah akan dapat membentuk diri kita menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, dengan berlalunya bulan Ramadan bukan bererti apa yang kita lakukan di bulan Ramadan itu turut berakhir dan terhenti. Mudah-mudahan segala ibadat dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat berkat, rahmat dan inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surat Ali-'Imran, ayat 133 tafsirnya:

“Dan bersegeralah kamu mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”

Sombong itu sifat tercela

Keluaran Pelita Brunei 8 Julai 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama Islam mengajar kita untuk mengeratkan hubungan silaturahim agar kita menjadi umat Islam yang kuat dan bersatu padu. Adapun di antara sifat yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam itu ialah sifat-sifat mazmumah seperti dendam, buruk sangka, dengki dan termasuklah juga sifat somborg dan sebagainya.

Sifat somborg adalah sifat tercela yang dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ketahuilah di antara tanda-tanda sifat somborg itu ialah orang yang berasa megah terhadap dirinya kerana mempunyai kelebihan berbanding dengan orang lain seperti lebih mulia, lebih pandai, lebih hebat dan sebagainya. Mereka juga suka menunjuk-nunjuk dan memuji diri sendiri. Tidak dinafikan orang yang somborg itu juga suka menghina dan memandang rendah terhadap orang lain dan sebagainya. Mereka lupa bahawa apa yang mereka miliki itu adalah pinjaman semata-mata daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berbeza halnya dengan orang yang beriman, mereka menerima nikmat itu dengan penuh kesyukuran dan sentiasa bersifat tawaduk yakni merendah diri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 18 tafsirnya:

“Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak somborg, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang somborg takbur, lagi membanggakan diri.”

Orang yang bersifat sombong adalah mereka yang tergolong di kalangan orang-orang yang tidak beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan lupa tentang kehidupan di akhirat. Di dalam agama Islam sombong itu dibahagikan kepada tiga, iaitu:

Pertama: Sombong terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu enggan mematuhi apa yang telah diperintahkan seperti Firaun, Namrud dan semua manusia yang mendakwa diri mereka bersifat Al-Uluhiyyah (ketuhanan).

Kedua: Sombong terhadap Nabi dan Rasul, tidak mengikut ajaran mereka dan tidak beriman kepada mereka.

Ketiga: Sombong terhadap manusia, iaitu mementingkan diri sendiri dan bangga dengan apa yang dimilikinya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Abdullah bin Mas’ud, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Tidak akan masuk syurga orang yang dihatinya terdapat kesombongan meskipun hanya sebesar zarah.” (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Ingartlah bahawa sifat sombong itu merupakan penyakit hati yang boleh membawa kepada kebinasaan dan kerosakan kepada diri individu itu sendiri dan ia bukan sahaja dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala bahkan juga tidak akan disukai dan dihormati oleh orang ramai. Kita haruslah cuba merendah diri dengan memaksa hati untuk merasa dan mengakui kelemahan dan kekurangan kita sebagai manusia biasa. Menurut Iman Al-Ghazali di antara hal yang menyebabkan seseorang itu memiliki sifat sombong ialah:

Pertama: Ilmu pengetahuan, orang yang berilmu atau berpendidikan tinggi merasa dirinya yang paling pandai apabila dibandingkan dengan orang yang tidak berilmu atau berpendidikan.

Kedua : Menganggap diri lebih mulia dan tinggi darjatnya daripada orang lain.

Ketiga: Kecantikan dan ketampanan wajah, menjadikan mereka merendahkan orang lain.

Keempat: Memiliki harta dan kekayaan, boleh menjadikan mereka meremehkan orang miskin.

Kelima: Kekuatan dan kekuasaan, dengan kekuatan dan kekuasaan yang dimilikinya ia dapat berbuat sewenang-wenangnya terhadap orang lain.

Keenam: Banyak pengikut, teman sejati, kaum kerabat yang mempunyai kedudukan yang tinggi.

Untuk menghindarkan diri daripada bersifat sombong, kita hendaklah menanamkan dan menyuburkan sifat tawaduk dan sentiasa merendahkan diri. Sifat tawaduk adalah sifat yang mulia, agama Islam amat menitikberatkan kita agar berakhlaq mulia dan tidak membesarcan diri. Dengan menghayati sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda sangat menitikberatkan hubungan baik sesama insan, hormat-menghormati dan tidak sombong, walaupun apabila berdepan dengan musuh. Bahkan sifat pemaaf Baginda sepatutnya menjadi perangsang untuk kita membina ukhuwah dan silaturahim.

Dalam apa jua keadaan dan kedudukan kita, sifat tawaduk setentunya dapat memimpin kita agar sentiasa menghormati orang lain walaupun kita mempunyai kelebihan, ia akan menjadikan hati kita sentiasa ikhlas dalam beramal ibadat dan berbuat kebaikan sehingga menyebabkan kita tidak akan suka menunjuk-nunjuk apa yang dikerjakan. Selain itu sifat tawaduk juga menjadikan kita sentiasa muhasabah diri, sentiasa mencari kekurangan dan kelemahan diri, mahu menerima teguran dan nasihat daripada orang lain. Apa yang lebih penting ialah sifat tawaduk dapat memelihara diri kita daripada sifat sombong, takbur, riak dan ujub yang merupakan sifat keji yang sangat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, sama-samalah kita memperbanyakkan istighfar dan berdoa semoga diri kita dan keluarga diberi petunjuk serta hidayah agar terhindar daripada sifat

sombong yang membinasakan diri, semoga tengannya hidup kita selamat serta bahagia di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Mu'min, ayat 60 tafsirnya:

"Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina."

Mensyukuri Kepimpinan Raja

Keluaran Pelita Brunei 15 Julai 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan selaku rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang berlindung di bawah naungan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak dari dahulu lagi hingga sekarang terus menikmati kehidupan yang aman dan sentosa serta harmoni di bawah kepimpinan Raja dan pemerintah yang adil lagi bijaksana.

Kita juga bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan seorang Raja dan pemimpin yang bertanggungjawab, pemedulian dan kasih terhadap rakyatnya. Sesungguhnya kepimpinan baginda mencerminkan keperibadian yang mulia dengan sifat penyayang dan pemedulian terhadap kebajikan dan kemaslahatan rakyat baginda, di mana baginda sanggup bercemar duli bersama rakyat dan prihatin tentang aduan-aduan dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat baginda dan sanggup turun padang menemui rakyat dan melihat sendiri perkembangan dan kemajuan projek-projek kerajaan yang telah diusahakan dan sedang diusahakan.

Banyak kemajuan-kemajuan telah dicapai dan dinikmati di bawah pemerintahan baginda sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam seiring dengan negara-negara lain dalam pelbagai bidang, baik dalam bidang agama, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi. Maka dengan kepimpinan dan usaha serta

kegigihan baginda itulah yang membawa Negara Brunei Darussalam dikenali dan dihormati di mata dunia.

Alhamdulillah, kita bersyukur kedaulatan negara, rakyat dan penduduk negara ini sentiasa di dalam nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Negara kita juga sentiasa terpelihara, aman dan sejahtera di bawah pemerintahan, pemeliharaan dan keprihatinan Raja yang sentiasa mengikuti kebajikan serta keharmonian negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga adalah Raja yang sentiasa menitikberatkan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam pentadbiran dan undang-undang negara.

Oleh yang demikian, janganlah kita lupa bahawa nikmat-nikmat ini tidak akan kekal selama-lamanya seandainya tidak dijaga dan dipelihara. Bahkan boleh mengundang azab atau bala bencana. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menerangkan kepada umat Islam bahawa kunci untuk mengekalkan nikmat tersebut adalah dengan menzahirkan rasa syukur kepadanya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

“Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Raja yang memerintah kerajaan dan negara ini dalam makna baginda adalah Ulil Amri. Oleh itu, kita wajib mentaati Ulil Amri sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu.”

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah kita taat dan kasih kepada pemerintah dan mematuhi serta menerima segala arahan kerajaan selagi arahan yang diberikan itu tidak bertentangan dengan hukum syarak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Ibn Umar Radhiallahuuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Mendengar dan taat kepada ketua adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam dalam apa jua perkara pun, sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat maksiat maka tidaklah boleh mendengar dan taat.” (Riwayat Iman Al-Bukhari).

Dalam sambutan dan perayaan Hari Keputeraan Raja yang kita kasihi dan sanungi ini, maka sama-sama lah kita meraikannya dengan penuh kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai tanda syukur dan taat setia kita yang tidak berbelah bahagi kepada Raja yang dikasihi, maka marilah kita menghadirkan diri ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran pada petang hari ini, iaitu hari Jumaat, 14 Julai 2017, dengan niat mudah-mudahan Raja yang kita kasihi dilanjutkan usia, kekal karar memerintah negara, sentiasa memperolehi keselamatan, kesejahteraan serta sentiasa mendapat pemeliharaan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan negara kita akan terus aman makmur di bawah kepimpinan baginda. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ghafir, ayat 60 tafsirnya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Mengeratkan hubungan silaturahim

Keluaran Pelita Brunei 22 Julai 2017

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Islam adalah agama yang sempurna. Ia bukan sahaja menyuruh umatnya untuk beribadat seperti sembahyang, puasa dan menunaikan haji. Malahan Islam juga menyuruh umatnya untuk menjaga kesejahteraan hidup, berkerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam mengajar umatnya untuk menjaga hubungan silaturahim sesama manusia.

Adapun mengeratkan hubungan silaturahim itu ialah berbuat baik kepada sesama manusia, memberi pertolongan jika mereka memerlukan, bersikap lemah lembut, nasihat-menasihati dan menjaga perasaan mereka. Dalam hal ini, mengeratkan hubungan silaturahim adalah perlu diutamakan kepada kaum kerabat ataupun yang ada hubungan kekeluargaan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah An-Nisa', ayat 1 tafsirnya:

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam ‘Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan dan daripada pasangannya Hawa, Dia (Allah) mengembangiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta peliharalah hubungan silaturahim kaum kerabat. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (Memerhati) kamu.”

Sesungguhnya mengeratkan hubungan silaturahim sesama saudara hukumnya adalah wajib. Manakala memutuskannya pula hukumnya adalah haram dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan maksiat dan dosa besar dan tidak akan masuk syurga bagi orang-orang yang memutuskan silaturahim.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Jubair bin Muth’im berkata: bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak akan masuk syurga bagi yang memutuskan silaturahim.” (Hadis riwayat Imam Muslim).

Pada lazimnya, hubungan silaturahim itu terputus berpunca daripada pertengkaran atau perselisihan yang disebabkan oleh harta benda, harta pusaka, hutang piutang, hasutan, fitnah, sifat sompong dan mementingkan diri sendiri. Di samping itu, perkelahian antara anak-beranak, adik-beradik atau jiran tetangga juga boleh menyebabkan terputusnya hubungan silaturahim. Di mana kedua-dua pihak saling menyalahkan antara satu sama lain, lebih-lebih lagi jika kedua-duanya tidak mempunyai kesabaran, tidak bersikap terbuka dan tidak mahu bertolak-ansur serta tidak mahu mengalah untuk memohon kemaafan.

Perlu diingat, bahawa tanggungjawab untuk membina semula hubungan silaturahim yang terputus, bukan terletak kepada pihak yang bermusuhan sahaja, tetapi sanak saudara atau kawan-kawan juga memainkan peranan penting selaku orang tengah dalam mendamaikan dan menyambungkan semula hubungan silaturahim yang terputus.

Selain itu, jika ada pertelingkahan antara keluarga tentang pembahagian harta yang tidak dapat diselesaikan, eloklah meminta nasihat dan pandangan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Adalah menjadi kewajipan kita untuk menjaga hubungan silaturahim dengan sebaik-baiknya. Janganlah disebabkan masalah kecil dan remeh-temeh, hubungan menjadi renggang atau retak. Kerenggangan ini boleh menimbulkan ketegangan

yang menyebabkan mereka bermasam muka, saling benci-membenci dan akhirnya boleh memporak-perandakan hubungan silaturahim dalam berkeluarga dan bermasyarakat.

Marilah kita sama-sama berusaha dalam menjaga dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim. Jika berlaku perselisihan, maka berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian dan perdamaian kerana semua orang mukmin itu adalah bersaudara.

Oleh yang demikian, hubungkanlah silaturahim dan jauhkanlah daripada perkara yang boleh memutuskannya. Jika terdapat masalah, tanganilah dengan perasaan rasional dan eratkanlah semula perhubungan itu dengan rasa kesedaran serta keinsafan. Sama-samalah kita berdoa semoga hubungan silaturahim akan sentiasa terjalin, dan kita semua akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Hujurat, ayat 10 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Bebas dari dadah, keluarga bahagia

Keluaran Pelita Brunei 29 Julai 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam menganjurkan kita untuk sentiasa memelihara iman, agama, keselamatan diri, akal fikiran, tubuh badan, harta dan keturunan. Islam juga melarang kita daripada mendekati perkara-perkara yang boleh memudaratkan dan membawa kepada kebinasaan seperti meminum arak, zina, judi, memakan riba, rasuah dan perkara-perkara yang boleh mengkhayalkan seperti penyalahgunaan dadah dan seumpamanya. Setentunya setiap perkara yang dilarang itu mempunyai hikmahnya tersendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 90-91 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan dan keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan pemusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab meminum arak dan bermain judi dan menghalangi (memalingkan) kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang. Maka tidakkah kamu mahu berhenti daripada melakukan perbuatan keji itu?”

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah dilarang dari segi syarak dan undang-undang negara kerana ia boleh mendatangkan kesan-kesan yang memudaratkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ketahuilah

setiap yang memabukkan, mengkhayalkan atau menghilangkan akal fikiran adalah haram sebagai mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Ibni Umar telah berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan hukumnya adalah haram.” (Riwayat Imam Muslim).

Dadah itu pada dasarnya akan bertukar menjadi racun jika disalahgunakan. Ia sangat berbahaya dan boleh menyebabkan seseorang itu ketagih dalam jangka waktu yang cukup singkat. Penyalahgunaan dadah berpunca daripada beberapa sebab, antaranya adalah: kurang ilmu pengetahuan dan penghayatan agama, kurang kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah, pengaruh rakan sebaya, sikap ingin tahu dan mencuba, mudah terikut-ikut kawan dan sebagainya. Ketahuilah bahawa penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan orang yang melakukannya itu lupa diri, lupa agama, lupa dunia dan akhirat sehingga mendorong mereka untuk melakukan jenayah seperti menipu, mencuri, meragut, mencederakan orang dan yang paling dahsyat mereka sanggup membunuh dan melakukan apa saja jenis jenayah asalkan mereka dapat memiliki dadah dan memenuhi rasa ketagihan tersebut.

Penyalahgunaan dadah juga boleh mengakibatkan berlakunya keganasan, keruntuhan rumah tangga dan perceraian. Mereka lupa akan tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak yang telah diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Perlu diketahui, krisis rumah tangga boleh memberikan kesan yang mendalam terhadap anak-anak sama ada dari segi emosi, fizikal dan juga mental. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membanteras penyalahgunaan dadah agar mereka tidak terjebak dengan dadah tersebut. Antara langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah:

Pertama: Memberikan contoh teladan yang baik dan didikan agama yang sempurna sejak dari kecil lagi, ibu bapa juga wajib memastikan anak-anak mereka menunaikan sembahyang dengan sempurna terutama sembahyang fardu lima

waktu kerana ibadah sembahyang boleh mencegah mereka daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar.

Kedua: Menyemai hubungan yang baik serta mengeratkan hubungan mesra dan kasih sayang sesama ahli keluarga agar anak-anak berasa mendapat perhatian dan pemedulian ibu bapa dan ahli keluarga.

Ketiga: Ibu bapa perlu memantau pergaulan, aktiviti dan permasalahan anak-anak bukan sahaja semasa mereka berada di rumah malah juga ketika anak-anak berada di luar rumah. Ibu bapa atau penjaga perlu mengetahui dengan siapa anak-anak mereka berkawan, bergaul atau keluar rumah. Perkara ini boleh mengelakkan mereka daripada terpengaruh dan terjebak ke kancang penyalahgunaan dadah.

Keempat: Kita hendaklah sentiasa mendoakan anak-anak dengan kebaikan dan kejayaan di dunia dan akhirat kerana doa ibu bapa adalah mustajab dan mudah diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tiga jenis doa mustajab yang tidak diragukan keajaibannya adalah doa orang tua untuk anaknya, doa orang musafir dan doa orang yang dizalimi.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah adalah punca penyakit sosial yang kian menular di setiap negara yang boleh mempengaruhi kepada pembangunan ekonomi, bangsa dan negara. Oleh itu, marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya penyalahgunaan dadah dan berusaha mengawal serta mencegahnya daripada memusnahkan anak bangsa kita.

Amalkanlah ajaran Islam yang sebenar dengan mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata’ala serta menjauhi segala larangannya. Ingatlah bahawa keluarga yang hormoni dan bahagia adalah keluarga yang bebas daripada dadah. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata’ala akan sentiasa melindungi dan menyelamatkan

kita, bangsa dan negara daripada segala perkara-perkara yang keji dan mungkar dan semoga kita akan sentiasa mendapat rahmat daipada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah At-Taubah, ayat 71 tafsirnya:

“Dan orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.”

Khutbah Jumaat Bulan Ogos 2017

Persiapan bakal jemaah haji

Keluaran Pelita Brunei 5 Ogos 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada dalam bulan Zulkaedah. Pada bulan ini bakal tetamu Allah akan bertolak ke tanah suci untuk mengerjakan ibadah haji. Setentunya mereka telah pun membuat persediaan awal dari segi fizikal dan mental dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan ibadah haji atau manasik haji. Ibadah haji adalah rukun Islam kelima yang diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat untuk mengerjakannya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 97 tafsirnya:

"Padanya terdapat tanda-tanda keterangan yang nyata, antaranya Makam Nabi Ibrahim, dan sesiapa memasukinya (Masjidilharam) menjadi aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat Haji ke Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Dan sesiapa yang mengingkarinya (kewajipan ibadah haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam."

Di dalam Al-Quran telah dinyatakan bahawa bagi umat Islam yang akan menunaikan haji itu hendaklah berkuasa atau berkemampuan. Apa yang dimaksudkan dengan berkuasa atau berkemampuan itu ialah hendaklah mereka mempunyai kemampuan harta, kesihatan tubuh badan serta selamat perjalanan pergi dan balik ketika mengerjakan ibadah haji. Berkemampuan juga bukan setakat mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya semasa menunaikan fardu haji, bahkan juga hendaklah berkemampuan untuk menyediakan nafkah dan perbelanjaan yang cukup untuk sara hidup bagi orang-orang yang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan.

Untuk itu bagi mereka yang telah cukup syarat-syarat untuk mengerjakan haji, bersegeralah untuk menunaikannya kerana agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk bersegera dalam membuat sebarang amalan kebajikan lebih-lebih lagi ibadah yang dituntut dan diwajibkan, Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 48 tafsirnya:

"Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebajikan, kepada Allah jualah tempat kembali kamu semua maka Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perselisikan."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan sesuatu ibadah itu setentunya mempunyai hikmah dan ganjarannya. Begitu juga ibadah haji, ganjaran bagi orang yang mengerjakan ibadah haji itu sangat banyak, maka alangkah beruntungnya mereka yang dapat melaksanakan ibadah tersebut khususnya kepada saudara-saudara kita yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu ia berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barang siapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosa-dosanya seolah-olah dia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya haji yang mabruur itu ganjarannya adalah syurga. Oleh itu, jika para bakal jemaah haji mahu mendapatkan haji yang mabruur, mereka hendaklah melaksanakan rukun-rukun, wajib-wajib serta sunat-sunat haji itu dengan sempurna. Di samping itu mereka juga hendaklah memperbanyakkan amalan-amalan sunat seperti mengerjakan sembahyang sunat rawatib, membaca al-Quran, memperbanyakkan tawaf sunat, berdoa, berzikir, berselawat, beriktiifat dan bersedekah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu berkata: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dan haji yang mabrur itu tiada balasan baginya selain syurga.”(Riwayat Imam Al-Bukhari).

Apabila berada di tanah suci nanti, sememangnya banyak dugaan dan rintangan yang akan dihadapi, mungkin ada yang menghadapi kepayahan dan kesulitan kerana tidak biasa dengan keadaan bersesak-sesak atau berasa kurang selesa kerana kekurangan kemudahan atau terpaksa berhadapan dengan karenah-karenah orang di sekeliling yang mungkin tidak menyenangkannya dan sebagainya. Maka dalam hal ini, hendaklah yang paling penting ialah sifat sabar dan sentiasa bersyukur, jangan mudah mengeluh atau merungut. Anggaplah ia ujian dan dugaan yang perlu dihadapi jika mahu mendapat ganjaran haji yang mabrur sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Ketika para bakal jemaah haji berwuqf di Arafah nanti, perbanyakkanlah berdoa dan beristighfar dengan penuh khusyuk, tawaduk dan merendah diri dengan penuh keikhlasan dan keinsafan, baik untuk diri sendiri, kedua ibu bapa, kaum kerabat dan sekalian umat Islam seluruhnya dengan harapan semoga doa-doa yang dipohonkan akan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Sesungguhnya bukan semua orang berpeluang untuk menunaikan ibadah haji, apakah lagi ibadah tersebut memerlukan banyak perbelanjaan dan pengorbanan. Oleh itu, saudara-saudara kita yang berpeluang dan dapat mengerjakan haji pada tahun ini sangatlah beruntung maka kerjakanlah ia dengan bersungguh-sungguh, janganlah disia-siakan kesempatan yang diperolehi itu. Sama-sama lah kita berdoa semoga para bakal jemaah haji akan selamat pergi dan selamat kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang mabrur. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Hajj, ayat 27-28 tafsirnya:

“Dan suruhlah manusia untuk mengerjakan ibadah haji nescaya mereka akan datang kepadamu (rumah Tuhan mu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus disebabkan (lamanya perjalanan

yang datang) dari segenap penjuru yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai manfaat bagi mereka dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu atas rezeki yang dikurniakan kepada mereka daripada binatang ternakan (untuk dijadikan korban) maka makanlah sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagian yang lain) untuk dimakan oleh orang susah lagi fakir.”

Kepentingan membaca dalam kehidupan

Keluaran Pelita Brunei 12 Ogos 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam menganjurkan umatnya agar memelihara lima prinsip utama dalam kehidupan harian demi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Lima prinsip ini adalah memartabatkan kesucian agama, menghargai nyawa, memelihara akal, menjaga keturunan dan memiliki harta serta mensucikannya. Adapun memelihara akal fikiran itu sangat penting dalam kehidupan kerana ia adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat tinggi nilainya. Memelihara akal itu termasuklah memelihara minda kita untuk sentiasa menimba ilmu yang bermanfaat demi kesejahteraan individu, kebajikan masyarakat dan kemajuan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu: Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan: Berdirilah, hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Adapun salah satu cara untuk mendapatkan ilmu itu ialah dengan belajar atau memperbanyakkan membaca. Membaca bukan sahaja membuka minda untuk menerokai berbagai bidang ilmu, tetapi juga menyumbang kepada perkembangan minda dan ilmu pengetahuan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan menuju ke syurga.” (Riwayat Imam Muslim).

Sebagai umat Islam kita hendaklah menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya atau amalan harian kerana ia dapat membentuk insan yang berilmu pengetahuan dan dapat mencapai kejayaan baik di dunia maupun di akhirat. Oleh itu, ibu bapa sebagai insan yang paling dekat dengan anak-anak perlulah berperanan sebagai *role model* dengan menunjukkan sikap minat membaca kepada anak-anak dengan memupuk minat mereka untuk membaca sejak kecil lagi seperti membaca Al-Quran, membaca kisah-kisah para nabi dan sahabat, kisah-kisah yang mengandungi pengajaran dan teladan yang elok untuk dicontohi, bahan-bahan yang mengandungi sumber maklumat seperti akhbar, buku ilmiah dan seumpamanya.

Oleh yang demikian, perlu diketahui, melalui membaca seseorang itu akan mendapat banyak faedah dan kelebihan, antaranya adalah menambahkan dan meningkatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan kekuatan memori dan merupakan senaman minda kerana sel-sel dalam otak akan aktif dan membuatkan minda menjadi lebih sihat. Membaca juga boleh melatih diri untuk menjadikan seorang yang berdisiplin dan meningkatkan kreativiti, meningkatkan kemahiran tatabahasa dan membantu cara berkomunikasi dengan lebih baik dan teratur.

Oleh yang demikian, kesedaran tentang pentingnya budaya membaca adalah faktor utama bagi menjayakan salah satu Wawasan Negara 2035 dapat dicapai, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Dengan menjadikan membaca sebagai amalan atau budaya boleh menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan khususnya dalam menjayakan program pembangunan negara.

Marilah kita meningkatkan amalan membaca dari semasa ke semasa. Perlu diingat, satu-satunya jalan untuk mendapatkan ilmu yang berguna dan membina

ialah dengan banyak membaca dan mendapatkan sumber yang benar dan sahih. Golongan dewasa hendaklah menunjukkan contoh ikutan yang sihat dan baik kepada golongan yang lebih muda dengan mengamalkan budaya gemar membaca dalam kalangan masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam. Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menambahkan ilmu pengetahuan dan mengurniakan kefahaman seperti kefahaman para Nabi, hafazan para Rasul, ilham para malaikat dan sentiasa diberikan kesihatan berpanjangan. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-'Ankabut, ayat 43 tafsirnya:

"Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia, dan tidak ada yang memahaminya melainkan orang-orang yang berilmu."

Belia berdaya usaha dan berinovasi menjayakan wawasan negara

Keluaran Pelita Brunei 19 Ogos 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan, keamanan dan kemakmuran bagi membangun negara. Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada harta benda bahkan juga kepada sumber tenaga manusia, iaitu rakyat dan penduduk di negara ini khususnya golongan belia. Belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan negara. Maju atau mundurnya sesebuah negara itu bergantung kepada keupayaan, kesanggupan, kebolehan dan ketekunan para belia dalam mencapai pembangunan negara lebih-lebih lagi dalam menjayakan Wawasan Negara 2035.

Oleh itu, golongan belia perlu diasuh, dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi golongan yang beriman, berilmu, beramal dan mempunyai akhlak mulia berpandukan ajaran Islam. Justeru, bimbingan ini akan mengukuhkan jati diri ke arah menjadikan mereka belia yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Belia yang dididik dan dibimbing dengan nilai-nilai Islam akan tidak mudah melakukan perkara mungkar dan maksiat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 6 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan bakarnya adalah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras layanannya,

mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap apa juar yang diperintahkan kepada mereka, dan mereka perlu tetap melakukan apa yang diperintahkan.”

Sejarah Islam telah mencatatkan bahawa golongan belia Islam pada zaman silam mempunyai kehebatan dan sumbangan yang besar ke arah kejayaan dan kegemilangan Islam pada zaman tersebut. Perkara ini perlu menjadi contoh dan teladan bagi golongan belia hari ini untuk melakar kejayaan agama, bangsa dan negara. Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terdapat beberapa golongan belia yang memainkan peranan penting dalam mentadbir, memperjuangkan dan mengembangkan agama Islam antaranya adalah Sayidina Usman bin Affan, Sayidina Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud dan lain-lain lagi.

Perjuangan Sayidina Ali bin Abi Talib dalam menegakkan agama Islam sangatlah dikagumi. Ini kerana disebabkan cintanya yang kuat kepada Islam, beliau telah menghabiskan masa mudanya bersama nabi dan sahabat yang lain semata-mata untuk berjuang dan memartabatkan agama Islam. Sayidina Ali sentiasa menyokong Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa kezaliman terhadap orang Islam berlaku semasa peristiwa hijrah.

Diriwayatkan selepas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sembahyang Isyak, Baginda menyuruh Sayidina Ali untuk tidur di atas katil Baginda. Pesan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada Sayidina Ali: “Tidurlah engkau di tempat tidurku, selimutlah dengan selimutku. Tidak ada apa-apa yang akan menyentuh engkau”. Sayidina Ali mengambil risiko dengan tidur di katil Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tujuan Baginda adalah kerana mahu mengelirukan mata musuh yang asyik mengintai-intai di celah-celah dinding rumah. Sayidina Ali berjaya mengelakkan satu percubaan membunuh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini adalah satu pengorbanan nyawa yang besar yang diberikan oleh Sayidina Ali bin Abi Talib kepada perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan agama Islam. Inilah semangat dan perjuangan yang patut dicontohi oleh belia masa kini.

Kehebatan belia yang beriman dan bertakwa dalam mempertahankan akidah dan tidak mudah terikut-ikut dengan ajaran lain juga tercatat dalam Al-Quran. Sebagaimana kisah Ashabul Kahfi yang telah disebutkan di dalam Surah Al-Kahfi, ayat 13-14 tafsirnya:

“Kami menceritakan kepadamu wahai Nabi Muhammad kisah mereka dengan sebenarnya; Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahkan hidayah kepada mereka. Dan Kami meneguhkan hati mereka ketika mereka berdiri di hadapan Raja yang memaksa mereka supaya menyembah berhala lalu berkata: Tuhan kami ialah Tuhan yang Pencipta dan Pentadbir langit dan bumi, kami sekali-kali tidak akan menyembah Tuhan yang lain daripadanya kerana kalau demikian sesungguhnya kami mengucapkan perkataan yang jauh dari kebenaran”

Belia merupakan pewaris yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab bagi menerajui negara di masa hadapan. Oleh itu, untuk melahirkan belia yang berkualiti dan mampu untuk membangun serta memajukan negara memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah bersifat menyeluruh sama ada dari aspek dunia ni muhupun ukhrawi yang akan melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa. Antara perkara-perkara yang perlu menjadi pegangan belia untuk menjadi belia yang rajin berusaha dan berinovasi serta cemerlang dalam hidup adalah:

Pertama: Mempunyai keimanan yang teguh dan tidak mudah goyah, iaitu beriman kepada rukun iman yang enam, iaitu percaya kepada Allah, Malaikat, kitab-kitab Allah, para Rasul, Hari Kiamat dan percaya kepada Qada dan Qadar.

Kedua: Belia perlu mempunyai kekuatan dalam dan luaran tanpa mengenal erti takut atau gentar dan berfikir secara positif untuk sentiasa rajin berusaha dan berinovasi bagi mencapai cita-cita dan matlamat sendiri muhupun untuk agama, bangsa dan negara.

Ketiga: Belia-belia hendaklah sentiasa bekerja keras tidak kenal penat dan lelah.

Agama Islam tidak menggalakkan umatnya bersikap meminta-minta tetapi Islam menekankan supaya umatnya berusaha dengan titik peluh sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abi ‘Ubaid Maula Abdul Rahman bin ‘Auf: Sesungguhnya telah mendengar Abu Hurairah Radhiallahuanhu dia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Mencari seberkas kayu api lalu dipikul di atas punggungnya terus dijual, lebih baik bagi seseorang daripada mengemis kepada orang lain yang kadang-kadang diberinya atau tidak.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Keempat: Belia yang sanggup berkorban demi mencapai kejayaan dan kemenangan sama ada berkorban masa, harta dan tenaga. Tanpa pengorbanan seseorang itu tidak mungkin akan dapat mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan.

Bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 pada tahun ini belia perlu bergiat aktif dan bersatu padu di dalam menjaga dan mempertahankan Wawasan Negara 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Oleh itu, belia-belia hendaklah meningkatkan lagi usaha dalam bidang masing-masing melalui pencapaian-pencapaian seperti pengeluaran produk, penciptaan projek dan seumpamanya ataupun menghasilkan pendekatan-pendekatan baharu yang berupaya memberikan penyelesaian yang terbaik terhadap cabaran atau masalah yang dihadapi.

Bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari semasa ke semasa, kita amat memerlukan golongan pelapis, iaitu golongan belia kerana mereka lah yang bakal mengganti bagi meneruskan usaha dalam membangun umat dan negara di masa hadapan. Sama-sama kita berdoa semoga belia-belia kita akan berada di atas landasan yang benar dan direndai serta mendapat taufik hidayah dan inayah (pertolongan) daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Ali-‘Imran, ayat 110 tafsirnya:

“Kamu wahai umat Nabi Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia kerana kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah.”

Adab dan etika dalam Sembahyang Fardu Jumaat

Keluaran Pelita Brunei 26 Ogos 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan hari yang paling agung di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Ia merupakan hari yang sangat istimewa bagi umat Islam, hari yang penuh dengan keberkatan serta kemuliaan dan juga hari untuk melipatgandakan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah, ayat 9 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka pergilah kamu ke masjid untuk mengingati Allah dengan mengerjakan Sembahyang Jumaat dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu), yang demikian itu lebih baik bagi kamu, jika benar kamu mengetahui.”

Sesungguhnya Sembahyang Fardu Jumaat merupakan perhimpunan mingguan yang memberikan manfaat yang amat besar kepada seluruh umat Islam untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Antara manfaat tersebut adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menerima nasihat dan tunjuk ajar, meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mengambil pengajaran dan iktibar daripada khatib. Dengan hadir ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat juga kita dapat saling kenal-mengenali, dapat menyatupadukan dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran dan masyarakat berbagai bangsa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu al-Jaad al-Dhamri katanya, bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Barang siapa secara mudah meninggalkan Sembahyang Fardu Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut, Allah Subhanahu Wata'ala akan menjadikan hatinya keras untuk menerima kebenaran.” (Riwayat Ibnu Majah).

Setiap amal ibadat yang dilakukan mempunyai tatatertib atau adab-adabnya tersendiri. Begitujuga dengan Sembahyang Fardu Jumaat, dengan menyempurnakan adab tersebut, kita akan beroleh pahala dan ibadat kita menjadi lebih sempurna. Antara adab-adab tersebut ialah sebelum ke masjid, kita disunatkan mandi sunat Jumaat terlebih dahulu, memakai wangi-wangian. Kita disunatkan datang awal ke masjid dan mendapatkan saf yang pertama atau saf yang paling hadapan dan mengisi masa di dalam masjid dengan beriktikaf, membaca Al-Quran, berzikir, mengerjakan sembahyang sunat dan memperbanyakkan selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam cara berpakaian, sudah tentu pakaian tersebut hendaklah terbaik dan bersih dan hindarkanlah dari memakai pakaian yang mempunyai corak, gambar-gambar atau mengandungi perkataan-perkataan kerana ia boleh mengganggu kehusukan jemaah lain untuk beribadat. Islam telah pun memberi garis panduan atau etika berpakaian semasa menunaikan sembahyang, iaitu menutup aurat dan bersih.

Ketika khatib membaca khutbah, kita hendaklah diam dan mendengar isi kandungan khutbah serta menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Sesungguhnya sikap tidak menumpukan perhatian ketika khutbah disampaikan adalah sikap yang sangat buruk. Mendengar khutbah merupakan suatu kemestian bahkan kita dilarang melakukan ibadah sunat seperti berzikir atau membaca Al-Quran ketika khatib sedang berkhotbah, apatah lagi membuat perkara yang sia-sia seperti tidur, menggunakan atau bermain telefon bimbit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barang siapa yang berwuduuk dan menyempurnakan wuduuknya kemudian

dia pergi ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Jumaat, lalu mendengar khutbah dan tidak bercakap ketika khutbah dibacakan, maka diampunkan dosadosanya yang ada antara hari Jumaat itu dengan hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi. Dan barang siapa yang bermain-main dengan anak-anak batu ketika khutbah dibacakan, maka ia telah berbuat sia-sia.” (Riwayat Imam Muslim).

Memang tidak dinafikan terdapat juga beberapa jemaah kurang memberikan tumpuan terhadap khutbah yang disampaikan, ada yang leka bercerita, bergurau senda, bahkan terdapat juga jemaah yang mendengar khutbah di dalam kereta sahaja, ada pula yang tidak sempat mendengar khutbah kerana lambat hadir ke masjid. Selain itu, terdapat juga kanak-kanak yang berkeliaran dan membuat bising ketika khutbah disampaikan. Oleh itu, ibu bapa atau penjaga hendaklah memainkan peranan penting untuk mengawas dan memata-matai anak-anak mereka supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh mengganggu kehusyukan para jemaah lain untuk beribadat.

Marilah kita sama-sama menjaga adab-adab dan etika dalam menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Manfaatkanlah dan rebutlah peluang beramal ibadat pada hari Jumaat yang hanya datang sekali dalam seminggu, semoga dengannya juga kita dapat mempertingkatkan amal ibadat kita dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan dengan adab dan etika yang kita amalkan, kita akan mendapat kesempurnaan dalam ibadat dan mudah-mudahan ibadat yang kita lakukan mendapat rahmat dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Mu’minun, ayat 1-3 tafsirnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia.”

Khutbah Jumaat Bulan September 2017

Hindari dari sifat riak

Keluaran Pelita Brunei 2 September 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna iaitu syumul. Dalam menjalani kehidupan di dunia ini, agama Islam menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat yang terpuji serta melarang umatnya dari sifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Imam Al-Ghazali Rahimallah Ta'ala dalam kitabnya ‘Arbain Fi Usuluddin’ telah menggariskan sepuluh sifat mahmudah (terpuji) dan sepuluh sifat mazmumah (tercela). Sifat-sifat mahmudah (terpuji) itu adalah taubat, khauf (takut kepada Allah), mengingati mati, mahabbah (kasih sayang), zuhud (meninggalkan kesenangan dunia), tawakal, ikhlas, syukur, reda dan sabar. Manakala sifat-sifat mazmumah (keji) itu adalah al ghadhab (sifat marah), hasad (dengki), bakhil (kedekut), sharahu at ta'am (terlampaui banyak makan), sharahu al kalam (telampaui banyak cakap), hubbu al jah (kasihikan kemegahan), hubbu ad dunia (kasihikan dunia), ujub (merasa diri lebih sempurna), takbur dan riak.

Sesungguhnya riak adalah sifat keji dan dilarang dalam agama Islam. Sifat riak bererti menunjuk-nunjuk atau memperlihatkan sesuatu amalan baik yang dilakukan oleh seseorang untuk memperolehi kedudukan di hati manusia agar mendapat puji, pangkat, kebesaran dan dalam erti kata yang lain berbuat sesuatu amal ibadat atau sesuatu kebaikan bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maun, ayat 4-7 tafsirnya:

“Maka celakalah orang-orang bersembahyang. Iaitu mereka yang lalai terhadap sembahyang mereka. Juga mereka yang berkeadaan riak. Dan mereka yang enggan memberi pertolongan.”

Perlu diketahui, riak merupakan penyakit yang sangat berbahaya dan mengancam akidah dan iman seseorang, ia juga boleh merosakkan nilai keikhlasan hati, keluhuran akhlak dan sebagainya. Orang-orang yang riak, hati dan jiwanya penuh dengan kebohongan dan kepalsuan semata-mata, kerana segala amal perbuatan dan percakapannya hanyalah bertujuan untuk mengharapkan puji, sanjungan dan penghormatan daripada orang lain. Ketahuilah, riak adalah syirik kecil dan merupakan perkara yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam takutkan jika amalan tersebut dilakukan oleh umat Baginda, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Daripada Mahmud bin Lubaid ia berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya sesuatu yang paling aku khuatirkan di antara kamu ialah syirik kecil, lalu ditanya oleh sahabat “Apakah syirik kecil itu ya Rasulullah?” kemudian Baginda menjawab, iaitu riak.” (Riwayat Imam Ahmad).

Menurut Imam Al-Ghazali dalam kitabnya ‘Ihya Ulumuddin’ menerangkan bahawa perkara yang boleh menimbulkan sifat riak itu ada lima perkara, iaitu:

Pertama: Riak pada tubuh badan seperti orang yang membiarkan rambut tanpa terurus dengan tujuan agar dikenali sebagai ahli ibadah atau agama yang tiada masa lagi untuk menguruskan dirinya.

Kedua: Riak dalam pakaian seperti memakai pakaian kasar, lusuh atau pakaian ulama dengan tujuan supaya orang menyangka bahawa ia orang yang zuhud, warak dan orang yang berilmu.

Ketiga: Riak dalam perkataan seperti banyak berbicara tentang ilmu dengan tujuan supaya dia dipuji orang sebagai orang yang pandai, alim, warak dan seumpamanya.

Keempat: Riak dalam perbuatan seperti berpura-pura dalam sembahyang, iaitu berdiri, rukuk dan sujud yang terlalu lama dengan tujuan supaya orang menyangka dia lebih khusuk sembahyangnya daripada orang lain.

Kelima: Riak dengan membanyakkan sahabat, tetamu atau orang yang berpangkat dengan tujuan agar orang ramai menganggap mereka adalah orang yang penting atau dalam kalangan kelompok tersebut.

Pada kebiasaanya antara sebab manusia bersifat riak adalah untuk mendapatkan kemegahan dan kemasyhuran sehingga lupa pada kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, untuk mengelakkan diri daripada bersifat riak, kita hendaklah sedar bahawa kita adalah hamba Allah yang lemah dan setiap nikmat dan kelebihan yang kita miliki adalah pinjaman dan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan pada bila-bila masa sahaja nikmat tersebut ditarik semula. Di samping itu, banyakkanlah bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat yang kita terima. Dan sentiasalah menanamkan sifat ikhlas pada setiap amalan dan perbuatan yang kita lakukan.

Sucikanlah hati dengan membanyakkan zikir dan sentiasa takut dengan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Beringat dan berwaspadalah selalu terhadap perkara-perkara yang boleh menghapuskan pahala amalan yang dilakukan akibat sifat riak. Hindarkanlah daripada melakukan sesuatu perkara dengan niat atau tujuan untuk disanjungi atau dihargai kerana ia boleh membawa kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama muhasabah diri dengan membetulkan niat ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dalam melakukan amal ibadat dan sesuatu kebaikan. Seandainya ada terdetik sahaja perasaan riak dalam hati, segeralah ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon istighfar (keampunan) kepada-Nya juga. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita terhindar daripada sifat riak, hati kita sentiasa ditetapkan dalam keimanan, hidup dan mati dalam keimanan, dikumpulkan bersama orang-orang yang beriman dan masuk ke dalam syurga juga bersama orang-orang yang beriman.

Mudah-mudahan segala amal ibadat dan perbuatan yang kita lakukan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 264 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan pahala sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti, seperti rosaknya pahala orang yang membelanjakan hartanya kerana riak menunjuk-nunjuk kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan yang lebat, sehingga menjadikannya bersih licin tidak bertanah lagi. Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu mereka tidak akan mendapat sesuatu pahala pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.”

Menyambut kepulangan Duyuf Ar Rahman

Keluaran Pelita Brunei 9 September 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, tidak lama lagi jemaah haji negara kita Brunei Darussalam akan kembali dari tanah suci Mekah Al-Mukaramah. Pada lazimnya kaum keluarga dan sanak saudara mereka akan bersiap sedia mengalui-alukan kepulangan mereka dengan penuh rasa syukur dan gembira. Dalam membuat persediaan menyambut ketibaan mereka itu, maka sama-sama lah kita beringat-ingat supaya sambutan yang diadakan hendaklah bersesuaian serta tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam.

Pada kebiasaannya kaum keluarga dan sanak saudara, ada yang mendirikan pintu gerbang bertulis dengan kata-kata "Selamat Kembali Ke Tanah Air dan Semoga Mendapat Haji Yang Mabrur". Di samping itu, ada juga yang menyambut dan meraikannya dengan mengadakan majlis Dikir Marhaban.

Perbuatan sedemikian tidaklah menjadi kesalahan jika diniatkan untuk memuliakan dan menghormati kedatangan jemaah haji tersebut serta untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk atau riak. Apa yang penting sebagai umat Islam, janganlah kita menganggap perkara tersebut suatu kewajipan yang mesti dilakukan sehingga membebankan diri sendiri serta ahli keluarga.

Dalam agama Islam ada diajarkan adab-adab ketika menyambut kepulangan jemaah haji antaranya:

Pertama: Disunatkan bagi jemaah haji yang pulang ke tanah air untuk singgah ke masjid bagi menunaikan sembahyang sunat terlebih dahulu sebelum menjelaskan kaki ke rumah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Daripada Ka'ab bin Malik, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, apabila pulang dari pelayaran, yang pertama Baginda lakukan adalah pergi ke masjid kemudian Baginda solat dua rakaat." (Riwayat Imam Muslim).

Kedua: Kita disunatkan untuk bersalaman, berjabat tangan dan berpelukan sebelum jemaah haji memasuki rumah, sambil mengucapkan doa yang maksudnya:

"Semoga Allah menerima ibadah haji anda dan mengampunkan dosa anda serta mengantikan perbelanjaan yang telah anda keluarkan."

Perlu diingat dalam bersalaman dan berpelukan hendaklah di antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja. Walaupun di antara lelaki dan perempuan tersebut ada hubungan mahram kerana adalah tidak manis dan tidak elok ia dilakukan di khalayak ramai dan dikhuatiri timbul fitnah.

Ketiga: Jemaah haji juga adalah disunatkan membaca doa sebelum masuk ke dalam rumah, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma: Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalamlah dengannya dan berjabat tanganlah dengannya dan suruhlah dia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Ta'ala (doanya adalah dimakbulkan)." (Riyawat Imam Ahmad).

Oleh itu, bagi mereka yang menyambut ketibaan Duyuf Ar Rahman seeloknya meminta kepada orang-orang balik dari menunaikan ibadah haji itu mendoakannya kerana doa mereka adalah mustajab.

Maksud doa yang dibacakan adalah: “Ya Allah berikanlah keampunan kepada orang yang mengerjakan haji dan kepada mereka yang dipohonkan keampunan oleh orang yang haji.”

Keempat: Adalah elok bagi keluarga dan saudara mara jemaah haji itu mengadakan walimah (kenduri) sederhana mengikut kemampuan sebagai tanda syukur.

Dengan ketibaan kaum keluarga atau sanak saudara yang telah menunaikan ibadah haji, mudah-mudahan kita dapat meningkatkan iman dan takwa, di samping melahirkan rasa penuh syukur kerana dapat menyambut mereka mengikut apa yang diajarkan oleh agama Islam dan menjauhi segala perkara yang bertentangan dengan akidah.

Para jemaah haji pastinya berasa gembira kerana telah berjaya menyempurnakan rukun Islam yang kelima dan dapat pulang dan bertemu semula dengan keluarga dan saudara mara.

Sama-samalah kita berdoa semoga jemaah haji khasnya jemaah haji Negara Brunei Darussalam kembali ke tanah air dengan selamat dan mendapat haji yang mabru, iaitu haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan akan terus sentiasa berzikir dan mengingati Allah Subhanahu Wata’ala dan memperolehi kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 200 tafsirnya:

“Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah haji hendaklah kamu berzikir mengingati Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut bapa-bapa (datuk nenek kamu), bahkan berzikirlah lebih daripada itu. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang berdoa hanya dengan berkata : “Ya Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia.” (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat.”

Kecemerlangan guru teras kejayaan umat

Keluaran Pelita Brunei 16 September 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya ilmu adalah pelita kehidupan. Ia sangat penting dan berguna kerana dengan ilmu dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat. Melihat kepada betapa pentingnya ilmu, maka kita sebagai umat Islam dianjurkan untuk menimba dan menuntut ilmu sebanyak yang mungkin. Allah Subhanahu Wata’ala memberikan kelebihan kepada orang-orang beriman yang menuntut ilmu dengan beberapa darjah. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 tafsirnya:

“Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjah. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Apabila kita memperkatakan tentang ilmu, maka guru adalah golongan yang amat penting sebagai teras kepada kejayaan umat. Sebagaimana yang kita ketahui, tugas guru adalah menyampaikan, mengajar dan membimbing pelajar atau masyarakat dalam pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran. Dalam agama Islam, mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi, mulia dan satu kerjaya yang suci di sisi Allah Subhanahu Wata’ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Daripada Abu Umama Al Bahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata’ala, dan para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan

di lautan pasti berselawat mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.”

Guru sebagai pendidik sememangnya mempunyai peranan yang sangat penting, iaitu menjadikan setiap anak didiknya orang yang berilmu, cemerlang dan berakhhlak mulia. Oleh itu, untuk mencapai matlamat, guru hendaklah menjauhkan diri dari sifat-sifat keji dan tercela, ini kerana guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri dan sahsiah pelajar. Untuk menjadi seorang guru yang cemerlang, dihormati, disegani serta berwibawa, guru perlulah memiliki sifat-sifat yang terpuji, antaranya adalah sifat ikhlas, jujur dan sabar dalam mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan dan bukan kerana balasan *material*, mengharapkan pujian atau mengejar pangkat semata-mata.

Di samping itu, guru juga perlu mempunyai sifat dedikasi dalam menyampaikan ilmu, bersifat penyayang terhadap setiap anak didiknya, bersifat adil dan tidak mengamalkan sikap pilih kasih. Guru hendaklah bersifat amanah dan memberi komitmen dalam setiap tugas yang diberikan, membuat persediaan yang secukupnya sebelum memulakan pengajaran, menjaga kehormatan diri dan keluarga, menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej dan maruah diri sama ada dari segi pakaian, perbuatan dan percakapan. Apa yang penting dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru adalah untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata’ala dan berusaha untuk kejayaan anak bangsa, agama dan negara.

Sememangnya amanah yang dipikul oleh seorang guru itu sangatlah besar dan berat kerana mereka bertanggungjawab untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni. Guru diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya memenuhi tuntutan duniaawi dan ukhrawi.

Tugas sebagai seorang pendidik bukanlah satu tugas yang mudah. Ia memerlukan kepada pengorbanan masa, tenaga, wang ringgit dan seumpamanya untuk menjadikan anak bangsa menjadi insan yang memiliki jati diri yang sempurna demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, kita seharusnya berterima

kasih atas pengorbanan dan jasa guru yang telah mendidik serta membimbing kita, malah ibu bapa juga perlu menghormati guru yang mendidik anak-anak mereka sehingga anak-anak menjadi insan yang berilmu, berjaya dan cemerlang.

Agama Islam menganjurkan kita supaya menghormati, menghargai dan memuliakan guru bukannya mencerca, menghina apatah lagi mengherdik guru kerana dikhuatiri ilmu yang kita tuntut itu akan hilang atau ditarik balik keberkatannya atau tidak memperolehi lagi manfaat ilmu tersebut. Ketahuilah, banyak hikmah yang diperolehi dengan menghormati dan memuliakan guru, antaranya adalah memperolehi kejayaan hidup di dunia dan di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang terpenting adalah memperolehi ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata’ala, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Ubada ibn Al-Samit, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, tidak termasuk golongan kamu orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti hak orang yang berilmu agar diutamakan pandangannya.” (Riwayat Imam Ahmad).

Perlu diketahui, ada banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menghargai jasa seorang guru seperti mengucapkan ucapan terima kasih sebagai tanda menghargai jasa mereka apabila memperolehi kejayaan, mengamalkan segala ilmu yang dicurahkan, sentiasa mengeratkan hubungan silaturahim sesama guru walaupun telah tamat pengajian, menziarahi guru ketika lapang, mendoakan kesejahteraan dan kebaikan mereka. Manakala bagi guru-guru yang telah kembali ke rahmatullah, sama-sama kita mendoakan semoga dosa-dosa mereka diampunkan dan roh mereka dicucuri rahmat.

Bagi menghormati dan mengenang jasa guru-guru yang telah berbakti mendidik kita menjadi insan yang berilmu dan berjaya, marilah kita sama-sama berdoa agar dijauhi daripada ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khusyuk, jiwa yang tidak tenang atau tidak bersyukur dan dijauhi dari doa yang tidak dimakbulkan

oleh Allah Subhanahu Wata’ala dan mudah-mudahan kita sentiasa mendapat inayah, rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Ali-‘Imran, ayat18 tafsirnya:

“Allah menerangkan kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti, bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, yang mentadbir seluruh alam dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu, berikrar dan mengakui juga bahawa tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.”

Hijrah memerlukan perubahan

Keluaran Pelita Brunei 23 September 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya juga, kita dapat menikmati Awal Tahun Baharu 1439 Hijrah dengan penuh keimanan, kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran. Tahun baharu sering dikaitkan dengan perubahan atau suatu permulaan yang baharu, dan untuk melihat dan menilai sejauh mana pencapaian yang lalu serta untuk menilai diri supaya berubah menjadi insan yang lebih baik dari tahun ke tahun atau dari masa ke masa. Sesungguhnya mereka yang sanggup menghadapi segala ujian dan mahu melakukan perubahan akan mempunyai darjah yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata’ala. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah At-Taubah, ayat 20 yang tafsirnya:

“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

Dalam agama Islam, Tahun Baharu Hijrah membawa pengertian yang sangat besar kepada tamadun Islam. Ia bukanlah sambutan perayaan atau simbolik semata-mata, tetapi membawa maksud yang lebih mendalam. Sesungguhnya hijrah mengingatkan kita kepada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah dengan penuh pengorbanan demi untuk mengembangkan dan mempertahankan kesucian agama Islam.

Sesungguhnya hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kaum Muslimin adalah atas perintah Allah Subhanahu Wata'ala, mereka meninggalkan keluarga, rumah dan harta benda semata-mata untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 97 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: “Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?” mereka menjawab: “Kami dahulu ialah orang-orang yang tertindas di bumi. Malaikat bertanya lagi: “Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?” maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

Dalam peristiwa hijrah orang-orang Islam di Madinah menyambut orang-orang muhajirin dari mekah dengan hati yang penuh gembira, mereka menyediakan tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian dan barang-barang keperluan walaupun pada hakikatnya mereka sendiri berhajat kepada keperluan-keperluan tersebut. Atas keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mereka dengan hati yang ikhlas memberi bantuan dan pertolongan sehingga mereka dipuji oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menamakan mereka sebagai kaum Ansar yang bermaksud penolong, penyokong atau pembantu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasyr, ayat 9 tafsirnya:

“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu, dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan ingatlah sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhil, maka

merekalah orang-orang yang berjaya.”

Sama-samalah kita mencontohi orang-orang Ansar dalam kehidupan kita seharian iaitu menanamkan sifat mahabbah, silaturahim dan semangat bantu-membantu sesama insan. Jika sebelumnya kita bersifat tidak ambil peduli dengan kesusahan orang lain, maka sudah tiba masanya kita berhijrah dan berubah untuk saling bantu-membantu, tolong-menolong bagi meringankan bebanan mereka yang memerlukan seperti mangsa-mangsa kebakaran, fakir miskin, anak-anak yatim dan seumpamanya sama ada dengan bantuan wang ringgit, masa atau tenaga. Semoga segala usaha yang berkebajikan ini mendapat balasan pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ujian tersebut ada yang berupa kesenangan, kesusahan, penderitaan dan sebagainya. Ia bertujuan untuk menguji keimanan, ketakwaan dan kesabaran hamba-hamba-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 2-3 tafsirnya:

“Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar beriman dan sesungguhnya Dia mengetahui tentang orang-orang yang berdusta.”

Jika kita imbas kembali sejarah, umat Islam sememangnya tidak terlepas daripada menerima ujian dan dugaan. Inilah yang terjadi kepada saudara-saudara Islam kita pada masa kini yang menghadapi ujian, penderitaan dan kesengsaraan, khususnya masyarakat Islam Rohingya, yang kini menghadapi penindasan kezaliman yang tidak berperikemanusiaan. Oleh itu, sebagai umat Islam yang mencintai keamanan dan kedamaian, setentunya kita berasa kesal atas kejadian tersebut.

Sesungguhnya kesengsaraan yang dirasakan oleh mereka turut dirasakan oleh masyarakat Islam seluruh dunia. Kezaliman dan penindasan yang berlaku terhadap

mereka merupakan suatu bentuk pencabulan hak asasi manusia. Apabila mendengar dan menyaksikan penderitaan yang dialami oleh mereka yang menghadapi musibah tersebut, sudah setentunya tersirat di dalam hati dan sanubari kita perasaan belas kasihan dan simpati terhadap nasib yang menimpa mereka. Dalam hal ini kita tidak boleh memandang masalah yang dihadapi ini dengan sebelah mata sahaja. Akan tetapi adalah menjadi kewajipan kita untuk membantu dengan mendoakan keamanan mereka.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa doa itu adalah senjata orang Islam dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala itu sebaik-baik cara untuk memohon pertolongan. Menurut Mazhab Syafii bahawasanya jika berlaku malapetaka seperti (bahaya) musuh, kemarau, wabak penyakit, kehausan, bahaya yang jelas berlaku ke atas umat Islam dan seumpamanya. Maka adalah disunatkan untuk membaca Qunut Nazilah. Qunut Nazilah bukan hanya disunatkan untuk dibaca oleh orang-orang Islam yang ditimpakannya malapetaka, bahkan ia juga sunat dibaca oleh mereka yang tidak terlibat atau terkena malapetaka itu, iaitu mendoakan saudara sesama Islam semoga terlepas dan selamat daripada musibah dan bencana yang menimpa mereka.

Dalam hal ini sebagai usaha dan tanda simpati kita, maka marilah kita memohon kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan membaca Doa Qunut Nazilah pada setiap Sembahyang Fardu Jumaat yang akan bermula pada hari ini untuk memohon perlindungan supaya umat Islam Rohingya selamat dan terpelihara daripada sebarang malapetaka, penderitaan, kesengsaraan, perpeperangan, penindasan, kejahatan dan kezaliman serta tipu daya orang-orang kafir. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mukmin, ayat 60 tafsirnya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbir daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

Akhirnya bersempena Tahun Baharu 1439 Hijrah ini, marilah kita tingkatkan usaha untuk lebih mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dan muhasabah diri serta berazam untuk meningkatkan amal ibadat dari masa ke masa, membantu mereka yang memerlukan, saling mendoakan kebaikan sesama saudara Islam dan yang paling penting kita dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang dikasihi, dirahmati dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nisa', ayat 100 tafsirnya:

“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah untuk membela dan menegakkan Islam, nescaya ia akan mendapat di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati dalam perjalanan, maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Kewibawaan, keunggulan kepimpinan baginda berlandaskan ajaran Islam

Keluaran Pelita Brunei 30 September 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya negara kita Brunei Darussalam dapat menikmati suasana kehidupan yang aman, makmur, damai dan sejahtera. Oleh itu, selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita hendaklah sentiasa menjaga keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati ini sebaik-baiknya. Ingatlah, jika kita lalai dan leka atau tidak mensyukuri atas nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala ini, maka tidak mustahil nikmat ini akan hilang pada bila-bila masa sahaja kerana nikmat yang kita miliki hanyalah pinjaman semata-mata. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kita untuk sentiasa mensyukuri dan mengharapkan agar nikmat Allah Subhanahu Wata'ala ini sentiasa berkekalan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur terhadap nikmat itu, maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Sesungguhnya untuk mengekalkan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang dikurniakan Allah ini, maka sesebuah negara perlulah berusaha dengan gigih dengan mewujudkan pemerintahan yang mantap dan jentera kerajaan yang cekap serta berkesan, yang mana berkehendak kepada pemimpin yang berwibawa, bijaksana, sentiasa berfikiran jauh untuk kemajuan dan kemakmuran

negara.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang amat bertuah kerana dikurniakan seorang Sultan atau Raja yang menepati erti kata Ulil Amri bagi kerajaan dan pemerintahan Islam, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda adalah Raja yang sangat mengasihi seluruh lapisan rakyat dan penduduk tanpa mengira bangsa, agama atau keturunan. Baginda juga adalah seorang pemimpin yang prihatin dan sentiasa menjaga keperluan rakyat dan penduduknya agar terus maju dan berjaya seiring dengan kemajuan negara-negara luar.

Alhamdulillah, pada tahun ini Negara Brunei Darussalam akan mencatatkan satu lagi sejarah penting, iaitu pada tarikh 5 Oktober 2017, genaplah 50 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta. Ia adalah hari yang penuh bermakna dan bersejarah serta akan menjadi ristaan sepanjang zaman terutama bagi menghargai kepimpinan dan sumbangan besar baginda dalam menerajui dan membangun Negara Brunei Darussalam. Setentunya sambutan yang penuh bermakna ini amat dinantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan baginda, baginda telah memperlihatkan keupayaan dan keunggulan kepimpinan dalam pembangunan negara berlandaskan ajaran Islam. Hal ini menjadikan baginda dihormati dan disanjungi di mata dunia. Sejak baginda memegang takhta pemerintahan negara ini, alhamdulillah dengan nikmat dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, semua rakyat dan penduduk dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan, prasarana, perkhidmatan, kemajuan dan pembangunan yang berterusan sama ada di kawasan bandar maupun di luar bandar seperti kemudahan jalan raya, bekalan air bersih, bekalan api elektrik, perubatan, pendidikan, pertahanan dan seumpamanya. Ini membuktikan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap kebijakan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk

yang bernaung di bumi Brunei Darussalam.

Sesungguhnya kita amat bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menjadikan kita rakyat di negara ini dan dapat mengamalkan cara hidup yang berlandaskan ciri-ciri ajaran Islam di bawah kepimpinan Raja yang adil laila bijaksana. Baginda adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat, bersikap pemedulian dan prihatin. Baginda sentiasa mengutamakan kebaikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk serta mengutamakan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam membentuk dasar pentadbiran, pengurusan dan undang-undang negara yang sesuai atau selaras dengan kehendak hukum syarak, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.” (Riwayat Imam Malik).

Dalam menyambut perayaan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, selaku rakyat dan penduduk yang kasih kepada Raja, sentiasalah kita memanjatkan doa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan terus dikurniakan taufik serta hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam turun-temurun. Daripada Ibni Umar Radhiallahuanhuma berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Dan barang siapa yang berbuat baik kepada kamu, maka balaslah kebaikannya dengan kebaikan yang setimpal dan jika kamu tidak mendapat sesuatu untuk membala kebaikannya, maka berdoalah untuknya sampai kamu berasa telah membala kebaikannya” (Riwayat Imam At-Thabrani).

Inilah masa yang sangat penting dan sesuai bagi seluruh rakyat dan penduduk

negara ini untuk menzahirkan rasa taat setia yang tidak berbelah bagi kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyertai dan menghadirkan diri ke majlis dan acara-acara perayaan yang bersejarah Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun ini.

Inilah juga masanya kita menunjukkan dan membuktikan bahawa kita lahir selaku rakyat dan penduduk negara ini yang akan menghadiri dan memeriahkan acara-acara yang penuh adat istiadat dan gilang-gemilang itu nanti. Antara majlis-majlis tersebut adalah Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Al-Waqiah, Surah Al-Mulk, Tahlil dan Doa Kesukuran di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame ‘Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong dan, di samping itu kita juga akan meraikan Majlis Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan, Majlis Junjung Kasih dan Kesukuran dan lain-lain lagi. Kehadiran kita dalam menzahirkan rasa syukur dan taat itulah nanti yang akan memberi kesan dalam menunjukkan betapa kasihnya dan sayangnya kita kepada Raja dan pemimpin (khalifah) kita.

Oleh yang demikian, sama-sama lah kita meraikannya dengan penuh rasa syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa berdoa semoga baginda serta kerabat diraja dilanjutkan usia dan sentiasa beroleh rahmat, keredaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dalam sihat walafiat dan bahagia. Mudah-mudahan baginda kekal karar memerintah negara dalam iman dan takwa serta negara kekal aman damai dan makmur di bawah kepimpinan baginda dengan petunjuk dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ghafir, ayat 60 tafsirnya:

“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.”

**50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam**

Keluaran Pelita Brunei 7 Oktober 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita amat bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya kita semua dapat menikmati suasana kehidupan dengan aman damai dan sejahtera di dalam negara yang kita cintai ini. Sesungguhnya kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amat bertuah kerana pada 5 Oktober 2017, kita baru sahaja menyaksikan satu peristiwa yang penuh bermakna, gilang-gemilang dan penuh adat istiadat iaitu Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Sambutan Jubli Emas ini adalah suatu peristiwa yang bersejarah dan nilai sejarahnya itu sangat berharga kepada kita pada masa ini dan generasi pada masa akan datang serta menjadi ristaan sepanjang zaman.

Sebagaimana yang kita ketahui, baginda telah menaiki takhta memerintah negara selama 50 tahun. Sesungguhnya tempoh 50 tahun bukanlah satu jangka masa yang pendek. Sejak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga Negara Brunei Darussalam dapat menikmati keamanan, kedamaian, kemakmuran, kedaulatan negara sentiasa terpelihara dan telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun serta dapat mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran agama Islam. Corak kepimpinan baginda adalah berlandaskan kepada ajaran Al-Quran

Khutbah Jumaat Bulan Oktober 2017

dan As-Sunah di samping itu baginda juga mencontohi kepimpinan, perangai dan akhlak mulia Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam membentuk dasar pentadbiran, pengurusan dan undang-undang negara. Atas kebijaksanaan pemerintahan baginda itulah dengan petunjuk dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua negara ini telah menjadi sebuah negara Islam yang aman damai, digalati, berkat dan penuh berdaulat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 tafsirnya:

“Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat serta baik berzikir mengingati Allah.”

Sejak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua Negara Brunei Darussalam mengalami kemajuan dan perubahan yang agak ketara khususnya selepas mencapai kemerdekaan. Negara juga telah mencapai dan mengalami perubahan yang besar sama ada dari segi amalan beragama, pembangunan, infrastruktur, sosiopolitik, ekonomi dan sebagainya sehingga kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia ini. Di samping itu, konsep Melayu Islam Beraja juga dijadikan sebagai falsafah negara dengan menjunjung agama Islam sebagai kepercayaan asas masyarakat Negara Brunei Darussalam, melindungi jati bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak dan menyanjung kedudukan Raja sebagai pemimpin yang ditaati dan dikasihi.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa menjunjung titah perintah baginda dan menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja kita yang sangat dikasihi. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul Allah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan)

dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada kitab Allah (Al-Quran) dan Sunah Rasulnya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih eloklah pula kesudahannya.”

Sesungguhnya kepimpinan baginda adalah melalui pendekatan pembangunan dan kepimpinan lestari yang global dan menepati maqashid syariah, iaitu memelihara lima perkara yang menjadi tunjang dan pokok bagi kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia seperti menjaga agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Tuntutan penghayatan dan pemeliharaan terhadap perkara ini merangkumi penghayatan terhadap rukun Islam. Mereka yang menghayati tuntutan hukum ini akan dapat mendisiplinkan diri terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan masyarakat kerana ia berhubung tentang menjaga hak asasi manusia dan tidak mencerobohnya. Jika berlaku pencerobohan maka hukuman tertentu menantinya. Bagi mencapai matlamat inilah disyariatkan agar melaksanakan undang-undang jenayah Islam seperti hudud, qisas, takzir dan lain-lain.

Ketahuilah, asas kepada kekuuhan syiar agama Islam adalah dengan mempelajari dan menghayati Al-Quran. Dalam era kepimpinan baginda, Negara Brunei Darussalam telah menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsir Darussalam yang bertujuan untuk memasyarakatkan Al-Quran Al-Karim dalam kalangan umat dan memenuhi tuntutan agama untuk menjulang kedudukan Al-Quran Al-Karim sebagai kitab suci umat Islam. Di samping itu, dalam menegakkan, mengukuhkan dan memantapkan lagi syiar agama Islam di bumi Darussalam, baginda telah memperkenankan peraturan pengharaman jual beli arak, melaksanakan sistem kewangan Islam, pensijilan halal, akta pendidikan agama wajib, penutupan premis perniagaan, pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan, termasuk pawagam dan padang permainan, gerai atau tamu, pasar dan gedung-gedung perniagaan pada hari Jumaat mulai pukul 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang, pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah dan seumpamanya. Semua ini adalah semata-mata untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala yang membawa kepada keberkatan, kesejahteraan, keteguhan agama, bangsa dan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41 tafsirnya:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada mengerjakan yang mungkar. Dan kepada Allah jugalah kesudahan segala urusan.”

Dalam era kepimpinan baginda juga, bidang pendidikan duniawi dan ukhrawi sentiasa berkembang maju secara bersistematis dan mencapai ke tahap yang tinggi. Beberapa institusi pengajian telah ditubuhkan bagi melahirkan para cendekiawan dan intelek Islam yang dihasratkan menjadi pendidik anak bangsa ke jalan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata’ala antaranya: Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan seumpamanya. Pelbagai kemudahan-kemudahan telah dikurniakan dan disalurkan untuk dinikmati oleh para rakyat dan penduduk baginda demi memberikan keselesaan dalam memenuhi tuntutan dalam beragama dan berpendidikan. Oleh itu, marilah kita tanamkan sikap bersyukur dengan adanya pemerintahan yang bijaksana, adil dan saksama berteraskan ajaran Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang Raja yang berjiwa rakyat, pemelulian, prihatin dan sangat pemurah terhadap kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat jelata dan penduduk di negara ini. Oleh itu, marilah kita menjadi rakyat dan penduduk yang sentiasa taat kepada Allah, setia kepada Raja dan cinta kepada negara. Walaupun baginda sentiasa sibuk dengan tugas-tugas memimpin dan mentadbir negara, namun baginda tetap meluangkan masa untuk bersama rakyat baginda seperti keberangkatan baginda bercemar duli mengadakan lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pengajian, sekolah-sekolah, mukim-mukim, kampung-kampung seluruh negara. Baginda juga seorang Raja dan pemimpin yang prihatin terhadap kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat jelata seperti prihatin terhadap pembinaan Masjid Hassanal Bolkiah Kampung Mentiri, pembinaan

Kompleks Taman Kianggeh, pembinaan Pasar Malam Baharu Gadong dan lain-lain lagi. Begitu juga baginda sangat prihatin terhadap musibah, malapetaka dan bencana alam yang menimpa rakyat dan penduduk negara ini.

Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana baginda, dan atas petunjuk dan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala, dalam peringkat arena antarabangsa dan serantau baginda juga menyuarakan dengan tegas dan lantang tentang pendirian baginda seperti krisis Palestin, penindasan orang Islam Rohingya, menghantar pasukan pengaman di Lubnan dan sebagainya. Di samping itu, baginda juga mengamalkan dasar terbuka untuk mengadakan hubungan berbaik-baik dengan sesiapa sahaja, sama ada dengan rakan-rakan terdekat, seperti ASEAN ataupun yang jauh iaitu berdasarkan prinsip dan semangat hormat-menghormati, serta tidak campur tangan terhadap hal ehwal negara masing-masing dan menentukan arah perjalanan kehidupan bernegara dengan cara yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati. Inilah dia kepimpinan yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah An-Nisa’, ayat 58 tafsirnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Sepanjang 50 tahun pemerintahan, baginda adalah seorang Raja dan pemimpin yang berwawasan jauh dan Wawasan Brunei 2035 adalah antara wawasan yang akan menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa, kualiti kehidupan yang tinggi, dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan dalam kalangan 10 buah negara teratas dunia dari segi pendapatan per kapita menjelang tahun 2035. Di bawah pemerintahan baginda juga Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai sebuah negara yang kuat mengamalkan dan mengutamakan ajaran-ajaran Islam

sama ada dalam pentadbiran kerajaan mahupun dalam kehidupan sehari-hari rakyat dan penduduk seperti menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengingati dan mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua tindak tanduk yang diambil. Sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan.

Sebagai rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini, maka bersempena dengan 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Meneiki Takhta, marilah kita sama-sama terus berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, dikurniakan nikmat kesihatan yang berpanjangan dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan baginda kekal karar menerajui kepimpinan negara turun temurun dengan iman dan takwa dan semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman damai dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Ali-'Imran, ayat 26 tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Ya Allah Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan tersebut daripada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau jugalah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dengan kekuasaan-Mu jualah adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Taat dan patuh kepada pemimpin

Keluaran Pelita Brunei 14 Oktober 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia terdiri daripada berbilang suku kaum dan bangsa yang saling memerlukan antara satu sama lain dalam mengendalikan kehidupan sehari-hari, selain dicipta untuk mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, manusia juga ditugaskan untuk melakukan tanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin di atas muka bumi ini. Sejarah telah membuktikan bahawa Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan pemimpin yang sangat unggul dan kepimpinan Baginda adalah seelok-elok contoh kepimpinan yang terbaik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 tafsirnya:

"Demi sesungguhnya, pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik iaitu bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan kebahagiaan hari akhirat, serta banyak berzikir mengingat Allah."

Sesungguhnya mentaati dan mematuhi pemimpin adalah sebahagian daripada ciri-ciri takwa dan tanda ketakutan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Ahli Sunah Waljamaah bersepakat berkenaan kewajipan mentaati dan mematuhi pemimpin. Mereka mewajibkan supaya mentaati dan mematuhi segala peraturan serta undang-undang yang ditetapkan oleh pemimpin selagi mana ianya tidak bertentangan dengan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Menurut Ahli Sunah Waljamaah ketakutan yang dimaksudkan adalah:

- Mentaati dan mematuhi mereka dalam urusan kebaikan termasuk merealisasikan perintah mereka yang makruf dan membantu mereka dalam urusan kebaikan yang diperlukan atau diperintahkan.
- Tidak mentaati dan mematuhi mereka dalam urusan atau perintah bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.
- Mengakui, menghormati dan memuliakan kedudukan mereka sebagai pemimpin serta sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.
- Melaksanakan kebaikan bersama mereka.
- Tidak berusaha untuk menjatuhkan, membelot dan tidak menghina atau mencela mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kepada umat Islam supaya mentaati perintah pemimpin sebagaimana hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Barang siapa taat kepada ku, maka dia telah taat kepada Allah. Barang siapa tidak taat kepada ku, maka dia tidak taat kepada Allah. Barang siapa taat kepada pemimpin, maka dia telah taat kepada ku. Barang siapa tidak taat kepada pemimpin, maka dia tidak taat kepada ku.”

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang amat bertuah kerana dikurniakan seorang pemimpin yang adil laila bijaksana, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadda'ulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat mengasihi seluruh lapisan rakyat dan penduduk tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa taat, patuh dan menjunjung tinggi titah perintah baginda.

Perlu diketahui, taat dan patuh kepada pemimpin mempunyai pengertian yang amat luas. Ianya bukan sahaja terhad kepada mematuhi segala perintah dan arahan yang diberikan secara lisan sahaja bahkan ketaatan yang dimaksudkan meliputi mentaati dan mematuhi segala peraturan dan dasar negara, undang-undang dan sebagainya. Sesungguhnya ketaatan dan kesetiaan rakyat dan penduduk negara ini kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadda'ulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan kunci keimanan, kedamaian, keharmonian dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Keistimewaan yang paling unik bagi Negara Brunei Darussalam adalah hubungan Raja dengan rakyat, tiada tembok pemisah antara mereka. Kewajipan Raja berlaku adil kepada rakyat sementara kewajipan rakyat pula mentaati Raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada Raja. Ketahuilah, ketaatan dan kesetiaan rakyat serta penduduk negara ini kepada Raja tidak perlu diminta-minta atau dipaksa-paksa kerana rakyat dan penduduk menyedari bahawa mentaati Raja merupakan satu kewajipan, lebih-lebih lagi kita mempunyai seorang Raja yang mengutamakan kebijakan, kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini sehingga baginda dikenali sebagai seorang Raja pemedulian atau Raja prihatin. Baginda juga merupakan seorang pemimpin yang dedikasi terhadap tugas, adil dalam mengambil sebarang keputusan atau tindakan dan yang paling penting baginda menjadikan Al-Quran dan As-Sunah sebagai garis panduan dalam pemerintahan dan pentadbiran negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan Sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.”
(Riwayat Imam Malik).

Akhirnya, sebagai tanda syukur dan taat setia kita yang tidak berbelah bahagi kepada Raja yang dikasihi, maka marilah kita menghadirkan diri dan meramaikan Majlis Perasmian Eko-Koridor dan Majlis Junjung Kasih dan Kesyukuran yang akan diadakan pada 22 Oktober 2017. Marilah kita berdoa semoga Raja kita dikurniakan nikmat kesihatan yang berpanjangan dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan baginda kekal karar menerajui kepimpinan negara turun-temurun dengan iman dan takwa. Semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman damai dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang yang berkuasa) dari pada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantahan (berselisihan) dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada kitab Allah (Al-Quran) dan sunah Rasulullah jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."

Bersyukur dan berterima kasih

Keluaran Pelita Brunei 21 Oktober 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak dan tidak terkira kepada hamba-hamba-Nya seperti nikmat keamanan, kedamaian, kemakmuran, keselamatan, kesejahteraan dan sebagainya. Sememangnya kita tidak akan mampu untuk menghitung segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Tidakkah kita tahu bahwasanya Allah Subhanahu Wata'ala telah berjanji dalam Al-Quran, barang siapa yang bersyukur, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambahkan lagi nikmatnya dan barang siapa yang mengkufuri nikmat, maka Allah akan mengazabnya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu, maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Sesungguhnya syukur merupakan pujian, ingatan dan terima kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai orang Islam, kita hendaklah sentiasa mananamkan dalam jiwa dan sanubari sifat tawaduk dan sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita. Sesungguhnya mensyukuri nikmat Allah itu bukanlah satu perkara yang susah, sebenarnya ia mudah untuk dilakukan. Bersyukur atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala boleh dilakukan dengan pelbagai cara, antaranya:

- Bersyukur dengan hati: Mengakui sepenuhnya bahawa semua nikmat-nikmat tersebut adalah kurnia dan pemberian daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

- Bersyukur dengan lisan: Selalu memuji yang memberi nikmat, menyebut nikmat itu, mengulang-ulangnya serta menampakkan nikmat tersebut dengan bertahmid dan memuji Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengucapkan kalimat Thaiyyibah, iaitu شَمَّخَ اللَّهُ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Perkataan yang paling disukai Allah itu ada empat, Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah dan tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Allah Maha Besar.”

- Bersyukur dengan perbuatan: Menggunakan segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyalurkan pada jalan yang betul. Oleh itu, jika kita dikurniakan nikmat harta yang banyak, maka infakkanlah atau belanjakanlah seperti bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin, membantu orang yang memerlukan dan seumpamanya. Jika kita dikurniakan nikmat berupa ilmu pengetahuan, maka amalkan dan ajarkanlah kepada orang lain. Jika kita dikurniakan nikmat berupa perkataan atau kedudukan, maka jagalah ia dengan baik, jangan disalahgunakan dan gunakanlah untuk kebaikan dan kebijakan serta untuk mencegah kemungkaran.

Syukur boleh membersihkan jiwa, menenangkan hati dan perasaan serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Berterima kasih pula adalah salah satu dari erti syukur. Ini bermakna apabila kita menerima atau memperolehi kebaikan atau sesuatu daripada seseorang kita hendaklah berterima kasih dengan memberi pujian dan penghargaan. Berterima kasihlah kepada setiap orang yang berjasa dalam hidup kita seperti ibu bapa, keluarga, para ustaz, guru-guru, orang yang membantu dan mengajarkan kita walaupun satu ilmu, para ketua, pemimpin, pemerintah dan sebagainya. Janganlah bersikap lupa atau buat-buat lupa bak

kata pepatah seperti ‘kacang lupakan kulit’. Janganlah bersikap sompong dan bongkok dengan meninggalkan sikap berterima kasih. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

“Barang siapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, dia tidak bersyukur kepada Allah.”

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada bertitah semasa Majlis Istiadat Mengadap sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, antara petikan titah baginda: **“Kalau beta dilihat gembira, maka rakyat juga adalah berhak untuk gembira. Jika beta bersyukur, maka rakyat juga patut bersyukur.”** Sesungguhnya bersyukur itu sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan manusia supaya bersyukur terhadap segala nikmat yang dikurniakan. Ingatlah, Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mengubah segala bentuk nikmat yang telah dikurniakan kepada hamba-hamba-Nya di dunia ini selagi nikmat tersebut digunakan pada jalan yang diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat itu akan terus berkekalan selagi mereka taat dan bersyukur, tetapi jika mereka kufur akan nikmat tersebut, menderhaka dan meninggalkan segala suruhan-Nya dan melakukan segala larangan-Nya, maka mereka akan menerima balasannya sama ada di dunia maupun di akhirat.

Alhamdulillah, kita sebagai rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan, antaranya kemudahan air bersih, bekalan api elektrik, jalan raya, jambatan-jambatan dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti jambatan ini, maka jagalah kebersihan dan janganlah dibuang sampah sarap merata-rata sehingga mengganggu pengguna dan orang awam. Jambatan bukan tempat untuk berehat apatah lagi untuk berkelah

(picnic). Ia adalah untuk kegunaan ramai dan milik bersama, bukan untuk orang persendirian atau keluarga.

Sesungguhnya agama Islam tidak melarang umatnya untuk bermiaga. Bemiaga adalah sangat digalakkan. Oleh itu, pada waktu perayaan ini, para peniaga hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dengan bermiaga di tempat-tempat yang telah ditetapkan dan disediakan. Oleh yang demikian, apa yang paling penting adalah penjagaan kebersihan sama ada peniaga maupun orang ramai, makan dan minumlah dengan teratur jangan sampai berlakunya pembuangan sampah di merata tempat dan berselerakan. Pihak kerajaan telah menyediakan tong-tong sampah di tempat yang dikhaskan. Oleh itu, diseru kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjaga kebersihan dan menggunakan tong-tong sampah yang disediakan serta menjaga prasarana dan kemudahan-kemudahan awam seperti Taman Eko Koridor, Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan sebagainya dengan sebaiknya agar sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Menurut Statistik Sukatan Timbangan Berat Seksyen Perkhidmatan Sampah bahawa jumlah sampah yang dikutip pada 5 Oktober 2017 adalah sebanyak 35,000 kilogram atau 35 tan dan pada 14 Oktober 2017 adalah sebanyak 25,000 kilogram atau 25 tan. Sebagai pengguna kita hendaklah sama-sama menyedari dengan menjalankan tanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan memelihara prasarana serta kemudahan-kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya jangan dikotori, dirosakkan, dicacatkan, dipugut dan sebagainya. Sama-sama kita menjadi masyarakat yang pembersih dan tidak camah mata, elakkanlah negara kita menjadi tempat yang tidak bersih dan dipandang kotor oleh masyarakat luar. Jadilah masyarakat yang penyayang dan sentiasa bersyukur terhadap kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan mementingkan dan melazimkan kebersihan kerana kebersihan melambangkan keteguhan iman seseorang terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Adalah inda bisai jika dikenakan sesuatu tindakan, baru kitani sedar dan insaf kenapa inda awal-awal lagi kitani bersikap ubaya-ubaya dan pemeliharaan kitani kepada kebersihan dan kesempurnaannya.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan nikmat yang tidak terkira kepada hamba-hamba-Nya tanpa meminta balasan, walau bagaimanapun sebagai balasan terhadap kurnia nikmat tersebut kita hendaklah sentiasa memelihara dan membanyakkan syukur serta sentiasa mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga nikmat tersebut terus berkekalan dan sama-sama kita berdoa mudah-mudahan kita sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 152 tafsirnya:

“Maka ingatlah kamu kepada-Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat.”

Zahirkan taat setia kepada Raja

Keluaran Pelita Brunei 28 Oktober 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya sebuah negara yang makmur adalah menjadi impian setiap rakyat dan penduduk yang bernaung dalam sebuah pimpinan atau pemerintahan. Makmur dalam konteks bernegara bermaksud negara yang aman, damai, sejahtera, harmoni dan maju. Selain itu, negara yang makmur juga adalah sebuah negara yang bebas daripada kemungkar dan sentiasa menyeru kepada kebaikan dan kebajikan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 104 tafsirnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan), dan menyuruh berbuat yang makruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan."

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang aman, damai, makmur dan sejahtera di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kepimpinan bijaksana serta daulat baginda dalam memerintah negara, Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai sebuah negara Islam yang aman damai, makmur, digalati, penuh berdaulat dan mempunyai kestabilan politik serta ekonomi yang kukuh dan mantap setanding dengan negara-negara maju lain di dunia dalam berbagai-bagai bidang, baik dalam

bidang agama, sosioekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain lagi.

Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat pada tahun 1984, masyarakat antarabangsa kurang mengenali Negara Brunei Darussalam. Apabila sahaja negara kita mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab di peringkat antarabangsa mulai 1 Januari 1984, masyarakat luar mula kenal bahawa negara kita adalah negara yang mengamalkan ajaran agama Islam sebagai cara hidup dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara serta mengamalkan pemerintahan beraja. Dunia luar juga mula mengenali bahawa negara ini bukan sahaja sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil minyak dan gas, akan tetapi terkenal juga dengan keamanannya, kemakmurannya, kesejahteraannya, adat tradisi kemelayuannya yang masih utuh, rakyat dan penduduknya pula taat beragama serta mempunyai rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa', ayat 59 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunah Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."

Hasil kemantapan ekonomi dan politik negara, beberapa ketua-ketua negara dan kerajaan dari negara-negara luar telah mengadakan siri-siri lawatan. Pemimpin-pemimpin luar yang pernah mengadakan lawatan ke negara ini secara ikhlas telah mengagumi kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang maju dan berkembang pesat. Alhamdulillah dengan limpah dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan kebijaksanaan kepada pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, baginda telah memperkenalkan, mengharumkan dan menaikkan imej negara di mata dunia antarabangsa.

Walaupun negara kita kecil dari segi saiznya tetapi peranan yang kita mainkan di peringkat antarabangsa sangat besar dengan menyertai dan menjadi ahli kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), Anggota Pertubuhan Negara-Negara Komanwel (Commonwealth), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan sebagainya. Negara kita tidak lagi dipandang kecil, suara kita semakin matang dan keupayaan kita juga diakui dan diiktiraf sehingga kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia ini. Pencapaian sedemikian tidak mungkin akan wujud tanpa kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin yang kita sanjungi dan hormati, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala jua kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membuktikan bahawa kerajaan dan rakyatnya memperoleh pengiktirafan yang sewajarnya dalam kalangan negara-negara antarabangsa.

Oleh itu, kita seharusnya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di zaman era globalisasi yang penuh dengan persaingan, pergolakan dan perpecahan ini. Alhamdulillah, rakyat dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara, aman, makmur dan sejahtera di bawah pemedulian dan keprihatinan Raja yang sentiasa mengutamakan kebaikan, keharmonian, kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara serta menyemai semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan rakyat dan penduduknya, baginda juga seorang Raja yang sentiasa menyeru rakyat dan penduduknya kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran serta mengamalkan cara hidup berlandaskan ajaran agama Islam berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunah. Baginda juga menerajui Negara Brunei Darussalam ke arah sebuah negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur yang berpaksikan konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua sepanjang 50 tahun pemerintahan baginda, baginda telah membawa, meletakkan dan mengharumkan Negara Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa sebagai sebuah negara yang berupaya

memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan keharmonian sejagat dengan berpegang teguh kepada prinsip dan dasar saling hormat-menghormati, di samping menjaga hubungan baik dengan negara-negara lain di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Istiadat Mengadap sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, mengenai hubungan Raja dengan rakyat, antara lain baginda bertitah: ***"Kewajipan Raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula mentaati Raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada Raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini. Inilah rukun kehidupan kita di negara ini. Ia telah pun wujud dengan jayanya semenjak dari 600 tahun lagi. Marilah kita pelihara ia, dan teruslah memupuknya sehingga zaman-berzaman."***

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini marilah kita sama-sama sentiasa menzahirkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja yang kita kasih dan sayangi serta berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, dikurniakan nikmat kesihatan dan kebahagiaan yang berpanjangan serta kekal karar menerajui kepimpinan negara turun-termurun dengan iman dan takwa dan semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman damai dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Saba', ayat 15 tafsirnya:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk Saba' di Yaman, ada satu tanda yang membuktikan kemurahan Allah terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kebun yang luas lagi subur, sebuah di sebelah kanan dan sebuah lagi di sebelah kiri. Lalu dikatakan kepada mereka: Makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. Negeri kamu ini ialah negeri yang

baik, aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun.”

Khutbah Jumaat Bulan November 2017

Jaga keselamatan dan patuhi peraturan jalan raya

Keluaran Pelita Brunei 4 November 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak dan tidak terhitung kepada hamba-hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 34 tafsirnya:

“Dan Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya.”

Alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam, kita telah menikmati banyak kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan antaranya kemudahan air bersih, bekalan api elektrik, jalan raya dan sebagainya. Jalan raya adalah satu kemudahan awam yang menjadi penghubung di antara satu tempat ke satu tempat yang lain, termasuklah juga pembinaan jambatan-jambatan bagi kemudahan bersama. Oleh itu, sebagai pengguna kita hendaklah sama-sama menjalankan tanggungjawab dalam memelihara kemudahan-kemudahan itu supaya sentiasa dijaga dan sentiasa selamat digunakan.

Sesungguhnya semua perkara yang baik dan buruk itu adalah ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang pasti berlaku dan tiada siapa pun yang dapat menghalangnya. Walau bagaimanapun sebagai hamba Allah kita hendaklah berusaha dan berdoa serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar kita dihindarkan daripada sebarang musibah, malapetaka dan kecelakaan. Sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 51 tafsirnya:

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami, dan dengan kepercayaan itu maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal.”

Antara usaha kerajaan dalam memastikan dan memelihara keselamatan pengguna di jalan raya ialah dengan menubuhkan Pasukan Polis Diraja Brunei. Pasukan ini antara lain bertanggungjawab bagi memastikan dan menguatkuaskan undang-undang dan peraturan jalan raya serta berusaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna-pengguna jalan raya.

Oleh itu, bagi mengurangkan kes kemalangan jalan raya, beberapa usaha telah dijalankan seperti mengadakan sekatan-sekatan jalan raya bagi memastikan pengguna-pengguna akan lebih peka untuk memikul tanggungjawab bersama dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan di jalan raya. Perlu diingat, perkara-perkara dianggap remeh atau dianggap sebagai kesalahan kecil seperti tayar botak, memandu tanpa lesen, lampu yang tidak menyala, brek yang kurang berfungsi, mengubah suai kenderaan tanpa kebenaran dan seumpamanya boleh mengundang kecelakaan dan membawa maut.

Dalam menjaga keselamatan di jalan raya, kita hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan di jalan raya, di mana pun kita berada sama ada dalam negara maupun di luar negara. Oleh itu, apabila kita membuat kesalahan lalu lintas, berusahalah untuk menyelesaikan saman-saman yang dikenakan. Kita bertanggungjawab untuk menjelaskan kesemua denda-denda kepada pihak-pihak tertentu sama ada dalam negara maupun luar negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Jiwa orang mukmin terhalang oleh hutangnya sehingga hutang itu dibayar.” (Riwayat Ibnu Majah).

Akhirnya mematuhi peraturan-peraturan jalan raya itu adalah tanggungjawab bersama, sebagai pengguna jalan raya amalkanlah sifat hormat-menghormati dan bertolak ansur di jalan raya. Oleh itu, berhati-hatilah, menjaga keselamatan dan mematuhi peraturan jalan raya adalah tanggungjawab bersama, jangan disebabkan kelalaian dan kesilapan kita akan membawa padah kepada diri sendiri mahupun orang lain apatah lagi hingga menyebabkan kehilangan nyawa. Sama-sama lalah kita berdoa dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga kita dihindari daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Az-Zuhru, ayat 13 tafsirnya:

"Supaya kamu berada tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atasnya, serta kamu bersyukur dengan mengucapkan: Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya."

Hormati dan sayangi warga emas

Keluaran Pelita Brunei 11 November 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam memerintahkan umatnya agar saling hormat-menghormati dan saling menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa, darjah atau keturunan. Sikap hormat-menghormati perlu disemai sejak dari kecil lagi, lebih-lebih lagi dalam menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa, orang tua atau warga emas sama ada mempunyai hubungan kekeluargaan ataupun tidak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Daripada Anas bin Malik katanya: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Tiada seorang pemuda yang menghormati dan memuliakan seseorang yang tua usianya, melainkan Allah akan menentukan baginya orang lain yang akan menghormati kelak apabila ia pula mencapai usia tua." (Riwayat Imam At-Tirmidzi).

Kita amat bersyukur kerana di Negara Brunei Darussalam ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai warga emas di negara ini agar kebajikan mereka sentiasa terpelihara, menjadikan mereka warga yang sihat bergiat aktif serta dapat meneruskan sumbangan kepada pembangunan agama, bangsa dan negara. Atas sumbangan dan bakti mereka itu, maka lahirlah generasi berwawasan masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Perlu diketahui, tanggungjawab terhadap warga emas bukan sepenuhnya menjadi tanggungjawab kerajaan, akan tetapi ia adalah tanggungjawab semua pihak khususnya keluarga yang lebih akrab seperti anak-anak atau cucu-cucu. Warga emas tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban dan diabaikan kebajikannya. Tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada warga emas dalam meniti usia lanjut mereka selain mendapat perhatian dan kasih sayang daripada anak-anak dan cucu-cucu mereka. Sebagai seorang anak kita perlu faham ada kalanya kita akan menghadapi bermacam-macam kerena ketika menjaga orang tua.

Ada orang tua yang sikapnya semakin pemarah, cerewet, semakin sensitif, mudah tersinggung perasaan dan seumpamanya. Dalam menghadapi situasi demikian sebagai seorang anak hendaklah bersabar melayani kerena mereka, jangan sesekali memaki hamun, mengherdik, apatah lagi menggertak dan memukul kerana perbuatan sedemikian akan mengguris perasaan, menyakiti hati dan setentunya merupakan penganiayaan terhadap mereka. Ingatlah jasa dan pengorbanan mereka tidak akan dapat dibalas walau dengan harta, nyawa dan wang ringgit yang banyak sekalipun, tidak akan terbalas.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 tafsirnya:

“Dan ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengambil janji setia dengan Bani Israel dengan berfirman: Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa.”

Selain dari memberi kasih sayang dan perhatian terhadap ibu bapa atau orang tua, anak-anak wajib berlaku sopan dan hormat. Janganlah bercakap kasar apatah lagi meninggikan suara dan hendaklah memanggil mereka dengan perlahan, suara yang lemah lembut dan panggilan yang menyenangkan serta menggembirakan hati mereka. Apabila mereka memanggil hendaklah kita mendatangi serta menjawab pertanyaannya dengan segera dan sopan, apabila mereka meminta bantuan kita hendaklah melaksanakannya kecuali perkara-perkara yang dilarang oleh agama.

Selain itu, janganlah sesekali kita mengabaikan dan membiarkan mereka tinggal bersendirian apatah lagi dalam keadaan uzur. Perlu diingat bahawa pengabaian itu adalah salah satu perbuatan derhaka terhadap ibu bapa yang patut kita hindari. Sentiasalah kita mendoakan kesihatan, kebaikan, keampunan dan kerahmatan untuk kedua-duanya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 24 tafsirnya:

“Dan hendaklah engkau merendah diri dengan kasih sayang dan berdoalah untuk keduanya: Ya Tuhan! Kurniakan rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil lagi.”

Sesungguhnya fitrah manusia tidak akan lari dari peningkatan dan perubahan usia dan hakikatnya pada ketika itu kita akan menjadi serba kekurangan sama ada dari segi kekuatan anggota tubuh badan, daya ingatan dan juga perasaan. Pada ketika itu barulah kita sedar dan merasakan apa yang orang tua rasa pada masa ini. Oleh itu, ketika mereka masih hidup, inilah kesempatan untuk kita berbakti serta berbuat baik kepada mereka dan jika mereka sudah tiada, ziarahilah tanah perkuburan mereka dan sentiasa mendoakan keampunan dan kerahmatan untuk mereka.

Marilah kita sama-sama menghormati dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa dan warga emas dan janganlah kita abaikan dan sia-siakan hidup mereka, berikanlah kasih sayang yang sepenuhnya dan pastikanlah kehidupan mereka sempurna, terjamin dan sejahtera. Sama-sama lah berdoa, semoga kita dan zuriat keturunan kita akan sentiasa dapat berbuat amal soleh dan mendapat keredaan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Ahqaf, ayat 15 tafsirnya:

“Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Sedang tempoh mengandungnya dan tempoh menghentikan

penyusuan ialah dalam masa 30 bulan. Apabila dia cukup dewasa dan sampai ke peringkat umur 40 tahun, dia berdoa: Ya Tuhan! Kurniakanlah aku ilham supaya aku tetap bersyukur terhadap nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amalan soleh yang Engkau redai, dan kurniakanlah kebaikan kepada aku dengan mengurniakan kebaikan kepada zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu, dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri kepada-Mu.”

Syukuri kepimpinan agama, 50 tahun pemerintahan Raja

Keluaran Pelita Brunei 18 November 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Ilmu adalah anugerah Allah Subhanahu Wata’ala yang amat berharga dan besar faedahnya kepada umat manusia. Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat adalah dengan ilmu pengetahuan. Tidak ada masyarakat yang berjaya dan maju tanpa adanya ilmu pengetahuan. Ketahuilah, menuntut ilmu diwajibkan ke atas setiap umat Islam dan menuntut ilmu merupakan suatu ibadat yang dijanjikan ganjarannya yang sangat besar antaranya ialah dipermudahkan jalannya menuju ke syurga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

“Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: “Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudahkan baginya satu jalan untuk ke syurga.” (Riwayat Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya orang yang berilmu dipandang tinggi oleh masyarakat dan orang yang memiliki ilmu juga sangatlah beruntung kerana ilmu itu adalah jiwa dan harta yang tidak akan hilang dan habis. Ketahuilah, ilmu itu sangat luas dan banyak, manakala ilmu yang ada pada diri kita sebenarnya hanyalah sedikit.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Isra’, ayat 85 tafsirnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu wahai Nabi Muhammad tentang hakikat roh.

Katakanlah: Roh itu adalah daripada urusan Tuhanmu dan kamu tidak dikurniakan ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja.”

Alhamdulillah, kita di bumi Darussalam ini sangat menyangung tinggi kepentingan ilmu pengetahuan. Oleh itu, pada setiap tahun sejak dari tahun 2004, negara kita telah mengadakan Majlis Ilmu bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana pada tahun ini adalah bertepatan dengan Sambutan Jubli Emas Baginda Menaiki Takhta dengan tema ‘Mensyukuri Kepimpinan Terutama Perkhidmatan Agama Sepanjang 50 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam’.

Majlis Ilmu merupakan antara mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagai wadah yang berterusan untuk menghidangkan ilmu dan maklumat yang sangat bernilai, berguna dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Selain itu, Majlis Ilmu pada tahun 2017 ini berperanan dalam menyampaikan pengetahuan dan kefahaman mengenai pendidikan, takmir masjid, dakwah dan syiar, kepimpinan akar umbi, perundangan syariah dan fatwa, sosial dan ekonomi terutamanya bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan agama. Majlis Ilmu ini juga bertujuan untuk mengukuhkan peranan undang-undang syariat, institusi pendidikan, institusi kepimpinan akar umbi, serta memantapkan lagi dakwah dan syiar di Negara Brunei Darussalam.

Huraian tema Majlis Ilmu pada tahun ini memperjelaskan konsep pemerintahan dan kepimpinan Raja soleh dari berbagai sudut melalui pembentangan kertas-kertas kerja seminar, ceramah khas, ceramah perdana dan forum perdana dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing dari dalam dan luar negara. Majlis pada tahun ini menampilkan satu kelainan, iaitu ucapan ikrar yang bertujuan untuk memantapkan lagi rasa kesetiaan dan cinta rakyat kepada Raja yang dikasihi, menzahirkan rasa syukur terhadap kesejahteraan dan keharmonian

di bawah pimpinan baginda dan memupuk semangat berpasukan dalam menanai bersama tanggungjawab hal ehwal keagamaan atas dasar Raja adalah ketua agama di Negara Brunei Darussalam. Antara petikan ucapan ikrar itu ialah:

Memelihara serta mempertahankan pemerintahan negara Melayu Islam Beraja, taat setia menjunjung tinggi keutuhan dan kedaulatan Raja dengan sentiasa:

- Mendukung kepimpinan dan wawasan Raja demi kemajuan agama Islam sebagai agama rasmi negara.
- Memelihara tradisi hidup berbaik-baik semua kalangan rakyat dan penduduk demi keamanan dan keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan.
- Berusaha dan bekerjasama memaju dan menjayakan semua bidang perkhidmatan kerajaan khasnya perkhidmatan bidang agama di bawah kepimpinan bijaksana Raja demi mengekalkan rahmat dan berkat kepada negara dan rakyat.

Tema Majlis Ilmu pada tahun ini mendorong kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk mensyukuri nikmat dan rahmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada bumi Darussalam yang sentiasa dalam keadaan aman damai dan makmur di bawah pimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam perkhidmatan agama. Baginda adalah seorang pemimpin yang wajib ditaati dan dicontohi kerana menempatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan menjadikannya sebagai tunggak dalam pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan Negara Brunei Darussalam.

Pada menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang agama Islam di Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang menjadi undang-undang utama. Undang-undang ini membuktikan bahawa syiar Islam di negara ini telah mencapai matlamat bagi pembentukan sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengingati dan mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua tindak-tanduk yang diambil, sentiasa menyebut dan mengamalkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam segenap bidang kehidupan dan tidak meminggirkan Al-Quran dan As-Sunah serta sentiasa menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 104 tafsirnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan (kebaikan), dan menyuruh berbuat yang makruf, serta melarang daripada yang mungkar dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan."

Akta Pendidikan Agama Wajib merupakan undang-undang yang dikuatkuasakan khusus dalam bidang pendidikan agama dan ia bertujuan bagi memantapkan lagi pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam agar tidak ada rakyat dan penduduk negara ini tercicir dalam pendidikan agama. Ini bererti kemantapan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam juga dapat menjamin keselamatan serta keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah sentiasa memanjatkan syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan, prasarana, perkhidmatan, kemajuan dan pembangunan yang berterusan untuk dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat jelata terutamanya perkhidmatan bidang agama sepanjang 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 tafsirnya:

"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu dengan sejelas-jelasnya, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur terhadap nikmat itu maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras."

Maksud ayat Al-Quran tersebut menjelaskan bahawa selama mana kita mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan memelihara dan menggunakannya dengan baik dan tidak menyalahgunakannya, maka selama itulah Allah akan menambahkan lagi nikmat yang ada seperti nikmat ketenangan, kesejahteraan dan keharmonian di Negara Brunei Darussalam yang

kita cintai ini. Oleh itu, marilah kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, semoga nikmat tersebut akan terus berkekalan dan sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan kita menjadi hamba-hamba Allah yang sentiasa bersyukur dan mendapat perlindungan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 152 tafsirnya:

"Maka ingatlah kamu kepada-Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat."

Terapkan etika dan nilai-nilai murni Islam

Keluaran Pelita Brunei 25 November 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita adalah agama yang sempurna dan lengkap yang mementingkan kebahagiaan umatnya di dunia dan di akhirat. Dalam hal ini, kita dianjurkan supaya sentiasa mempertingkatkan usaha dalam membuat amal kebaikan dan ibadat termasuklah dalam kita mencari nafkah, iaitu bekerja bagi mencari rezeki untuk memenuhi keperluan hidup sehari-hari.

Oleh itu, rezeki yang diperolehi itu hendaklah dari sumber yang baik dan halal serta diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Untuk memenuhi keperluan tersebut hendaklah berusaha termasuk bekerja dengan niat yang ikhlas supaya pekerjaan itu mendatangkan berkat dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh An-Nasa'i daripada Abu Umamah Al-Bahili, maksudnya:

"Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala sahaja."

Sambil itu kita hendaklah sentiasa berakhhlak mulia seperti jujur, ikhlas, sabar dan sebagainya dan menjauhi daripada bersifat keji seperti hasad dengki, dusta, menipu, khianat, pecah amanah, penyelewengan, salah guna kuasa dan lain-lain lagi. Ingatlah, pangkat atau kuasa yang diberikan bukanlah satu keistimewaan tetapi adalah satu amanah atau tanggungjawab yang amat berat dan wajib

ditunaikan dengan seadil-adilnya. Oleh itu, kita hendaklah memikul dan mananai tanggungjawab serta amanah yang telah diberikan dengan tulus ikhlas, jujur dan amanah.

Sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah orang yang takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bersifat amanah, boleh dipercayai, mempunyai kemampuan dan bertanggungjawab. Dalam bekerja sememangnya banyak tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan termasuklah perkara-perkara rahsia yang mesti dijaga kerahsiaannya. Oleh itu, janganlah bersikap khianat sehingga menjelaskan sesebuah pentadbiran, yang akhirnya akan membawa bencana dan mendatangkan masalah kepada sesebuah organisasi dan negara.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Anfal, ayat 27 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu yang diamanahkan kepada kamu sedang kamu mengetahui."

Negara kita baru sahaja menyambut Hari Perkhidmatan Awam. Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini adalah 'Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif', tema ini bertujuan memberi penekanan terhadap Perkhidmatan Awam yang berdaya maju dan terus berusaha untuk menyediakan persekitaran yang baik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat.

Ianya juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan bagi merealisasikan wawasan negara.

Dalam ke semua itu, ke arah mencapai dan melaksanakannya hendaklah berpandu kepada ajaran agama kita seperti yang disebutkan awal-awal tadi. Warga Perkhidmatan Awam merupakan nadi utama dalam memacu pembangunan sosioekonomi dan pembangunan negara. Begitu juga sektor swasta dan perusahaan

kecil dan sederhana. Oleh itu, pekerja yang diberi tanggungjawab berperanan untuk memikul dan melaksanakan tugas dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah. Ketahuilah, amanah yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala akan dipersoalkan dan dipertanggungjawabkan kepada kita di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muddatstsir, ayat 38 tafsirnya:

“Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang telah dilakukannya.”

Sesungguhnya warga Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa bijak dalam menjalankan tugas harian, antaranya adalah:

Pertama: Bijak dalam membuat keputusan: Keputusan yang dibuat hendaklah tepat, adil, memberikan kesan yang baik dalam jangka masa yang pendek dan panjang, memberikan keuntungan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, apabila membuat sesuatu keputusan kita hendaklah bersifat amanah, jujur dan ikhlas.

Selagi di dalam jiwa kita ditanamkan dengan sifat-sifat ini sudah tentu kita tidak akan melakukan kezaliman atau membuat keputusan mengikut perasaan.

Kedua: Bijak dalam perbelanjaan: Dalam sesebuah organisasi, kebijaksanaan dalam merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan sangat mustahak. Setiap perbelanjaan yang dirancang hendaklah dibuat dengan teliti, teratur dan berbelanjalah mengikut keperluan atau keutamaan agar tidak berlakunya pembaziran.

Ketiga: Bijak dalam penggunaan masa: Menggunakan dan memanfaatkan waktu bekerja dengan sebaik-baiknya secara produktif dan berkesan. Jangan berlengah-lengah atau sembil lewa dalam membuat sebarang pekerjaan.

Kita akan sentiasa mendukung dan bekerjasama dengan Perkhidmatan Awam, kita yakin penjawat-penjawat awam akan sentiasa berakhhlak mulia lagi terpuji seperti bersifat jujur, amanah dan bijaksana serta melaksanakan pekerjaan dengan cekap dan penuh dedikasi demi membangun agama, bangsa dan negara. Kita mendoakan mudah-mudahan sekalian penjawat-penjawat awam akan sentiasa mendapat rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Qashash, ayat 26 tafsirnya:

“Seseorang daripada mereka berkata: Wahai bapaku, ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja adalah orang yang kuat lagi amanah.”

Menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah

Keluaran Pelita Brunei 2 Disember 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan yang telah mencatatkan peristiwa penting dalam sejarah Islam. Dalam bulan inilah lahirnya Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, insan yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah penutup segala anbia dan kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat ke seluruh alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbia, ayat 107 tafsirnya:

“Dan Kami tidak mengutus engkau wahai Nabi Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut sunah yang dibawa oleh Baginda. Salah satu antara cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Baginda ialah dengan membanyakkan bacaan selawat. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dan para Malaikat juga berselawat ke atas Baginda. Adapun maksud selawat daripada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Baginda itu adalah bererti rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala untuk Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selawat daripada Malaikat bererti doa-doa dan memohon keampunan untuk Baginda dan selawat daripada umat Islam bererti doa-doa memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan, kehormatan dan kepujian kepada Baginda.

Ketahuilah selawat adalah disunatkan untuk dilafazkan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira waktu dan bukan hanya dilafazkan pada waktu-waktu tertentu seperti bulan Rabiulawal atau hari kelahiran Baginda sahaja. Selawat memang cukup mudah untuk dilafazkan dan tidak mengambil masa yang lama untuk melakukannya dan sekurang-kurangnya lafaz itu ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Ketahuilah, semakin banyak kita berselawat, semakin besar pula ganjaran yang akan kita perolehi, antara kelebihan orang yang berselawat itu ialah:-

- Allah Subhanahu Wata'ala akan berselawat (memberi rahmat, cahaya dan ganjaran) kepada orang yang berselawat.
- Mendapat syafaat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak.
- Setiap satu selawat diangkat baginya 10 darjat dan dicatatkan baginya 10 kebaikan serta dihapuskan daripadanya 10 kejahanatan.
- Dimakbulkan doa-doanya, ditunaikan hajatnya dan ditutup aibnya.
- Mendapat petunjuk serta hatinya terbuka untuk menerima cahaya kebenaran.
- Terlepas daripada huru-hara pada hari kiamat.
- Menjauahkan kerugian, penyesalan dan tergolong ke dalam golongan orang-orang yang soleh.

Melihat betapa banyaknya ganjaran bagi orang yang berselawat, maka alangkah ruginya jika kita tidak memperbanyak selawat dan menjadikannya sebagai zikir dan amalan harian. Ketahuilah, banyak jenis selawat yang boleh diamalkan, antara selawat-selawat yang masyhur adalah Selawat Ibrahimiah, Selawat Al-Munjiyah, Selawat As-Syifa, Selawat At-Tafrijiyah dan lain-lain lagi.

Selawat Al-Munjiyah telah disebutkan kelebihannya oleh Al-Imam Al-Faqihani setelah mendengar daripada Sheikh Musa Adhdharir Rahimallahu Ta'ala bahawa Sheikh Musa pernah belayar di tengah-tengah lautan yang besar bersama-sama dengan beberapa orang anak kapal yang lain. Tiba-tiba kapal mereka dipukul ribut

yang amat dahsyat. Sheikh Musa yang tertidur kerana keletihan telah bermimpi didatangi oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memerintahkan beliau dan semua anak kapal itu supaya membaca Selawat Al-Munjiyah sebanyak 1,000 kali, tetapi bila dibaca 300 kali sahaja, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala angin pun berhenti dan laut menjadi tenang.

Sehingga hari ini, ramailah ulama-ulama dan pengarang-pengarang kitab menganjurkan kepada orang-orang Islam mengambil tabaruk dengan bilangan-bilangan yang disebutkan itu. Lafaz Selawat Al-Munjiyah itu ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَفِعْنِي لَكَ بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَنَفِعْنِي لَكَ بِهَا مِنْ جَمِيعِ الشَّرِّينَ وَنَزِّلْنِي لَكَ بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدُّرُجَاتِ وَنَبِّلْنِي لَكَ بِهَا أَنْفُسَ النَّذَارَاتِ مِنْ جَمِيعِ الظَّمَارَاتِ فِي الْجَنَّةِ وَنَعْدِدُ الْمَنَافِعَ بِرَحْمَتِكَ بِأَرْحَمِ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: "Ya Allah limpahkanlah rahmat kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang dengan rahmat itu Engkau akan menyelamatkan kita dari semua keadaan yang mendebaran dan dari semua cubaan, yang dengan rahmat itu Engkau akan mendatangkan kepada kita hajat, yang dengan rahmat itu Engkau akan membersihkan kita dari semua keburukan atau kesalahan. Yang dengan rahmat itu Engkau akan mengangkat kita kepada setinggi-tinggi darjat. Yang dengan rahmat itu pula Engkau akan menyampaikan kita kepada sesempurnanya semua maksud dari semua kebaikan pada waktu hidup dan setelah mati."

Selawat At-Tafrijiyah atau An-Nariyyah di dalam Kitab Al-Jauhar Al-Mauhub Wa Munabbihat Al-Qulub, Imam Ad-Dinauri ada menyatakan: Barang siapa membaca selawat ini 11 kali pada tiap-tiap selepas sembahyang, nescaya tidaklah putus rezekinya dan dia akan mencapai martabat yang tinggi. Begitu juga Imam Al-Qurtubi ada berkata:

“Barang siapa membaca selawat ini tiap-tiap hari sebanyak 41 kali atau 100 kali atau lebih, diangkat oleh Allah Subhanahu Wata’ala akan dukacitanya dan martabatnya dan diluaskan rezekinya dan dibukakan baginya segala pintu kebajikan.”

Lafaz selawat At-Tafrijiyah atau An-Nariyah itu ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِيَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّى بِهِ
الْغَفَّادُ، وَتَنَرَّجَ بِهِ الْكَثْرَبُ، وَتَقْضَى بِهِ الْخَوَالِيْخُ، وَتَنَالُ بِهِ الرَّغَابَتُ، وَخَسِّنَ
الْخَوَالِيْخُ، وَتُشَنَّى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ
فِي كُلِّ لَنْحَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Maksudnya: “Ya Allah! Limpahkanlah rahmat yang sempurna dan berilah kesejahteraan yang sempurna kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi sebab terlepasnya sesuatu yang masih mengalami jalan buntu dan terbukanya kesempitan serta didatanginya semua hajat dan diperoleh semua pemberian serta Husnul Khatimah (sempurna akhir hayatnya) dan diturunkan siraman mendung hujan lantaran keagungan Baginda. Dan limpahkanlah rahmat dan salam kepada keluarga Baginda dan sahabat di dalam setiap kerlipan mata dan nafas dengan bilangan semua yang diketahui oleh-Mu, wahai Zat yang Menguasai Seluruh Alam.”

Bersempena bulan yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia memperingati Hari Kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda dengan menganjurkan berbagai-bagai acara keagamaan, seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Di samping itu, diadakan juga majlis-majlis ceramah agama, forum dan acara kemuncak perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam peringkat negara. Semua itu kita adakan bagi menzahirkan rasa

kecintaan terhadap Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh yang demikian, sama-sama kita sentiasa membanyakkan, menghayati dan mengamalkan selawat pada setiap masa dan ketika kerana selawat adalah ibadat, ubat, penawar dan cahaya. Bagi yang mengikuti perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sama-sama kita menggemarkan suasana perarakan itu dengan laungan selawat agar perarakan yang dilakukan tidaklah semata-mata berjalan sahaja, bahkan perarakan yang dilakukan adalah sebagai ibadat, ingatan dan kasih sayang kita terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan selawat yang kita baca dengan rasa kasih sayang itu kita akan beroleh syafaat daripada Baginda di hari akhirat kelak. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah An-Nisa, ayat 80 tafsirnya:

“Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling daripada ketaatan itu, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka daripada melakukan kesalahan.”

Hargai nyawa, patuhi peraturan jalan raya

Keluaran Pelita Brunei 9 Disember 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama kita mengajar umatnya supaya menanamkan dalam jiwa mereka sifat-sifat 'Mahmudah' (terpuji) seperti berbuat baik, prihatin, pemedulian, bertolak ansur, bantu-membantu, bekerjasama, berkasih sayang, memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 tafsirnya:

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebijakan dan ketakwaan, dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat sekannya."

Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan berbagai prasarana dan kemudahan-kemudahan untuk rakyat dan penduduknya. Adapun antara prasarana dan kemudahan itu ialah jalan raya bagi kegunaan orang ramai. Oleh itu, sebagai pengguna jalan raya, kita hendaklah sentiasa mengikut dan mematuhi akta dan peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Selain itu, kita juga mestilah sentiasa bersifat sabar, bertolak ansur, bertimbang rasa, hormat-menghormati, tolong-menolong dan sentiasa berwaspada, lebih-lebih lagi pada waktu-waktu kesesakan jalan raya seperti pada musim-musim perayaan, ketika berlaku kemalangan dan ketika mengantar dan mengambil anak-anak dari sekolah.

Bagi menjamin keselamatan pengguna di jalan raya para pemandu kenderaan bermotor seperti kereta, bas atau kenderaan berat mestilah berhati-hati dan peka dengan keberadaan pengguna jalan raya yang lain seperti penunggang basikal, pelari dan pejalan kaki lebih-lebih lagi ketika melalui kawasan-kawasan umum seperti tempat-tempat riadah, rekreasi dan sebagainya. Para pemandu juga diingatkan supaya sentiasa memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keselamatan, elakkan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, sama ada membuat dan menjawab panggilan atau membuat dan membala pesanan ringkas, patuhilah lampu isyarat lalu lintas, ikutilah had laju yang dibenarkan, pandulah secara berhemah, sentiasalah memeriksa kenderaan sebelum menggunakan dan sebagainya.

Selain itu, penunggang motosikal, basikal, pelari dan pejalan kaki juga hendaklah mematuhi peraturan jalan raya dan seeloknya hendaklah memakai jaket keselamatan yang mempunyai pemantul cahaya bagi menghindari dari perkara-perkara yang tidak diingini lebih-lebih lagi pada waktu malam. Ingatlah, kecuaian dan kelalaian ketika berada di jalan raya bukan hanya akan mengakibatkan kerosakan dan kerugian harta benda bahkan kecederaan dan juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Perangkaan dari bulan Januari 2017 hingga September 2017 merekodkan sebanyak 2,325 kes kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian seramai 21 orang.

Alhamdulillah, pelbagai usaha telah dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya, antaranya ialah penguatkuasaan aturan-aturan lalu lintas jalan raya (komposisi kesalahan) 2016 yang bertujuan untuk mengukuhkan dan pengemaskinian undang-undang dan peraturan. Oleh itu, sentiasalah mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya yang disediakan untuk kebaikan bersama. Ketahuilah bahawa peraturan yang dibuat adalah untuk kemaslahatan, bayangkan jika hidup kita tanpa ada peraturan, nescaya akan berlaku kesusahan dan kesukaran. Dalam memastikan keselamatan orang ramai terutama keselamatan nyawa para pengguna jalan raya dan mengelakkan dari berlakunya kerosakan harta benda kerajaan dan harta benda orang awam, usaha-usaha terus dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan

dan pertubuhan bukan kerajaan. Antaranya dengan mengadakan Bengkel Sistem Bermotosikal, menguatuskan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP), perlaksanaan penuh pendaftaran dan pelesenan trailer perahu, garis panduan tuntutan kenderaan (MCG) dan sebagainya.

Dalam menyedarkan pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati dan mengelakkan daripada berlakunya kemalangan di samping usaha, akta dan peraturan yang telah ditetapkan, apa yang lebih penting ialah di mana pun kita berada sentiasalah memanjatkan doa dengan memohon perlindungan serta berserah diri dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah sesungguhnya semua perkara itu adalah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan kepada-Nya jualah kita akan kembali. Oleh itu, antara amalan-amalan atau doa-doa yang dianjurkan oleh agama Islam sebelum keluar rumah, antaranya ialah membaca Surah Al-Fatiha, ayat Kursi, Surah Al-Quraisy, doa-doa keluar rumah, iaitu:

بِسْمِ اللَّهِ، تُوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksudnya: "Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tiada daya serta upaya kecuali dengan keizinan Allah."

Akhirnya, sama-sama kita bertanggungjawab mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan. Amalkanlah sifat bersopan santun, hormat-menghormati, bertolak ansur dan ingatlah jalan raya adalah milik bersama janganlah bersifat mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan keselamatan dan nyawa pengguna yang lain. Sama-sama kita berdoa semoga kita dihindarkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini dan sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Az-Zukhruf, ayat 13-14 tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami."

Pengamal rasuah dilaknat Allah dan Rasul-Nya

Keluaran Pelita Brunei 16 Disember 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama kita menganjurkan kita untuk sentiasa berusaha mencari rezeki yang halal lagi baik. Oleh itu, dalam mencari rezeki kita hendaklah mengikut landasan ajaran agama agar rezeki yang diperolehi itu tidak dicemari dengan perkara-perkara yang menyalahi hukum syarak, etika dan moral seperti melakukan rasuah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 tafsirnya:

"Wahai manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu."

Rasuah adalah suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab tertentu bagi melakukan perkara yang dihajati dapat diperolehi, diselesaikan, disegerakan dan sebagainya. Ketahuilah, rasuah merupakan perbuatan yang keji dan dilarang dalam agama Islam dan ia boleh terjadi dalam berbagai bentuk antaranya:

Pertama, pemberian rasuah melalui pemberian wang atau apa juu pemberian, pinjaman, upah, ganjaran berharga atau harta benda lain atau kepentingan harta benda dalam apa bentuk sama ada wang boleh digerakkan atau tidak.

Kedua, pemberian rasuah melalui pemberian jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan atau perjanjian memberi pekerjaan atau khidmat.

Ketiga, pemberian rasuah melalui pemberian pembayaran, pembebasan, penjelasan atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggungjawab atau tanggungan, sama ada sebahagian atau keseluruhannya.

Keempat, pemberian rasuah melalui pulangan berharga, diskaun, komisen, rebat dan bonus.

Kelima, pemberian rasuah melalui pemberian bantuan, persetujuan atau pengaruh.

Keenam, pemberian rasuah melalui tawaran, jaminan atau janji untuk memberi apa jua suapan.

Sesungguhnya mereka yang melakukan perbuatan rasuah merupakan orang yang tidak berintegriti, tidak bermoral, tidak jujur dan tidak amanah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi peringatan kepada umatnya bahawa hilangnya sifat amanah dalam masyarakat merupakan antara tanda-tanda kecil berlakunya hari kiamat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 27 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diamanahkan kepada kamu sedang kamu mengetahuinya."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya melaknat pemberi, penerima dan pengantara perbuatan rasuah. Laknat Allah Subhanahu Wata'ala bukanlah suatu perkara yang boleh diambil ringan. Seseorang yang dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah mereka yang jauh daripada mendapat rahmat dan taufik daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Apabila tidak mendapat rahmat, maka jauhlah dia daripada segala kebaikan dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda, maksudnya:

"Daripada Abdullah bin Amru katanya: "Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Amalan rasuah memberi kesan yang buruk, bukan sahaja kepada individu bahkan juga terhadap masyarakat dan negara. Antara kesan buruk kepada individu ialah seperti kejatuhan moral atau maruah, kehilangan pekerjaan, hilang kepercayaan masyarakat dan sebagainya. Manakala antara kesan buruk rasuah terhadap masyarakat dan negara ialah seperti mengakibatkan ketidakadilan disebabkan mengenepikan hak-hak orang tertentu, melindungi dan menggalakkan jenayah, menjelaskan kecekapan dan integriti pentadbiran, menjelaskan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan, menurunkan mutu dan kualiti kerja dan sebagainya.

Antara punca berlakunya rasuah adalah disebabkan kurangnya keimanan dan ketakwaan. Seseorang itu mengetahui bahawa rasuah dilarang oleh agama dan undang-undang tetapi dilakukan juga kerana matanya dikaburi oleh harta dunia, imbuhan dan ganjaran yang banyak. Begitu juga tekanan hidup seperti terlalu banyak hutang dan kurang bijak dalam mengurus kewangan juga boleh menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam gejala rasuah. Faktor kelemahan dalam kepimpinan dan pengurusan sebuah organisasi juga boleh memberi ruang dan kesempatan kepada pemberi dan penerima rasuah untuk melakukan jenayah. Ketahuilah mereka yang melakukan rasuah didorong oleh sifat tamak untuk hidup mewah, menjana pendapatan lebih dan ingin hidup senang dengan mudah.

Sesungguhnya, rasuah tidak pernah menjanjikan kesenangan yang sebenar walaupun kita beroleh keuntungan yang sangat besar daripadanya. Ketahuilah, hasil yang diperolehi melalui rasuah adalah haram dan tidak berkat.

Sesungguhnya, kita memberi makan dan minum kepada anak isteri serta keluarga kita dari sumber yang haram? Ingatlah, memakan makanan dari sumber

yang haram, maka nerakalah lebih utama baginya, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

“Daripada Jabar bin Abdullah Radhiallahuanhu, bahwasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak akan memasuki syurga, daging yang tumbuh daripada yang haram, api neraka lebih utama baginya.” (Riwayat Imam Ahmad).

Orang yang melakukan rasuah, ibadah sembahyang dan doa-doanya tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala. Apabila seseorang itu berdoa tetapi tangan yang ditadahnya itu digunakan untuk menerima dan memberi rasuah, makanan yang masuk melalui mulutnya yang kumat-kamit berdoa itu pula bersumberkan daripada rasuah, pakaian yang dipakainya juga daripada hasil rasuah, maka bagaimana doa-doa orang itu hendak dikabulkan dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata’ala? Orang yang memakan harta secara batil seperti rasuah adalah tergolong sebagai orang yang muflis di akhirat kelak.

Maksud muflis di akhirat itu ialah segala amal kebaikan diambil dan diberikan kepada orang yang pernah dizalimi di dunia. Jika amalnya tidak mencukupi untuk menebus dosa-dosanya, maka kejahanatan orang yang dizalimi itu akan dipindahkan kepadanya kemudian dia dimasukkan ke dalam neraka.

Sesungguhnya rasuah tidak sesekali akan berlaku jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran Islam, sentiasa memantapkan keimanan dan ketakwaan serta takut kehadrat Allah Subhanahu Wata’ala walaupun berpeluang untuk melakukannya. Akhirnya, marilah kita berdoa supaya kita dijauhkan daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar seperti rasuah dengan sentiasa menanamkan sikap amanah, jujur dan ikhlas dalam setiap tugas dan pekerjaan serta sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari berbuat kejahanatan.

Mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Aamiin Ya Rabbal ‘Alamiin.

Surah Al-Baqarah, ayat 188 yang tafsirnya:

“Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya.”

Amalan bersedekah menutup bermacam-macam pintu keburukan

Keluaran Pelita Brunei 23 Disember 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menggalakkan umatnya supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah kebaikan dan ketakwaan kerana dengan berbuat demikian boleh menimbulkan perasaan hormat menghormati, kasih mengasihi dan saling menyayangi di antara satu sama lain. Salah satu cara untuk kita melaksanakan konsep tolong-menolong dan bantu-membantu adalah dengan bersedekah, iaitu menolong orang yang susah dan yang memerlukan bantuan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2, tafsirnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebaikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya.”

Dalam mengerjakan amalan atau kesempurnaan bersedekah, agama kita telah mengajarkan beberapa adab ketika bersedekah supaya sedekah itu tidak menjadi perbuatan yang sia-sia, antara adab-adab tersebut adalah:

Pertama: Barang yang disedekahkan itu hendaklah baik dan elok. Allah Subhanahu Wata'ala melarang bersedekah dengan benda-benda yang tidak baik.

Kedua: Sesuatu yang disedekahkan hendaklah daripada yang halal, bukan yang haram atau syubhah.

Ketiga: Sunat bersedekah atau menderma benda-benda yang disukai dan disayangi.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 92 yang tafsirnya:

“Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai hakikat kebaktian yang sempurna hingga kamu menafkahkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu nafkahkan itu maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.”

Amalan bersedekah walau sedikit atau banyak sama ada diberikan secara terang-terangan atau secara sembunyi pasti mendapat ganjaran pahala yang setimpal, sama ada sedekah tersebut diketahui orang ataupun tidak asalkan amalan sedekah tersebut dilakukan dengan jujur, amanah dan ikhlas.

Sedekah yang disumbangkan secara terang-terangan perlu didedahkan kepada orang ramai untuk menggalakkan dan mendorong orang lain untuk bersedekah seperti kempen untuk mengutip derma dan sebagainya. Namun sedekah yang diberikan secara sembunyi itu adalah lebih afdal dan utama, ibarat tangan kanan yang memberi, tangan kiri tidak mengetahuinya kerana perbuatan itulah yang lebih dekat kepada keikhlasan dan jauh dari perasaan riak atau menunjuk-nunjuk.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan tentang seorang lelaki dari Bani Israel. Lelaki itu berkata dalam hatinya, aku akan bersedekah. Maka dia keluar pada malam hari membawa harta sedekahnya, lalu dengan diam-diam meletakkan sedekahnya itu di tangan seorang pencuri tanpa mengetahui bahawa orang itu adalah seorang pencuri. Pada pagi harinya orang ramai membicarakan bahawa seorang pencuri telah diberi sedekah malam tadi. Maka lelaki itu berkata: “Ya Allah bagi-Mu segala puji. Sedekahku telah jatuh ke tangan seorang pencuri.”

Pada malam kedua dia berniat lagi katanya aku akan memberi sedekah. Maka dia pun keluar membawa sedekahnya, lalu dengan diam-diam meletakkannya di

tangan seorang wanita penzina tanpa mengetahui bahawa wanita itu adalah seorang wanita penzina. Pada pagi harinya orang ramai membicarakan bahawa seseorang wanita penzina telah diberi sedekah malam tadi. Maka lelaki itu berkata, "Ya Allah bagi-Mu segala puji. Sedekahku telah jatuh ke tangan seorang wanita penzina."

Pada malam ketiga, dia pun berniat lagi katanya, aku akan memberi sedekah. Maka dia keluar membawa sedekahnya, lalu dengan diam-diam meletakkannya di tangan orang kaya tanpa mengetahui bahawa orang itu adalah orang kaya. Pada pagi harinya orang ramai membicarakan bahawa orang kaya telah diberi sedekah malam tadi. Maka lelaki itu berkata: "Ya Allah bagi-Mu segala puji. Sedekahku telah jatuh ke tangan seorang pencuri, penzina dan orang yang kaya."

Pada malam berikutnya, dia bermimpi bahawa sedekahnya telah diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam mimpi ini, dia telah diberitahu bahawa wanita yang menerima sedekah tersebut adalah seorang penzina dan dia melakukan perbuatan yang keji itu kerana kemiskinannya. Akan tetapi, setelah menerima sedekah tersebut dia berhenti dari perbuatan dosanya. Orang yang kedua adalah orang yang mencuri kerana kemiskinannya. Setelah menerima sedekah tersebut, pencuri itu berhenti dari perbuatan dosanya. Orang yang ketiga adalah orang kaya yang bakhil dan tidak pernah bersedekah. Akan tetapi, setelah menerima sedekah tersebut, orang kaya itu telah mendapat kesedaran dan telah timbul perasaan dalam hatinya bahawa dirinya lebih kaya daripada orang yang memberikan sedekah tersebut. Lalu orang kaya itu berniat ingin memberikan sedekah lebih banyak dari sedekah yang baru sahaja ia terima. Kemudian orang kaya itu mendapat taufik hidayah untuk bersedekah dan menginfakkan hartanya pada jalan yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Hikmah dari kisah tersebut adalah ketulusan dan keikhlasan dalam bersedekah. Sifat suka bersedekah banyak membawa kebaikan kepada orang di sekeliling kita dan dengan bersedekah juga dapat menutup bermacam-macam pintu keburukan.

Dalam bersedekah kita hendaklah ikhlas dan jangan sesekali menyebut-nyebut atau mengungkit-ungkit sedekah tersebut kerana perbuatan yang sedemikian merosakkan amalan sedekah. Perbuatan tersebut diumpamakan batu licin yang

bertanah yang kemudiannya ditimpah hujan lebat lalu hilanglah tanah tersebut. Maka itulah perbandingan bagi mereka yang mendapat sesuatu pahala hasil dari perbuatan sedekah mereka, tetapi pahala tersebut hilang disebabkan perbuatan yang mereka lakukan.

Ketahuilah bahwasanya terdapat 10 perkara yang terpuji terkandung dalam sedekah, iaitu lima perkara di dunia dan lima perkara di akhirat. Adapun lima perkara di dunia itu adalah menyucikan harta, menyucikan badan, menolak bala dan penyakit, menggembirakan orang miskin dan diberi keberkatan pada hartanya serta diluaskan rezekinya. Manakala lima perkara di akhirat itu adalah diberi naungan pada hari kiamat, diringankan hisab, diberatkan timbangan pahala, selamat meniti 'Siratul Mustaqim' dan ditambah darjatnya di dalam syurga.

Ingatlah, harta yang kita miliki bukanlah hak milik mutlak kita semua, tetapi terdapat hak orang lain di dalamnya yang perlu kita tunaikan seperti bersedekah, berwakaf, membantu fakir miskin, anak-anak yatim dan sebagainya.

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim dan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah pun dilancarkan dan dibukakan kepada orang ramai. Projek-projek SMS ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini untuk bersedekah dan menginfakkan harta bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Melihat betapa besarnya ganjaran yang diperolehi melalui amalan bersedekah. Marilah kita mengambil peluang dan kesempatan keemasan ini untuk melakukan amal jariah dengan menderma melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Mudah-mudahan segala yang kita dermakan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan, ganjaran pahala dan rahmat yang berterusan

dari pada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Yusuf, ayat 88 tafsirnya:

"Maka mereka pun pergilah ke Mesir setelah mereka masuk menemui Nabi Yusuf, mereka berkata: Wahai Al-Aziz! Kami dan keluarga kami telah ditimpakan kesengsaraan disebabkan kemarau, dan kami datang dengan membawa barang-barang yang tidak berharga sebagai tukaran untuk mendapatkan bahan makanan. Oleh itu, sempurnakanlah sukanan bahan makanan untuk kami dan bersedekahkan kepada kami. Sesungguhnya Allah mengurniakan ganjaran kepada orang-orang yang bersedekah."

Amalkan sikap bersederhana dalam berbelanja

Keluaran Pelita Brunei 30 Disember 2017

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak kepada hamba-hamba-Nya seperti nikmat kebahagiaan, nikmat kesihatan, nikmat kemakmuran, nikmat kekayaan dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 34 tafsirnya:

"Dan Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya, dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat kufur."

Perlu diingat bahawa ujian bukan sahaja berbentuk kesusahan tetapi termasuk juga kesenangan dan nikmat. Ada kalanya nikmat yang kita perolehi itu menyebabkan kita lalai dan lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana itulah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan kepada kita supaya memanfaatkan segala nikmat yang kita perolehi dengan sebaik-baiknya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Maksudnya:

"Daripada Ibnu Abbas Radhiallahuanhu ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seseorang lelaki dan Baginda menasihatinya: Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu." (Riwayat Imam Al-Hakim).

Adapun antara nikmat yang boleh melalaikan itu ialah nikmat harta. Oleh itu, agama kita telah mengajar cara berbelanja dan mengurus harta dengan betul sebagaimana yang telah diajarkan dalam Al-Quran dan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu hendaklah berbelanja dengan cara yang sederhana, tidak berlebih-lebihan atau membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 tafsirnya:

“Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya.”

Sesungguhnya mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan dapat mengelakkan diri daripada bersikap boros dan membazir. Dalam berbelanja kita hendaklah mengutamakan keperluan bukannya mengutamakan kemahuan. Sikap berbelanja mengikut hawa nafsu mesti dihindari dan dibendung sebelum ia menjadi tabiat. Ketahuilah, sikap boros berbelanja boleh mengundang masalah seperti menanggung hutang dan sebagainya.

Sebagai umat Islam kita sepatutnya mengamalkan sikap berjimat cermat serta bersederhana dalam apa-apa juga yang kita belanjakan kerana amalan tersebut dapat mendisiplinkan diri kita menuju ke arah sifat qanaah, iaitu menerima dengan rela apa yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri mengamalkan sifat qanaah dan bersifat sederhana. Di dalam sirah ada menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri hidup dalam keadaan yang amat sederhana, walaupun bukit dan gunung-ganang yang ada di sekitarnya pernah ditawarkan agar dijadikan emas dan perak, akan tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menolaknya dan tetap memilih cara hidup yang sederhana.

Imam Ahmad ada meriwayatkan daripada Abdullah ibnu Abbas mengenai kisah Sayidina Umar yang memasuki bilik Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semasa beliau menziarahi Baginda. Sayidina Umar berkata: “Aku pun duduk dan aku melihat tanda tikar pada badan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Aku ternampak segenggam gandum dan sekeping kulit tergantung, aku pun terus menangis. Lalu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya, “Wahai Ibnu Khattab mengapa kamu menangis? Umar menjawab, “Mengapa tidak, Ya Rasulullah. Aku ternampak bekas tikar kasar di badanmu dan aku melihat hartamu hanya sekadar apa yang aku lihat sekarang. Bayangkan Maharaja Rom dan Maharaja Farsi yang hidup dalam kelazatan, sedangkan kamu adalah Nabi hidup seperti ini? Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, “Wahai Ibnu Khattab, apakah kamu tidak reda bawa bagi kita akhirat dan bagi mereka dunia?.” Kisah ini jelas membuktikan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam suka untuk hidup dalam keadaan sederhana dan tidak melakukan pembaziran.

Oleh itu, jika kita mahu ekonomi diri kita, keluarga dan masyarakat stabil dan terjamin, kita hendaklah mengamalkan cara perbelanjaan yang bijak, sederhana dan berperancangan seperti mengutamakan barang-barang yang benar-benar diperlukan, mengamalkan tabiat menyimpan wang (menabung), tidak mengamalkan gaya hidup mewah dan boros. Ingatlah, agama kita melarang dan menegah umatnya daripada membazir kerana membazir merupakan satu tabiat buruk manusia yang sering terjadi apabila mereka dikurniakan rezeki atau nikmat yang banyak dan melimpah ruah. Sesungguhnya orang yang membazir adalah saudara syaitan dan syaitan amat suka kepada orang yang boros dan berbelanja mengikut hawa nafsu.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Isra', ayat 27 yang tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan mereka.”

Alhamdulillah, pada ketika ini warga Perkhidmatan Awam menikmati pemberian bonus sebagai inisiatif kepada pekerjaan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Sememangnya pemberian bonus sangat dinanti-nantikan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Walaupun pendapatan bonus boleh dikatakan

lumayan, namun bukan bererti kita harus berhabis-habisan membelanjakannya untuk sesuatu hal yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat. Ketika kita menikmati wang bonus ini juga, ibu bapa seharusnya jangan lupa untuk menyediakan keperluan yang sangat penting seperti barang atau persediaan untuk persekolahan anak-anak seperti pakaian, buku-buku dan seumpamanya. Anak-anak juga perlu dinasihati agar menggunakan semua barang-barang seperti beg dan alat-alat tulis yang masih boleh dipakai. Berbelanjalah secara bijaksana dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting sahaja tanpa melakukan pembaziran, apatah lagi sampai berbelanja melebihi had kemampuan kerana sifat berjimat cermat dalam berbelanja amat dituntut dalam agama Islam.

Oleh itu, amalkanlah sikap bersederhana dalam berbelanja dan mensyukuri nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-sama lah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat yang berterusan, nikmat yang berkekalan dan memberikan petunjuk serta hidayah-Nya supaya kita dapat hidup dengan bahagia dan selamat di dunia dan akhirat. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Hadid, ayat 7 tafsirnya:

“Berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah pada jalan Allah sebahagian daripada harta kurniaan-Nya yang dijadikan-Nya kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah, mereka beroleh pahala yang besar.”



TERBITAN
JABATAN PENERANGAN